


Jilid 1
Bil. 45



Hari Isnin
9hb Mac, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Memperkenalkan Akta-akta [Ruangan 6545]
Perutusan daripada Dewan Negara [Ruangan 6546]
Ucapan Takziah kepada Keluarga Mendiang Tuan Andrew Janggi Muyang
dan Allahyarham Datu Abdul Hamid bin Tun Datu Haji Mustapha
[Ruangan 6548]
Cuti Y.B. Tuan Chew Kam Hoy—Kebenaran [Ruangan 6549]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6549]

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN)—
MENARIK BALIK [Ruangan 6673]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18:

Kesulitan Pekebun-pekebun Sayur di Cameron Highlands—Y.B. Tuan Lim
Kit Siang [Ruangan 6674]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 6678]

KANDUNGANNYA—(samb.)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) [Ruangan 6679]
Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) [Ruangan 6686]

USUL:

Akta Acara Kewangan 1957:

Menambah Butiran Baru "Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee." [Ruangan 6713]

UCAPAN PENANGGUHAN:

**Akta Kawalan Sewa 1966 dan Laporan Jawatankuasa Semakan Kawalan Sewa—
Y.B. Tuan Lee Lam Thye [Ruangan 6744]**
**Koperasi Mengambil Deposit, Bayaran Kedua—Y.B. Tuan Lim Guan Eng
[Ruangan 6747]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DRMAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.L.S. (Kubang Pasu).

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAPAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

Mentem Kerjaraya, DATO S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beras).

Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S, (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., p.i.s. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menten Kebudayaan, Beha dan Sukan, DATO SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. YIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „» Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI Uus (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSU BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR. SRN ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATOK KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).

„ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH Kui (Lambir).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).

„ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

„ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).

„ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).

„ TUAN HAJI ABDUL MANAP BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

TUAN HAJI ABBLLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- TUAN SAMSON CHIN CHEE Tsu (Tawau).
- TUAN CHUA Jui MENG (Bakri).
- „ DR V. DAYID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN Gooi HOCK SENG (Bukit Bendera).
- TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).
- „ TUAN Hu SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *allos* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA,
P.B.S. (Kapit).
- TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
A.M.N. (Pontian).
- TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM Krr SIANG (Tanjong).
- PUAN LING CHOOI SmNG (Kluang).
- TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* Paul Pansai (Kota Belud).
- TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K,
(Jambongan).
- „ TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri),
- TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., p.s. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., p.p.T. (Bagan Datok).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P.
(Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- TUAN MOHD. NOH BIN RwAB (Tampin).
- TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).

Yang Berhormat TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).

- DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIPPAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I.(Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.s. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau),
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* Tiu SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING Kmw (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIANPENYATARASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismait bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARAMESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 9hb Mac, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**PEMASYHURAN TUAN
YANG DI-PERTUA****MEMPERKENANKAN AKTA-
AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan dalam mesyuarat Parlimen yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbekalan Tambahan (1986) 1986;
2. Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986;
3. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1986;
4. Akta Kewangan 1986;
5. Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986;
6. Akta Syarikat (Pindaan) 1986;
7. Akta Penggalakan Pelaburan (Pindaan) 1986;
8. Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1986;

9. Akta Kewangan (Bank dan Institusi Kewangan) 1986;

10. Akta Kewangan (No. 2) 1986;

11. Akta Perbekalan 1987;

12. Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan) 1987;

13. Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1987;

14. Akta Perbadanan Stadium Merdeka (Pindaan) 1987;

15. Akta Perpustakaan Negara (Pindaan) 1987;

16. Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 1987;

17. Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) (Pindaan) 1987;

18. Akta Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan) 1987; dan

19. Akta Lembaga Letrik Sabah (Pindaan) 1987.

**PERUTUSAN DARIPADA
DEWAN NEGARA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Negara yang menyatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam Mesyuarat Parlimen yang lalu. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

(Setiausaha Membaca Perutusan)

"19hb Disember, 1986.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat,

Dewan Negara telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut tanpa pindaan:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1987;
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1986);
3. Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan);
4. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Perbadanan Stadium Merdeka (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Perpustakaan Negara (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Penyerahan Bahan Perpustakaan;
8. Rang Undang-undang Pendaftaran Jurutera (Pindaan);
9. Rang Undang-undang Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan) (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Perlindungan Wanita dan Gadis (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Kewangan;
13. Rang Undang-undang Rahsia Rasmi (Pindaan);
14. Rang Undang Lembaga Letrik Sabah (Pindaan);
15. Rang Undang Syarikat (Pindaan);
16. Rang Undang Penggalakan Pelaburan (Pindaan);

17. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
18. Rang Undang-undang Kewangan (Bank dan Institusi Kewangan); dan
19. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2).

t. t.

YANG DI-PERTUA
DEWAN NEGARA."

**UCAPAN TAKZIAH KEPADA
KELUARGA MENDIANG TUAN
ANDREW JANGGI MUYANG DAN
ALLAHYARHAM DATU ABDUL
HAMID BIN TUN DATU
HAJI MUSTAPHA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan sedih saya memaklumkan iaitu Yang Berhormat mendiang Tuan Andrew Janggi Muyang, dahulunya Ahli Kawasan Lubuk Antu, telah meninggal dunia di Hospital Besar, Kuala Lumpur pada 9-2-1987. Bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah pun menziarahi mendiang Tuan Andrew Janggi Muyang di Hospital Besar, Kuala Lumpur pada 9-2-1987 dan menyampaikan takziah kepada balunya Puan Julia Ompeng.

Sekarang saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian berdiri dan bertafakur bersama saya selama seminit bagi - memperingati mendiang Tuan Andrew Janggi Muyang.

(Majlis bertafakur selama seminit)

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga ingin memaklumkan iaitu Yang Berhormat Allahyarham Datu Abdul Hamid bin Datu Haji Mustapha, dahulunya Ahli bagi Kawasan Limbawang, telah meninggal dunia pada 21-2-1987.

Bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat saya telah menghantar kawat takziah kepada Datin Faridah, balu Allahyarham Datu Abdul Hamid atas kematian Allahyarham itu.

Sekarang saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian supaya berdiri dan bertafakur bersama saya selama seminit sebagai memperingati Allahyarham Datu Abdul Hamid. Bagi orang-orang Islam diminta supaya menghadiahkan Fatihah seberapa ikhlas kepada roh Allahyarham Datu Abdul Hamid dengan doa semoga Allah Subhanahu wataala mencucuri rahmat ke atas rohnya dan dihimpunkan rohnya dalam golongan orang-orang yang soleh.

(Majlis bertafakur selama seminit dan Ahli-ahli yang beragama Islam membaca Fatihah)

**CUTI Y.B. TUAN CHEW KAM
HOY—KEBENARAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52 Perlembagaan Persekutuan kepada Yang Berhormat Tuan Chew Kam Hoy bagi Kawasan Padang Serai dari 2hb Mac, 1987 hingga 21hb Mac, 1987.

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PELAN INDUK PER-
INDUSTRIAN—PERAKUAN**

1. Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar minta Menteri Perdagangan dan

Perindustrian menyatakan apakah yang dilakukan untuk membaiki perakuan-perakuan yang dibuat di dalam Pelan Induk Perindustrian Negara, untuk mengintegrasikan wilayah-wilayah miskin yang mengeluarkan sumber-sumber alam dan pertanian dengan corridor-corridor pembangunan perindustrian.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat):

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Padang Terap, Kedah, Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah yang sesuai untuk membaiki dan menyusuli syor-syor dan perakuan yang telah dibuat dalam Pelan Induk Perindustrian bertujuan untuk mewujudkan kesan rantaian dan integrasi di antara wilayah-wilayah miskin dengan koridor-koridor pembangunan perindustrian. Konsep "koridor perindustrian" adalah satu strategi perindustrian yang menekankan pemusatan kegiatan ekonomi dalam kawasan-kawasan koridor Pantai Barat dan sebuah koridor kecil di Pantai Timor, Semenanjung Malaysia. Konsep ini tidak ada menimbulkan konflik dan masih mengintegrasikan kawasan-kawasan tersebut dengan wilayah-wilayah yang miskin. Integrasi ini adalah melalui pembekalan bahan-bahan mentah dari kawasan-kawasan pendalaman ke kawasan-kawasan koridor. Insentif-insentif untuk membangunkan industri-industri ini telah juga diperkenalkan di bawah Akta Penggalakan Perindustrian, 1986. Pasukan-pasukan Petugas telah juga ditubuhkan untuk menentukan bahawa keluaran-keluaran berasaskan sumber asli seperti getah, kelapa sawit, kayu akan diutamakan selaras dengan matlamat Pelan tersebut. Pembangunan industri ini antara lain akan juga mewujudkan rantaian di antara koridor-koridor perindustrian dengan wilayah-wilayah miskin. Misalnya bagi industri berasaskan

kayu, kilang-kilang papan adalah pada dasarnya lebih sesuai ditempatkan di kawasan-kawasan iuar "koridor" berdekatan dengan sumber kayu balak; sementara pengilangan keluaran kayu seperti perabot dan lain-lain adalah lebih sesuai ditempatkan di kawasan koridor berhampiran dengan kemudahan pelabuhan (jika untuk eksport) dan bandar-bandar (jika untuk pasaran tempatan) kerana di sinilah terdapatnya penumpuan penduduk-penduduk.

Secara keseluruhannya, saya yakin jika kawasan koridor ini dapat dibangunkan dengan pesatnya, kekayaan yang akan wujud itu akan juga dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk di kawasan-kawasan pendalaman.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat manakah kemelesetan ekonomi menjejaskan pelaksanaan Pelan Induk Perindustrian Negara di dalam mengintegrasikan wilayah-wilayah miskin di koridor-koridor pembangunan tersebut.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, seperti lain-lain hal ekonomi di Malaysia, konsep-konsep disebut di dalam Pelan Induk Perindustrian mestilah ada sedikit dijejaskan tetapi sejauh mana kita belum mengkaji hal itu.

PROJEK METROLINK

2. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah kemajuan yang dicapai dalam projek Pengangkutan Laju Ringan Metrolink (Metrolink light Rail Transit Project) yang dicadangkan dan sama ada kemelesetan ekonomi sekarang akan mengizinkan perlaksanaan cadangan projek ini. Nyatakan juga

sama ada kesan ke atas penghidupan pengusaha-pengusaha pengangkutan awam.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, Projek Metrolink ini masih lagi di peringkat perancangan. Ianya merupakan satu projek yang akan dilaksanakan 100% oleh pihak swasta dan akan menggunakan landasan keretapi yang sedia ada.

Soal sama ada keadaan kemelesetan ekonomi sekarang akan mengizinkan pelaksanaan projek ini adalah bergantung kepada kebolehan pihak swasta berkenaan memperolehi pinjaman bagi membiayai projek ini berdasarkan kedayahidupan projek. Kerajaan tidak akan memberi jaminan dalam sebarang bentuk pinjaman berkaitan dengannya dan tidak bercadang untuk mengadakan sebarang peruntukan kewangan dalam melaksanakan projek ini.

Dalam hubungan ini, Kerajaan akan berusaha memastikan bahawa pengusaha-pengusaha pengangkutan awam tidak terjejas dengan terlaksananya projek ini kelak. Pengusaha-pengusaha ini adalah digalakkan untuk turut terlibat dalam menjayakan projek ini. Oleh hal yang demikian, Kerajaan telah meletakkan syarat supaya syarikat swasta berkenaan melibatkan syarikat-syarikat bas dan teksi dalam projek tersebut, melalui pemilikan saham sebanyak 20%. Adalah diharapkan bahawa dengan cara ini pengusaha-pengusaha pengangkutan berkenaan akan mendapat faedah daripada projek tersebut.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah istimewanya projek Metrolink ini kalau berbanding dengan LRT sebelum ini. Bolehkah Yang Berhormat itu menerangkan, mengapa

satu projek yang dirancangan pada mulanya digantikan dengan begitu mudah sahaja.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, projek ini sebenarnya bukan menggantikan projek LRT yang telah dirancangan dahulu tetapi keistimewaannya bagi projek Metrolink ini ialah projek ini akan menggunakan landasan-landasan keretapi yang sedia ada. Jadi, bermakna tidak melibatkan banyak penyediaan infrastruktur kerana infrastruktur iaitu landasan keretapi sudah ada.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa dengan adanya hasrat Kerajaan untuk memperkenalkan pengangkutan laju ringan Metrolink ini, apakah yang terjadi dengan sistem Aerobus yang pada satu ketika ada ditimbulkan oleh pihak Kementerian yang berkenaan.

Disamping itu suka saya juga mendapat tahu daripada Yang Berhormat yang berkenaan bahawa sekiranya pihak syarikat Metrolink ini dapat melaksanakan projek swasta, ini sama ada pihak Metrolink dapat menyelesaikan masalah dengan pihak KTM berhubung dengan masalah tentang pajakan tanah ataupun tapak laluan KTM yang nampaknya merupakan satu masalah yang besar.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, projek Aerobus ini tidak dibatalkan tetapi ditangguhkan memandangkan keadaan ekonomi pada masa ini,

Dari segi masalah berkaitan dengan tanah KTM dan tapak-tapak laluan yang diperlukan oleh Metrolink, perkara ini adalah di peringkat perbincangan di antara syarikat yang berkenaan dengan Keretapi Tanah Melayu.

AKTA RAHSIA RASMI— KUATKUASA

3. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Perdana Menteri menyatakan semenjak berkuatkuasanya Akta Rahsia Rasmi Kerajaan (OSA) sejauh manakah perlaksanaannya telah berjalan dan adakah kebocoran rahsia dan sebagainya masih berlaku jika dibandingkan sebelum Akta Rahsia Rasmi diluluskan pada tahun yang lalu di Parlimen.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Akta Rahsia Rasmi ataupun OSA telah lama wujud iaitu semenjak tahun 1972 lagi. Semenjak pindaan dibuat kepada Akta Rahsia Rasmi yang diluluskan pada tahun 1986 di Parlimen, belum ada laporan kebocoran rahsia yang dibuat. Pindaan ini hanya baru berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1987. Oleh itu, agak terlalu awal untuk mengukur kekesanannya. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah tertentu untuk menjamin perlaksanaannya dijalankan dengan kemas dan teratur. Suatu Pekeliling baru telah diedarkan kepada kakitangan Kerajaan supaya mereka benar-benar faham tujuan dan maksud pindaan itu, lebih-lebih lagi tentang tafsiran serta juga tata pelaksanaan. Taklimat dan sesi penerangan diadakan dari masa ke semasa supaya kakitangan yang terlibat dalam mengendalikannya fail-fail sulit dan rahsia benar-benar tahu peranan dan tanggungjawab mereka untuk mengelakkan sebarang kebocoran dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa dengan pindaan OSA ini, khasnya dengan peruntukan mewajibkan mandatory jail sentence, dengan izin, adakah hukuman penjara yang diwajibkan

bahawa pegawai-pegawai Kerajaan semua peringkat sudah menggunakan Akta ini untuk menafikan maklumat-maklumat kepada orang ramai termasuk perkara-perkara sangat biasa dan adakah Kerajaan mengadakan satu sistem yang boleh dijelaskan, diterangkan kepada orang ramai bagaimana bahan-bahan maklumat Kerajaan diklasifikasikan sebagai rahsia rasmi yang luar daripada kategori jadual (scheduled categories). Katau satu sistem ini belum diadakan, kenapa begitu lama dan bolehkah untuk menentukan pindaan ini tidak menyatakan suasana takut-takut bahawa sebelum sesiapa didakwa di bawah OSA ini, perkara ini akan dikemukakan sekurang-kurangnya maklumat diberi kepada Kabinet?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya tak mungkin menghalang DAP daripada mengadakan sangkaan buruk seperti yang dinyatakan dalam pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk menjawab tentang sangkaan itu kerana ini telah dijawab berkali-kali dalam perbincangan berkenaan dengan OSA ini.

Tentang penjelasan yang diberi kepada orang ramai, hanya DAP dan pengikut-pengikutnya sahaja yang tak faham.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada tahun yang lalu apabila pindaan Akta Rahsia Rasmi ini dikemukakan di Parlimen, ada bantahan-bantahan yang mengatakan apabila pindaan ini dikuatkuasakan, ini akan bermakna demokrasi akan mati dan kebebasan tidak akan wujud dalam aspek penyiaran berita-berita kepada rakyat. Saya ingin tahu, Tuan Yang di-Pertua, sejak pindaan ini dilaksanakan pada bulan Januari tahun ini, adakah apa yang disangka oleh pihak-pihak yang berkenaan itu menjadi kenyataan

dan adakah pihak akhbar-akhbar menghadapi masalah untuk menyebarkan berita-berita penting kepada rakyat?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, mengikut setengah-setengah pihak dalam negara kita ini demokrasi ini telah mati berkali-kali. Ini adalah satu perkara yang ganjil kerana yang mati biasanya tidak hidup balik, tetapi demokrasi di Malaysia mati, hidup balik; mati, hidup balik pula dan sekarang ini pun masih hidup.

PNB—MENGEMBANGKAN EKONOMI BUMIPUTERA

4. Tuan Abdul Ghani bin Othman minta Perdana Menteri menyatakan apakah dasar, strategi dan tindakan PNB yang lain untuk membangunkan dan mengembangkan ekonomi kaum Bumiputera selain daripada memiliki ekuiti atau mengambilalih syarikat di sektor swasta dan awam yang telah sedia menguntungkan dan lagi diuruskan dengan baikny.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Permodalan Nasional Berhad atau PNB adalah ditubuhkan pada tahun 1978 sebagai sebuah institusi pelaburan amanah untuk membantu usaha meningkatkan penyertaan bumiputera dalam sektor syarikat. Sebagai sebuah institusi pelaburan amanah, PNB memikul amanah masyarakat bumiputera perseorangan untuk melabur dalam sektor syarikat dan mengagihkan pulangan pelaburan ini kepada bumiputera perseorangan menerusi Skim Amanah Saham Nasional.

Selain dari itu, PNB juga mempunyai tugas dan tanggungjawab tertentu seperti berikut:

- (i) Mempastikan syarikat-syarikat yang dilaburnya mengeluarkan keuntungan yang berpatutan dan pihak pengurusan

mengendalikan operasi syarikat dengan cekap dan berkesan.

- (ii) Mewujud dan melatih tenaga pekerja bumiputera yang berkaliber untuk mengurus dan mengendalikan operasi syarikat, terutamanya dalam syarikat-syarikat di mana PNB mempunyai pegangan saham yang majoriti.
- (iii) Memainkan peranan dalam memajukan kemahiran pengurusan dan entrepreneurship di kalangan bumiputera di dalam industri-industri berkenaan bagi tujuan keseimbangan pengalaman dan kepintaran bumiputera dalam ekonomi negara. Pada masa ini PNB menyediakan kemudahan-kemudahan seperti khidmat nasihat dan penyelidikan kepada usahawan-usahawan bumiputera yang ingin menceburi dalam bidang perniagaan.
- (iv) PNB akan cuba melabur dan memainkan peranannya dalam beberapa sektor ekonomi yang penting melalui penguasaannya dalam syarikat-syarikat di dalam sektor-sektor tersebut. PNB dan Skim Amanah Saham Nasional! telah melabur dalam lebih 100 buah syarikat dengan jumlah pelaburan sebanyak \$6,000 juta di pelbagai sektor ekonomi. Berdasarkan jumlah pelaburan yang besar ini PNB menyumbang bukan sahaja kepada masyarakat bumiputera, tetapi juga ke arah pembangunan ekonomi negara amnya.

Dr Tan Seng Giaw: Soalan tambahan. Apakah dasar PNB mengenai pelaburan di luar negeri dan setakat ini berapa peratuskah pelaburan dibuat, sama ada di Australia, United Kingdom atau USA?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ada di antara syarikat-syarikat kepunyaan PNB, terutama syarikat yang besar-besar yang telah dibeli daripada pihak British dahulu yang mempunyai pelaburan yang sedia ada di luar negeri dan ini telah pun menjadi milik PNB. Di samping itu, pelaburan PNB tidaklah terhad kepada pelaburan dalam negeri sahaja dan PNB bercadang untuk melabur di luar negeri untuk mendapat keuntungan daripada kegiatan-kegiatan perniagaan yang sekarang ini lebih menguntungkan negara yang maju daripada negara membangun.

YPEIM—SUMBANGAN PEGAWAI ISLAM

5. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Perdana Menteri menyatakan jumlah Ekonomi Islam semenjak ianya ditubuhkan dan berapa peratus Pegawai Kerajaan yang beragama Islam yang membuat sumbangan bulanan kepada Yayasan ini. Apakah usaha yang dibuat oleh Kerajaan supaya lebih ramai Pegawai-pegawai Kerajaan yang beragama Islam menyumbang kepada Yayasan ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Tuan Yang di-Pertua, semenjak Yayasan Ekonomi Islam (YPEIM) ditubuhkan dan setelah disusun semula pada pertengahan tahun 1984 sebanyak \$3,800,761.00 telah dipungut dan kira-kira 120,000 kakitangan Kerajaan telah menyertai skim ini iaitu dalam anggaran sebanyak 20% daripada keseluruhan. Di antara usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan dan pihak Yayasan untuk menambahkan lagi bilangan pegawai-pegawai Kerajaan yang beragama Islam untuk menyertai skim ini ialah dengan mengeluarkan Surat Pekeliling oleh Ketua Setiausaha Negara kepada semua ketua-ketua jabatan Kerajaan

Persekutuan dan Negeri bagi menyatakan tujuan penyertaan skim tersebut.

Pihak YPEIM juga telah menyampaikan taklimat kepada ketua-ketua jabatan di peringkat Persekutuan dan Negeri-negeri untuk menerangkan tujuan yayasan ini ditubuhkan dan sekaligus mengajak kakitangan Kerajaan yang beragama Islam untuk menyertai skim ini.

Pihak Kementerian Penerangan juga sering menyiarkan pengumuman kempen serta galakan bagi bantuan ke arah menjayakan skim ini. Demikian juga pihak media massa sentiasa memberikan perhatian ke arah pembangunan Yayasan ini.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri daripada jumlah wang yang dikutip tadi sebanyak \$3.8 juta, kemanakah wang itu disalurkan ataupun diurusniagakan dan kedua, adakah potongan-potongan daripada penderma-penderma yang berjumlah 120,000 tadi semuanya telah sampai ke Yayasan menurut jadual atau ada di antara pungutan itu yang tidak menurut jadual?

Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kemanakah ditaburkan wang itu sekiranya Ahli Yang Berhormat ingin kepada keterangan yang detil, maka ia memerlukan kepada kenyataan yang panjang disebabkan oleh kerana senarai tempat-tempat pelaburan adalah panjang dan akan memakan masa kalau sekiranya dihuraikan di sini. Saya perlu memohon notis supaya perkara ini dikemukakan secara bertulis.

Mengenai dengan perkara yang kedua iaitu sama ada sampai atau

tidak, jawapannya ialah sebahagian sudah sampai dan sebahagian lagi belum sampai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Patau Rubis.

(Soalan No. 6 Y. B. Dr Patau Rubis tidak hadir)

SISWA7AH MENGGANGGUR

7. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Pelajaran mengenai cara-cara mengatasi masalah siswazah-siswazah menganggur kerana negara kita yang kecil mempunyai universiti yang agak banyak. Adakah Kementerian Pelajaran bercadang hendak mengujudkan rantaian Maktab-maktab Kemahiran sebagai satu langkah mengatasi masalah pengangguran yang melanda negara kita sekarang ini.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar tentang wujudnya pengangguran di kalangan siswazah pada masa ini. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan sedang berusaha merancangkan beberapa program tertentu untuk siswazah-siswazah tersebut dan ianya melibatkan penyertaan berbagai Kementerian khususnya Kementerian Pertanian, Kementerian Buruh dan lain-lain agensi Kerajaan dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pelajaran secara spesifik termasuklah:

1. Memohon kerjasama universiti-universiti tempatan untuk menyesuaikan kursus-kursus bagi memenuhi keperluan guru-guru siswazah seperti guru Bahasa Malaysia yang kita masih

kekurangan disekitar 1,000 orang, guru-guru bahasa Inggeris, Sejarah dan Geografi;

2. Merancang pertukaran guru-guru sains dengan Republik Indonesia justeru kerana kita kelebihan guru-guru sains dan negara Indonesia kekurangan guru-guru sains;
3. mengadakan latihan dan kursus pertanian di Universiti Pertanian Malaysia dan di sekolah-sekolah menengah vokasional. Pada ketika ini Kementerian Pelajaran tidak mempunyai rancangan khusus untuk mewujudkan rangkaian maktab-maktab kemahiran bagi mengatasi masalah siswazah-siswazah menganggur kerana ini dikendalikan oleh Kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan.

TUNTUTAN WARIS SULTAN SULU

8. **Tuan Joe Ojihin Supiring** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah benar Malaysia sedang membayar pampasan kepada Kerajaan Philipina berhubung dengan Negeri Sabah; dan
- (b) adakah betul Negeri Sabah mempunyai peruntukan tanda atau Token Allocation untuk pembayaran, kepada Kerajaan Philipina sebagai customary restitution ke atas Sabah; jika benar bilakah bayaran ini dihapuskan.

Menteri Luar Negeri (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran yang dimaksudkan bukanlah bayaran pampasan tetapi merupakan wang

penyerahan yang dibayar kepada waris-waris Sultan Sulu berdasarkan kepada satu keputusan Mahkamah Borneo Utara dalam tahun 1939, berikutan dari satu saman sivil yang dibuat oleh waris-waris Sultan Sulu ke atas Kerajaan Borneo Utara ketika itu.

Keputusan itu masih berkuatkuasa sehingga satu penyelesaian dapat dicapai di antara Malaysia dengan waris-waris Sultan Sulu. Juga berdasarkan kepada keputusan tersebut, tanggungjawab pembayaran adalah di atas Kerajaan Negeri Sabah. Dalam hal ini Kerajaan Sabah tiap-tiap tahun membuat peruntukan dalam perbelanjaannya bagi tujuan tersebut. Adalah tidak benar anggapan bahawa pembayaran pampasan dibuat kepada Kerajaan Filipina.

PROJEK BEKALAN AIR BEAUPORT—KUALA PENYU

9. **Tuan Nurnikman Abdullah** minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah projek bekalan air Beaufort-Western-Mempakul dan Kuala Penyu akan dimulakan memandangkan kawasan-kawasan ini kerap menghadapi kemarau yang berlarutan. Sudahkah tender bagi projek ini ditawarkan dan siapakah Kontraktor yang berjaya, serta berapakah jumlah kos atau perbelanjaan yang diperuntukkan bagi projek ini.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bekalan air Beaufort/Kuala Penyu adalah projek di bawah rancangan bekalan air luar bandar yang akan dikendalikan oleh Syarikat Antah-Biwater. Kosnya dijangka berjumlah \$3.6 juta. Skim-skim bekalan air di bawah rancangan khas ini adalah di peringkat detail design sekarang dan dijangka mula dilaksanakan pada pertengahan tahun 1987.

LPN KEDAH—KEHILANGAN BUKU LEJER

10. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa buku lejer upah mengisar padi LPN Negeri Kedah bagi penghujung tahun 1982 hingga 1984 telah 'dihilangkan' menyebabkan kerugian lebih dari \$10 juta; adakah Kementerian telah membuat penyiasatan, kalau tidak mengapa.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar mengenai kehilangan buku lejer upah kisar LPN Kedah. Walau bagaimanapun, tidak seperti yang didakwakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kawasan Pendang, hanya buku lejer bagi tahun 1983 sahaja yang didapati hilang, manakala buku-buku bagi tahun 1982 dan 1984 tidak hilang.

LPN telah mengambil tindakan menyediakan buku lejer baru untuk tahun 1983 dengan menggunakan salinan-salinan resit yang terdapat di kompleks-kompleks LPN di Kedah. Oleh yang demikian, LPN tidak mengalami sebarang kerugian akibat dari kehilangan tersebut. Dengan itu, dakwaan yang mengatakan LPN telah kerugian sebanyak \$10 juta akibat dari kehilangan tersebut adalah tidak benar sama sekali.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kakitangan yang terbabit dengan kehilangan tersebut telah meletakkan jawatan sebelum apa-apa tindakan dapat diambil ke atasnya.

PERTUBUHAN NEGARA-NEGARA ISLAM (OIC)—PERANAN

11. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Luar Negeri menyatakan keberkesanan dan kepentingan Pertubuhan Negara-negara Islam

(OIC) dari segi politik dan ekonomi dan sejauh mana Malaysia telah memainkan peranannya di dalam menguatkan dan mengukuhkan pertubuhan itu di arena politik antarabangsa.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, Persidangan Negara-negara Islam adalah sebuah pertubuhan yang menyatukan semua negara-negara Islam ke arah kerjasama serta kemajuan bagi mencapai keamanan dan keselamatan dunia. Semenjak OIC ditubuhkan, langkah-langkah tertentu telah diambil dalam bidang politik dan ekonomi bagi tujuan ini. Dalam bidang politik, usaha-usaha telah ditumpukan untuk menegakkan kedaulatan dan perpaduan umat Islam seluruhnya, terutama sekali perjuangan rakyat Palestin dan melindungi tempat-tempat suci Islam untuk menentang pencerobohan regim Zionis Israel, masalah peperangan Iran-Iraq, Afghanistan dan juga masalah Apartheid di Afrika Selatan. Dalam rangka ini OIC telah memainkan peranan yang penting bukan sahaja dalam menegakkan perjuangan mereka dalam rangka pertubuhan antarabangsa, tetapi juga dalam aspek-aspek yang lain. Walaupun hingga kini masalah ini masih menjadi beban kepada umat Islam seluruhnya dan masih diperjuangkan, namun ini tidak bermakna OIC tidak memainkan peranan yang berkesan khususnya di bidang antarabangsa.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah OIC bercadang untuk mengadakan pakatan tentera seperti yang dibuat oleh NATO?

Tuan Yang di-Pertua: Dalam soalan ini tidak ada sebut tentera (*Ketawa*). Ya! Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Benarkah bahawa ramai di antara anggota-anggota Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) bersikap tidak serius dalam usaha memperjuangkan kepentingan pertubuhan tersebut memandangkan kegagalannya dalam mengatasi masalah-masalah ekonomi negara-negara Islam dan kegagalan untuk mencari penyelesaian dalam peperangan Iran/Iraq serta masalah Palestin. Sekiranya benar, adakah Malaysia berusaha menarik perhatian pertubuhan tersebut supaya menumpu lebih perhatian kepada isu yang sebenarnya dalam OIC?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, untuk menyangka bahawa Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) sebagai tidak berjaya dan justeru tidak mendapat perhatian serius dari para anggotanya tidaklah tepat. Saya katakan begitu oleh kerana OIC telah banyak mengendalikan program-program yang menimbulkan kepentingan bersama kepada masyarakat Islam. Kita tidak boleh hanya meneliti OIC dari segi persengketaan Iran dan Iraq, walaupun itu merupakan isu yang terpenting dalam perjuangan antara negara-negara Islam.

Mari kita lihat apa yang dipanggil sebagai Yayasan Perpaduan Islam atau, dengan izin, Islamic Solidarity Fund, Menerusi Tabung ini semua negara Islam telah dan sedang mendapat faedah dari berbagai-bagai punca dan tujuan. Walaupun masalah Iraq dan Iran itu telah masuk ke tahun ke 7 dan belum lagi mendapat penyelesaian, di samping itu melibatkan pula kematian lebih dari 1 juta orang manusia, namun, OIC telah mewujudkan Jawatankuasa Perdamaian yang mana negara kita sendiri menjadi salah satu dari anggotanya. Dari sudut itu boleh kita rumuskan bahawa penglibatan semua negara Islam adalah serius dan tujuan serta matlamat setiap negara itu adakah tertera dari segi penglibatan mereka di sidang-sidang yang lalu.

ESTETSWASTA—PENGAMBILAN ALIH FELDA

12. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kementerian tersebut berhasrat untuk membeli estet-estet kepunyaan saudagar-saudagar asing atau saudagar-saudagar dalam negeri kemudian dijadikan seperti estet-estet FELDA dengan membahagikan kepada peneroka-peneroka yang berkelayakan menerusi FELDA, kerana sering didapati yang estet besar-besar dijual dan bertukar tangan oleh sebab-sebab tertentu. Dengan ini Kerajaan boleh menyimpan hutan di negara kita.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut Ordinan FELDA 1956, FELDA ditugaskan oleh Kerajaan memajukan kawasan-kawasan tanah baru untuk pertanian dan penempatan.

Perlu ditegaskan bahawa FELDA tidak berhasrat untuk mengambillah estet-estet swasta kerana ianya bercanggah dengan objektif penubuhannya.

SERU—KAJIAN/PENYELIDIKAN

13. Drs Sulaiman bin Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan susulan yang telah diambil berdasarkan hasil kajian-kajian yang telah dijalankan khususnya kajian-kajian imek (SERU) dan sejauh manakah berkesannya hasil daripada kajian tersebut dalam menilai program Kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, SERU menjalankan penyelidikan atas

permintaan Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan Kerajaan dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Kajian yang telah dijalankan merangkumi kajian impek program-program dan projek-projek Kerajaan yang dilaksanakan bagi meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyat. Semua laporan kajian ini telah disampaikan kepada Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan Kerajaan dan Kerajaan Negeri yang berkaitan. Hasil kajian-kajian telah pun digunakan secara berkesan oleh Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Kerajaan Negeri untuk penilaian semula program-program yang dilaksanakan dan perancangan selanjutnya.

Tuan Adam bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Perlu, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kita faham bahawa SERU antara lain memainkan peranan untuk mengkaji kepada sosio ekonomi di kalangan rakyat. Ini bererti termasuk juga di kalangan peneroka-peneroka. Apakah penyelidikan yang telah dianjurkan dan apakah hasilnya terhadap sentimen yang timbul di kalangan peneroka-peneroka sekarang yang tidak begitu harmoni, sentimennya dengan Kerajaan pada waktu ini?

Dr Siti Zahara binti Sulaiman: Kajian yang berkaitan dengan masalah peneroka itu telah dijalankan, tetapi untuk mendapatkan laporannya secara terperinci tidak mungkin disampaikan secara mulut, tetapi kalau Ahli Yang Berhormat ingin mendapatkan laporan itu boleh disediakan secara bertulis.

ELEKTRIK DI SABAH/ SARAWAK—KADAR BAYARAN

14. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada terdapatnya

perbezaan bagi kadar elektrik yang dibayar oleh pengguna di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia; jika benar, mengapa.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Zainal Abidin bin Zin):

Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat perbezaan di dalam kadar elektrik yang dibayar oleh pengguna di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Kadar purata yang dibayar di ketiga-tiga tempat ini ialah 270 sen seunit, 30.0 sen seunit dan 19.33 sen seunit masing-masing.

Pada amnya, kadar-kadar bayaran elektrik di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi berbanding dengan Semenanjung Malaysia, memandangkan bahawa sebahagian besar daripada sumber penjaan Lembaga Letrik Sabah dan Perbadanan Perbekalan Letrik Sarawak datangnya daripada stesen-stesen penjaan yang kecil dan terpencil di mana kos penjaan adalah lebih tinggi dan tidak wujud, dengan izin, economies of scale. Tambahan pula masih belum wujud lagi satu sistem grid negeri di kedua-dua negeri yang tersebut.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan. Satu syarikat ataupun consortium dari Kanada telah digajikan untuk mengkaji sistem tarif kadar bayaran elektrik di negeri Sarawak. Apakah kemajuan yang telah kita dapati daripada kajian ini?

Yang keduanya, elektrik di kawasan Bahagian Pertama di negeri Sarawak termasuklah daerah Kuching adalah berasal daripada Projek Hidro Elektrik di Batang Air, satu stesen yang besar dan kenapa kadar bayaran masih amat tinggi?

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, kajian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi belum lagi diterima keputusannya.

Kedua, kalau kita berikan satu bayaran tarif yang rendah bagi kawasan penduduk-penduduk di Kuching, oleh sebab penjanaannya adalah rendah daripada segi kosnya, bagaimana pula penduduk-penduduk di Sarawak di tempat lain di mana penjanaannya adalah tinggi. Di dalam sistem Kerajaan Barisan Nasional ini kita adalah lebih memperhatikan kepentingan keseluruhan daripada kelompok-kelompok yang ingin mencari kepentingan. Terima kasih.

JALAN-JALAN BALAK— PENGAMBILAN ALIH

15. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pembalakan-pembalakan di seluruh negara telah dan sedang membina banyak jalan raya di seluruh negara terutama dalam kawasan pembalakan. Adakah Kerajaan bercadang supaya jalan raya tersebut diambil oleh Kerajaan apabila pembalakan tersebut sudah tamat memandangkan jalan raya tersebut merupakan satu bentuk pengangkutan di antara kampung di luar bandar yang amat penting misalnya di Sarawak dan Sabah; jika ya, sila nyatakan cara-cara bagaimana ambalilah itu dibuat. Dalam perkara ini, adakah Kerajaan membuat garis panduan untuk pembalakan-pembalakan supaya jalan raya itu dibina mengikut spesifikasi dan piawai yang ditentukan oleh Kerajaan. Jika Kerajaan mengambilalih jalan raya tersebut, adakah Kerajaan bercadang membayar pampasan kepada pemilik tanah; jika tidak mengapa.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak ada cadangan untuk mengambilalih jalan-jalan balak di negeri Sabah dan Sarawak.

Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan kepada Kerajaan Negeri di bawah peruntukan State Road Grant bagi tujuan membina dan menaikkan taraf-taraf jalan-jalan di

negeri masing-masing dan terpulanglah kepada Kerajaan Negeri sama ada untuk mengambilalih jalan balak tersebut atau tidak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan hanya mengambilalih jalan raya yang menghubungkan bandar-bandar dan tempat-tempat yang penting seperti lapangan terbang, pelabuhan dan seumpamanya.

PERSIDANGAN PERTUBUHAN SUKARELA DARI LUAR MALAYSIA

16. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi menghalang badan-badan atau pertubuhan sukarela dari luar Malaysia yang berlatarbelakang agama (kecuali Agama Islam) daripada menjadikan negara ini sebagai tempat perjumpaan atau persidangan badan tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya Kerajaan tidak menghalang badan-badan atau pertubuhan sukarela dari luar Malaysia yang berlatarbelakang agama mengadakan perjumpaan atau persidangan di negara ini, selagi perjumpaan atau persidangan itu tidak melanggar mana-mana peruntukan undang-undang yang ada. Sehubungan dengan itu juga, pihak Kerajaan akan sentiasa mengkaji dan mempertimbangkan dengan mendalam setiap perjumpaan atau persidangan yang hendak diadakan bagi menentukan sama ada atau tidak boleh menjejaskan keharmonian masyarakat berbilang kaum dan agama di negara ini. Jika didapati ia membawa implikasi sedemikian yang berpotensi menggugat ketenteraman awam dan keselamatan negara, maka Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan adakah badan-badan yang tidak dibenarkan menganjurkan persidangan mereka dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri namakan badan-badan tersebut dan mengapa mereka tidak dibenarkan mengadakan persidangan?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir lebih baik Yang Berhormat dari Kota Melaka menyebutkan kepada saya badan mana yang tidak diluluskan oleh Kerajaan.

TANAH TERBIAR—PEMULIHAN

17. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Pertanian menyatakan setakat ini, sejauh manakah Kementerian ini telah berjaya mengatasi pemulihan tanah-tanah terbiar di seluruh negara. Dan apakah petani-petani kita dapat mengubah sikap mereka melalui Kementerian ini. Dan apakah penyampaian ekonomi mereka melalui pertanian.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang pernah saya jelaskan kepada Dewan ini pada 25-11-86, Kementerian Pertanian dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah adalah bertanggungjawab memulihkan tanah terbiar. Kementerian Pertanian adalah bertanggungjawab untuk menyelaraskan projek-projek pemulihan sawah terbiar, sementara Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah adalah bertanggungjawab ke atas projek pemulihan tanah bukan sawah. Sehingga akhir bulan Febuari tahun ini, Kementerian telah berupaya memulihkan sebanyak lebih daripada 24,682 hektar sawah terbiar dan melibatkan lebih daripada 20,000 tuan

tanah dan petani. Kementerian juga telah diberi peruntukan sebanyak lebih daripada \$12 juta untuk membiayai projek-projek pemulihan bagi tahun 1987.

Kementerian telah dan akan terus berusaha untuk mengubah sikap petani-petani selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara untuk memodenkan sektor pertanian dan mempergiatkan semula sumbangan sektor ini kepada pembangunan negara keseluruhannya. Sebagai contoh mulai tahun 1986, kaedah pembiayaan projek pemulihan sawah terbiar di bawah Kementerian ini telah dipinda iaitu dengan memansuhkan bantuan percuma untuk membeli input pertanian dan penyediaan tanah. Sebaliknya Kementerian telah mengadakan kemudahan pinjaman yang dikenali sebagai Skim Pinjaman Khas Pertanian yang dikendalikan oleh Bank Pertanian Malaysia untuk membiayai projek pemulihan sawah terbiar. Kementerian hanya memberi peruntukan secara langsung untuk membiayai kos penyediaan infrastruktur seperti taliair dan jalan ladang.

Melalui kaedah ini hanya projek-projek yang berdaya maju sahaja akan dijalankan dan secara tidak langsung menggalakkan petani-petani membuat pertimbangan ekonomi dari segi untung/rugi sebelum melaksanakan sesuatu projek. Dengan cara ini juga petani akan memilih tanaman yang menguntungkan untuk dimajukan. Di samping itu, melalui pendekatan kaedah pertanian berkelompok, estet mini dan perladangan komersial, petani-petani akan dapat menikmati laedah ekonomi bidangan dan dapat melaksanakan projek mengikut amalan pengurusan yang cekap dan lebih profesional. Tuan tanah yang tidak mampu mengusahakan sendiri adalah digalakkan untuk menyerahkan tanah-tanah mereka yang tidak diusahakan kepada pihak yang berminat seperti petani siswazah

dan swasta untuk ditanam dengan tanaman yang menguntungkan berdasarkan perjanjian yang dipersetujui bersama.

Saya yakin langkah dan pendekatan yang diperkenalkan oleh Kementerian ini telah membawa perubahan sikap petani yang terlibat untuk mengusahakan tanah mereka dengan lebih intensif dan sistematis dan mengambilkira pertimbangan kos, pasaran dan pulangan modal. Suka saya tegaskan bahawa Kementerian akan terus berusaha, khususnya untuk menggalakkan petani menjalankan kegiatan pertanian secara besar-besaran dengan menggunakan kaedah moden selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai rancangan khas ini, sama ada ianya dilaksanakan di tiap-tiap negeri di seluruh negara dan adakah Yang Berhormat sedar bahawa perbelanjaan untuk estet-estet mini ini adalah lebih tinggi daripada perusahaan biasa untuk tanaman?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, yang saya umumkan tadi iaitu di Semenanjung oleh kerana hal Jabatan Pertanian di Sabah dan Sarawak adalah di bawah jagaan perintah negeri, jadi tidak termasuk di Sabah dan Sarawak. Dan juga mengenai hal kos yang dianggarkan dalam estimate yang saya sebutkan tadi, iaitu hanya kos untuk rancangan tersebut tahun ini, iaitu 1987, bukan merangkumkan segala-galanya.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar satu perkara anih yang berlaku di mana berlakunya tanah terbiar akibat daripada taliair di mana ianya tidak berkesan sehingga ada

tanah-tanah terbiar akibat daripada projek taliair sendiri?

Manakala perkara yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sejauh manakah ataupun Kementerian Pertanian mempunyai dasar di mana melibatkan pihak swasta untuk melibatkan diri bagi memulihkan tanah-tanah terbiar ini secara estet dengan memberi galakan-galakan ataupun insentif-insentif yang boleh menarik minat-minat mereka ini bagi memulihkan tanah-tanah terbiar yang ratusan ribu ekar di luar-luar bandar.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, ini hanya keanihan yang disebut oleh Yang Berhormat itu mengenai taliair. Kalau kita teliti dengan lebih mendalam banyak lagi keanihan-keanihan yang kita dapati tetapi tentu sekali Yang Berhormat harus sedar perkara yang dianggap olehnya anih itu mengenai tanah terbiar oleh kerana parit dan taliair, dalam pandangan saya ini tidak begitu anih oleh kerana rancangan dan kawasan yang kita lancarkan macam KADA dan MADA itu beribu-ribu ekar. Jikalau tidak mengalami sedikit kesulitan dalam bidang yang begini besar, itu sudah menjadi satu miracle atau mukjizat. Jadi pihak kita berusaha mencari jalan untuk memperbaiki keadaan yang disebut oleh Yang Berhonnat itu.

ANTAH BIWATER—BEKALAN AIR KE LUAR BANDAR

18. Tuan Mohamed bin Jamrah minta Menteri Kerja Raya menyatakan berkenaan skim bekalan air ke luar bandar oleh Antah Biwater JV kepada perkara-perkara berikut:

- (a) adakah tawaran dibuat di atas projek ini. Kalau ada, bila dan berapa banyakkah syarikat yang menyertai tawaran itu dan kalau tidak, bagaimana dapat

ditentukan bahawa kos projek yang dinyatakan itu "competitive";

- (b) sama ada Kerajaan ada menjalankan kajiannya sendiri terhadap pelaksanaan projek itu; dan siapakah yang menentukan kos sebanyak \$1.4 billion itu serta asas-asas yang digunakan bagi pemilihan Antah Biwater JV untuk melaksanakan projek itu; dan
- (c) daripada anggaran kos sebanyak \$1.4 billion berapakah banyak wang yang dianggarkan akan mengalir ke luar daripada Malaysia, sama ada dalam bentuk wang tunai, pembelian barang-barang, bayaran hutang bayaran faedah dan lain-lain; dan apakah bidang dan jumlah bayaran datam negeri yang akan dibuat untuk projek ini.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjawab soalan ini secara keseluruhannya kerana saya dapati soalan-soalan bahagian (a), (b) dan (c) ada kaitan di antara satu dengan lain.

Dalam menjawab soalan ini, izinkan saya memberi sedikit latarbelakang mengenai projek ini. Dalam bulan Mei, 1983 pihak Antah Biwater telah menawarkan kepada Kerajaan Malaysia untuk menjalankan satu kajian bekalan air luar bandar untuk semua negeri-negeri dengan percuma. Kajian ini melibatkan kos lebihkurang \$4 juta dan ianya telah dibiayai oleh Kerajaan British dan Kumpulan Biwater United Kingdom. Dalam pembiayaan projek ini, Kerajaan British telah memberi bantuan geran sebanyak £59.46 juta yang bernilai lebihkurang \$225 juta dan, dengan izin, "soft loan" sebanyak Deutchmark 500 juta dengan faedah yang rendah, iaitu 6.51%. Kerajaan Malaysia hanya perlu mendapatkan pembiayaan tempatan sebanyak 60%

daripada kos projek atau \$840 juta. Oleh kerana tawaran yang dikemukakan adalah menarik dari segi kemudahan itu dan syarikat lain tidak dapat menandingi penawaran seperti itu, maka Kerajaan telah menawarkan projek ini kepada Syarikat Antah Biwater Joint-Venture secara "negotiated tender". Kerajaan tidak hanya bergantung kepada kajian yang dibuat oleh Syarikat Antah Biwater sahaja, tetapi pihak Kerajaan juga telah menjalankan kajian sendiri terhadap cadangan Antah Biwater Joint Venture tersebut. Selepas kajian dibuat, Kerajaan telah mengadakan perundingan yang rapi dengan pihak Antah Biwater dan hasilnya harga kontrak asal sebanyak \$1.7 billion telah dapat diturunkan kepada \$1.4 billion dengan bilangan skim sebanyak 174.

Daripada jumlah kos sebanyak \$1.4 billion ini, 40% kos projek adalah untuk pembayaran barang-barang asing seperti paip-paip pam, dengan izin, switch gears dan valves dan perkhidmatan Juru Perunding yang akan dibiayai melalui grant dan pinjaman Kerajaan British. Baki kontrak iaitu 60% atau \$840 juta adalah untuk bayaran barang-barang dan perkhidmatan tempatan dan kerja-kerja pembinaan dalam negeri.

Dengan terlaksananya skim bekalan air ini, peratusan penduduk yang menerima bekalan air bersih akan meningkat dari 57.6% kepada lebihkurang 72.8% pada tahun 1990.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, suka saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, sejauh manakah projek bekalan air untuk kawasan luar bandar oleh Antah Biwater Joint Venture ini akan menguntungkan pemborong-pemborong dan Juru Perunding-Juru Perunding tempatan memandangkan adalah ini sangat mustahak bahawa

pemborong-pemborong tempatan hendaklah mendapat faedah juga daripada projek joint venture ini?

Kedua ialah, tadi Yang Berhormat ada mengatakan bahwa projek Antah Biwater ini dibuat secara nagotiated tender, saya ingin mendapat tahu mengapa ini dibuat secara nagotiated tender dan bukan melalui tawaran terbuka?

Dato' S. Samy Vellu Tuan Yang di-Pertua, apabila Antah Biwater Joint Venture telah menghantarkan satu skim kepada Kerajaan Persekutuan untuk ditimbang, kita sudah pun membuat siasatan. Rekabentuk-rekabentuk dan juga cadangan-cadangan yang dihantar oleh Antah Biwater itu ialah melalui Jurutera-jurutera Perunding daripada negara kita, iaitu lebih daripada 75% ialah semua Juru Perunding daripada negara kita sendiri. Misalnya, kita suka juga mereka menggunakan semua Jurutera-jurutera daripada negara kita. Selepas kita telah menerima tawaran daripada mereka, Kerajaan Persekutuan telah mengadakan satu syarat, syarat itu ialah semua kerja-kerja itu lebih daripada 25% akan dijalankan oleh kontraktor-kontraktor tempatan iaitu sejumlah 75% daripada kontrak itu akan dijalankan oleh kontraktor-kontraktor di tanahair ini. Untuk menentukan kita boleh memberi kontrak itu kepada orang tempatan, saya telah mengadakan satu Jawatankuasa Pemandu untuk menjaga kepentingan kontraktor-kontraktor, bukan sahaja kontraktor tanahair ini, tetapi kontraktor-kontraktor bumiputera dan bukan bumiputera. Jadi kedua-dua ini akan mendapat hasil daripada kerja-kerja ini dan pada akhirnya kita tidak akan ada apa-apa masalah, sebab saya tahu ini boleh membangkitkan beberapa masalah di masa akan datang.

Ketiga, kerja ini ialah secara turn-key. Ada juga 3 atau 4 syarikat

menghantar cadangan-cadangan mereka. Daripada cadangan, kita dapat tahu cadangan daripada Antah Biwater adalah satu cadangan yang menarik dengan grant, iaitu grant percuma \$225 juta, bukan satu, dua sen. Dengan \$225 juta itu dan faedah pun paling kurang dan jikalau kita boleh juga menurunkan harga yang mereka tawar, itu pandai kitalah, jadi kita dapat \$300 juta untung daripada tawaran asal. Sebab itulah kita buat negotiation, negotiation bukan di peringkat pertama, di peringkat harga sahaja. itulah nagotiated tender. Sebab itu kita beri kerja ini kepada Antah Biwater. Pada masa sekarang mereka telah menyiapkan semua rekabentuk dan mereka hantarkan kepada Jabatan Kerja Raya untuk disiasat. Selepas Jabatan Kerja Raya menerima rekabentuk-rekabentuk dan cadangan-cadangan itu, saya percaya kita boleh juga memulakan kerja dalam tempoh dua atau tiga bulan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 6 dan 19 hingga 86 adalah diberi di bawah ini).

LAPANGAN TERBANG KUCHING SEBAGAI CORRIDOR ANTARA- BANGSA

6. **Dr Patau Rubis** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada keputusan boleh diambil untuk mengisytiharkan Lapangan Terbang Kuching sebagai satu "Corridor" antarabangsa supaya dapat menggalakkan pelancongan antarabangsa dan juga memudahkan pelajar-pelajar kita khususnya dari Sarawak dan Sabah ke negara-negara selatan bagi memudahkan dan menjimatkan masa dan perbelanjaan mereka.

Menteri Pengangkutan (Dato Dr Ling Liong Sik): Lapangan Terbang

Antarabangsa Kuching sememangnya adalah diiktiraf sebagai salah sebuah pintu masuk (entry point) ke negara ini bagi penerbangan-penerbangan antarabangsa daripada luar negeri iaitu selain daripada Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu.

Oleh yang demikian, di dalam rundingan-rundingan perjanjian udara yang diadakan oleh Malaysia dengan negara asing bagi tujuan menetapkan pertukaran hak-hak trafik bagi penerbangan-penerbangan berjadual antarabangsa, Kuching adalah di antara bandar-bandar yang ditawarkan dan dibukakan untuk perkhidmatan-perkhidmatan oleh Syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa.

Oleh itu, adalah terpulang kepada negara-negara asing dan syarikat penerbangannya untuk membuat keputusan sama ada mereka hendak mengadakan penerbangan ke tempat-tempat yang ditawarkan oleh Malaysia itu. Biasanya, syarikat-syarikat penerbangan asing akan membuat keputusan ataupun pemilihan destinasi berdasarkan kepada faktor-faktor "commercial" seperti kedudukan aliran trafik dan sebagainya.

Pada masa ini negara kita telah mengadakan 44 perjanjian perkhidmatan udara dengan 44 buah negara. Dari jumlah itu 2 buah negara telah meminta dan diberikan hak mendarat di Kuching, manakala 5 buah negara lagi telah meminta dan dibenarkan mendarat di Kota Kinabalu sebagai pintu-pintu masuk ke negara kita. Sekiranya didapati lebih ramai bilangan penumpang-penumpang yang turun naik di kedua-dua pintu masuk ini, maka banyakkah lagi syarikat penerbangan asing yang akan mendarat dan dengan demikian, jumlah penerbangan ke Kuching dan Kota Kinabalu yang ada sekarang ini akan bertambah banyak lagi.

Selain daripada penerbangan-penerbangan berjadual, Kerajaan juga menggalakkan kedatangan penerbangan-penerbangan sewa khas (inclusive tour charters) daripada negara-negara asing supaya mengadakan perkhidmatan ke Malaysia melalui pintu-pintu masuk yang disebutkan tadi, termasuk lapangan terbang antarabangsa Kuching. Langkah ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan untuk meningkatkan industri pelancongan negara.

Saya ingin menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian Pengangkutan sedang dan akan terus berusaha sedaya upaya untuk menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan asing menggunakan lapangan-lapangan terbang kita asalkan dasar penerbangan yang liberal ini tidak merugikan negara kita.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE INDIA/NEGARA ISLAM

19. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil lawatan Yang Amat Berhormat keluar negeri baru-baru ini terutamanya ke negara India dan negara-negara Islam:

- (a) dari segi apakah dan sejauh manakah pencapaian kerjasama di dalam bidang perdagangan dan ekonomi dapat menguntungkan negara Malaysia;
- (b) adakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk menghantar Pengusaha-pengusaha tempatan ke negara-negara tersebut terutamanya negara-negara Islam agar dapat lagi mempertingkatkan dan mengeratkan perhubungan perdagangan dengan negara-negara tersebut.

74. **Tuan P. Patto** minta Perdana Menteri menyatakan secara detail persetujuan-persetujuan yang telah dicapai oleh beliau semasa perbincangan dengan Perdana Menteri India dalam lawatannya ke negara itu baru-baru ini; dan sama ada beliau membincangkan tentang persengketaan di antara India dan Pakistan serta perang di antara orang-orang Tamil yang menuntut sebuah negara untuk rakyat Tamil, iaitu Tamileelam dan pihak berkuasa Sri Lanka, jika ya, apakah hasil perbincangan itu.

11-3-87

3. **Dr V. David** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tujuan-tujuan lawatan beliau ke India baru-baru ini, dan apakah pencapaiannya, khususnya dari segi perdagangan bersama dan kerjasama kawasan:

- (a) adakah sebarang perjanjian perdagangan yang telah ditandatangani di antara India dan Malaysia;
- (b) sama ada India telah bersetuju membeli minyak kelapa sawit dari Malaysia;
- (c) nama dan jawatan ahli-ahli rombongan ini, dan apakah peranan mereka di perundingan-perundingan; dan
- (d) jumlah perbelanjaan yang telah dihadapi oleh rombongan ini berkenaan dengan lawatan Y.A.B. Perdana Menteri ke India.

Dato' Rais Yatim: Saya mohon untuk menjawab soalan Yang Berhormat Tuan P. Patto bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai pada hari ini dan juga soalan Yang Berhormat Dr V. David pada 11hb Mac. 1987.

Tuan Yang di-Pertua, lawatan ini dibuat pada asasnya untuk memperbaharui serta menjalin dengan

lebih erat Jagi pertanian persahabatan di antara saya dan pucuk pimpinan India serta mengukuhkan lagi kerjasama duahala di antara Malaysia dan India. Selain dari itu lawatan ini juga untuk meneroka peluang-peluang baru untuk meningkatkan lagi hubungan serta kerjasama ekonomi Malaysia—India termasuk pelaburan untuk faedah bersama. Pada pendapat saya lawatan ini telah berjaya mencapai objektif-objektif tersebut.

Semasa di India, saya telah dapat berbincang dan bertukar-tukar fikiran dengan pemimpin-pemimpin India yang dapat saya temui. Saya telah berbincang dengan Rajiv Gandhi isu-isu penting seperti Suruhanjaya Selatan di mana India telah bersetuju menyumbangkan US\$400,000 kepada Suruhanjaya tersebut. Begitu juga mengenai Kampuchea pada pendapat saya melalui pertukaran pendapat seperti ini, pihak India lebih memahami pendirian ASEAN mengenai isu tersebut. Bahkan pihak India sendiri telah dapat menyelami hakikat iaitu telah timbul minat baru di pihak Vietnam sendiri untuk mencari pendekatan baru kepada masalah Kampuchea.

Dari segi ekonomi, pihak kita telah dapat menyakinkan kepada India bahawa masalah imbalan dagangan yang banyak menguntungkan Malaysia hanya akan dapat diatasi secara jangka panjang dan melalui pertambahan di dalam perdagangan duahala antara kedua negara. Seterusnya, disebabkan penghargaan yang tinggi yang diberikan kepada kita oleh India serta keperluan kepada permintaan minyak masak dan juga kepada mutu pengeluaran kita, negara tersebut bersetuju untuk meneruskan pembelian minyak kelapa sawit dari Malaysia. Kedua-dua pihak juga telah dapat berbincang dan mengenal-pasti bidang-bidang baru yang boleh diterokai oleh kedua negara di bidang ekonomi dan perindustrian seperti

kerjasama untuk mengeluarkan alat-alat ganti dan komponen kereta.

Semasa lawatan ini, tidak ada sebarang perjanjian ditandatangani.

Ahli-ahli rombongan ini terdiri dari Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India, Ketua Setiausaha Sulit dan Setiausaha Penerangan di Jabatan saya dan dua orang pegawai kanan Wisma Putra. Tiap-tiap ahli rombongan ini mempunyai tugas tertentu iaitu untuk mewakili di dalam mesyuarat delegasi, mengambil rekod perbincangan, menerangkan dasar-dasar kerajaan kepada ahli media massa dan perindustrian India.

Jumlah anggaran permulaan untuk lawatan ini ialah \$110,000. Walau bagaimanapun memandangkan semua ahli rombongan Malaysia telah diberi taraf tetamu Kerajaan oleh pihak India di mana penginapan, makan dan minum serta pengangkutan dalam negeri ditanggung oleh Kerajaan India, jumlah perhelaaan yang terlibat jauh berkurangan dari jumlah di atas. Walau bagaimanapun angka sebenar pada masa ini belum dapat ditentukan lagi.

Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Kuwait dari 27-28 Januari 1987 adalah untuk menghadiri Sidang Kemuncak Negara-negara Islam. Namun begitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah sempat mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin negara Kuwait serta juga negara Islam yang lain yang hadir di mesyuarat tersebut.

Di dalam perbincangannya dengan pemimpin-pemimpin Kuwait, beberapa perkara yang penting bagi meningkatkan hubungan antara kedua negara telah diberi perhatian dan ini termasuklah bidang-bidang perdagangan, pelaburan serta juga perhubungan udara. Dalam rangka ini

kedua-dua pihak telah menekankan perlunya dilaksanakan dengan lebih teliti dan meliputi bidang yang lebih luas. Untuk mencapai tujuan ini Malaysia sendiri akan melaksanakan langkah-langkah tertentu seperti mengadakan rancangan dalam bidang perdagangan melalui Pameran Perdagangan (Trade Fair) di Kuwait dan juga negara-negara Teluk yang lain pada awal tahun 1988. Di samping itu satu rombongan perdagangan dan pelaburan juga akan dihantar. Sementara itu undangan telah juga dibuat supaya pelabur-pelabur serta Dewan Perniagaan Kuwait datang ke Malaysia untuk meninjau dengan lebih dekat mengenai peluang-peluang serta bidang ekonomi tertentu.

Perbincangan yang sama juga telah diadakan dengan pemimpin-pemimpin lain seperti Raja Hussein dari Jordan, Presiden Kenan Evren dari Turki dan Presiden Zia Ul-Haq dari Pakistan.

INDUSTRI RINGAN

20. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bahawa apakah rancangan-rancangan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dalam usaha mewujudkan kawasan-kawasan industri ringan di negeri-negeri seperti Kedah, Perlis dan Kelantan di mana ekonomi mereka semata-mata berasaskan pertanian, supaya negeri-negeri tersebut akan turut maju dalam bidang perindustrian.

Tmbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sememangnya sedang merancang untuk mewujudkan kawasan-kawasan industri kecil yang meliputi seluruh negara dengan tumpuan diberi kepada negeri-negeri yang kurang maju termasuk Kedah, Perlis dan Kelantan. Rancangan pelaksanaan itu dijalankan melalui pengwujudan Skim-skim

Kilang Bimbingan yang dibuat secara pendekatan bersepadu merangkumi pembinaan kilang-kilang, pemberian bantuan-bantuan kewangan, teknologi dan teknik pengurusan serta juga pemasaran.

SYARIKAT ANAK PKEN— OBJEKTIF UTAMA

21. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa untuk menjaga prestasi syarikat, dan maruah diri serta kewibawaan pengurusan, Pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai Agensi Kerajaan dan anak-anak syarikatnya menjadikan keuntungan sebagai objektif utamanya. Oleh hal yang demikian, tidak ada ruang bagi mereka ini untuk menolong atau memberi peluang kepada peniaga-peniaga atau pengusaha-pengusaha Bumiputera seperti yang dikehendaki dalam Dasar Ekonomi Baru. Kiranya beliau sedar apakah rancangan-rancangan Kementerian untuk menjadikan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri sebagai agen penggerak dan penyokong dan bukannya sebagai agen untuk menghalang pengusaha-pengusaha Bumiputera mencapai kemajuan.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Adalah benar syarikat-syarikat anak PKEN beroperasi untuk mencapai objektif utama bagi mendapatkan keuntungan untuk pelaburan yang jelas mempunyai dayamaju dari segi ekonomi. Dengan menghalakan ke arah mencapai objektif yang tersebut, syarikat-syarikat anak PKEN itu akan berupaya berdikari serta memenuhi objektif-objektif yang lain seperti objektif sosial terutamanya bagi memberi peluang pekerjaan dan latihan kepada usahawan-usahawan Bumiputera. Syarikat-syarikat PKEN yang telah mencapai keuntungan, mencapai kepada tahap yang sesuai akan

dipindahkan pula kepada Perbadanan Nasional Berhad (PNB),

PKEN-PKEN adalah sentiasa diingatkan akan peranan mereka dalam menyusun semula masyarakat. Untuk mencapai objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru; maka dengan itu PKEN dan anak-anak syarikat PKEN tidak harus menghalang pengusaha-pengusaha Bumiputera mencapai kemajuan tetapi sebaliknya menjadi pendorong dan penaung pengusaha-pengusaha Bumiputera.

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA—KERUGIAN

22. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Pertanian menyatakan baru-baru ini Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia mendedahkan wujudnya kerugian ikan selepas tangkapan lebih \$20 juta setahun tidak lama dahulu apakah kesan daripada langkah-langkah LKIM itu dan apakah kerugian itu dapat diatasi sekarang.

Tuan Luhut Wan: Memang benar terdapat wujudnya kerugian ikan selepas tangkapan di mana kerugian ini dianggarkan lebih kurang 20% daripada jumlah pendaratan seluruh negara dalam setahun.

Pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengurangkan paras kerugian tersebut. Di antaranya ialah:

- (i) Menyediakan keperluan-keperluan ais yang mencukupi di semua kompleks perikanan yang diuruskan oleh pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Ini adalah untuk memastikan penggunaan ais yang mencukupi bagi menjamin kesegaran dan mutu ikan yang baik.
- (ii) Menyediakan bilik-bilik sejuk di semua kompleks perikanan Lembaga Kemajuan Ikan

Malaysia bagi membolehkan para nelayan menyimpan ikan supaya ianya tidak menjadi busuk.

- (iii) Memperkenalkan penggunaan kotak-kotak plastik di semua kompleks perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan setakat ini pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah menghantar sebanyak 1,190 kotak plastik di semua kompleks untuk digunakan di dalam pengendalian ikan di kompleks-kompleks perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Di samping itu juga pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sedang menjalankan kajian untuk melaksanakan rancangan penggunaan kotak-kotak plastik oteh para pengangkut dan juga peniaga-peniaga ikan.
- (iv) Mengadakan kursus-kursus bagi para nelayan dan juga peniaga-peniaga ikan supaya pengendalian ikan yang lebih sempurna dapat dikendalikan oleh mereka seperti penggunaan ais yang cukup dan penggunaan kotak-kotak plastik.

Rancangan-rancangan yang dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia ini telah dapat mengurangkan kadar kerugian selepas tangkapan. Sekarang ini pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sedang menjalankan kajian untuk mengukur sejauh mana langkah-langkah ini telah dapat mengurangkan paras kerugian tersebut.

PERUNTUKAN JALAN RAYA DISABAH

23. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (i) jumlah persediaan peruntukan bagi pembinaan dan membina

jalan raya Persekutuan (Wilayah) di Sabah dalam jangka masa di antara 1-5-85 hingga 28-2-87.

- (ii) sama ada ianya benar peruntukan khas ini hanya untuk digunakan dalam masa tertentu ataupun ianya akan dirampas oleh Kementerian. Jika benar, apa sebabnya.

Dato' S. Samy Vellu:

- (i) Jumlah peruntukan yang disediakan bagi Negeri Sabah dalam pembinaan jalan raya dari tahun 1985 hingga akhir 1987 adalah sebanyak \$309.2 juta.
- (ii) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyediakan peruntukan berdasarkan kepada rancangan lima tahun. Peruntukan lima tahun itu akan diagih-agihkan mengikut tahunan berdasarkan kepada keperluan kewangan sesuatu projek. Sekiranya peruntukan yang disediakan untuk satu-satu tahun tidak dibelanjakan sepenuhnya dan peruntukan lima tahun masih ada, maka peruntukan yang tidak dibelanjakan itu boteh dipohon semula pada tahun berikutnya. Kerajaan tidak merampas peruntukan yang disediakan itu kecuali peruntukan yang tidak dibelanjakan akan dipindah kepada projek lain yang perlu peruntukan segera. Walau bagaimanapun peruntukan lima tahun bagi projek itu masih sama dan boleh dipohon semula pada tahun-tahun akan datang. Ada juga keadaan-keadaan di mana peruntukan yang telah disediakan dikaji semula, sama ada dikurangkan atau ditambah mengikut kedudukan kewangan negara pada masa itu.

PETANI SISWAZAH

24. **Tuan Haji Ibrahim Ali** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) setakat manakah pelaksanaan konsep "Petani Siswazah" yang diumumkan baru-baru ini telah berjaya bagi mengurangkan pengangguran siswazah; dan
- (b) apakah tindakan lanjut yang sedang diusahakan oleh jawatankuasa yang ditubuhkan.

17-3-87

82. **Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh mana kejayaannya Skim Siswazah petani. Apakah masalah yang dihadapi di dalam perlaksanaannya dan bagaimanakah cara mengatasinya.

20-3-87

45. **Tuan Mohd. Sharif b. Jajang** minta Menteri Pertanian menyatakan sambutan siswazah terhadap Rancangan Siswazah Pertanian; berapa banyakkah rancangan pertanian seumpama itu telah dilaksanakan dan melibatkan berapa ramai siswazah.

Tuan Luhut Wan: Saya ingin meminta izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Hashim bin Safin pada 17-3-87 dan Yang Berhormat Tuan Mohd. Sharif bin Jajang pada 20-3-87 kerana ketiga-tiga soalan ini berkaitan.

Program petani siswazah dilancarkan sebagai salah satu langkah untuk mewujudkan golongan petani moden yang berkebolehan dari segi pengetahuan dan tenaga dan bersedia melibatkan diri dalam aktiviti pertanian secara komersial.

Melalui program ini, petani-petani siswazah akan menjadi pengerak utama memodenkan sektor pertanian dengan mengubah corak dan amalan pengeluaran dan pengurusan pertanian

dan mengambil alih secara beransur-ansur kegiatan yang selama ini diusahakan oleh petani tradisional. Di bawah program ini, para siswazah yang berkelulusan dibidang pertanian adalah digalakkan untuk melaksanakan projek-projek pertanian dengan bantuan dan bimbingan khidmat nasihat dan perkhidmatan pengembangan dari Jabatan/Agensi Kerajaan yang berkaitan. Galakan akan diberi untuk mereka mengusahakan tanaman-tanaman yang berpotensi untuk dieksport atau menggantikan import.

Sebenarnya objektif utama program ini bukanlah untuk mengatasi masalah pengangguran tetapi untuk mewujudkan golongan pelapis petani muda yang akan mewarisi kegiatan pertanian berlandaskan kaedah pertanian modern. Kajian yang dibuat oleh Kementerian Pertanian menunjukkan bahawa pada tahun 1985 hampir 60% daripada petani-petani yang ada terdiri daripada mereka yang berumur lebih daripada 45 tahun. Walau bagaimanapun secara tidak langsung program petani siswazah ini telah memberi peluang pekerjaan dalam sektor pertanian kepada siswazah-siswazah yang menganggur. Para siswazah yang berminat perlu menerokai sendiri bidang pertanian tanpa mengharap Jabatan/Agensi Kerajaan dan swasta di sektor pertanian menyediakan peluang pekerjaan kepada mereka. Pihak Kerajaan bersedia membantu mereka dari segi menyalurkan khidmat nasihat dan pengembangan serta kemudahan kredit, tetapi inisiatif utama mestilah datang daripada mereka sendiri.

Sambutan daripada siswazah ke atas program Petani Siswazah setakat ini amatlah menggalakkan. Seramai lebih daripada 700 siswazah telah mendaftar diri dengan Unit Pelaburan dan Penswastan di Kementerian yang berfungsi sebagai Pusat Sumber kepada program ini. Daripada

bilangan pendaftaran tersebut perbincangan dan penulisan yang dimuatkan di dalam media massa dewasa ini menunjukkan bahawa orang ramai menyambut baik langkah Kerajaan mewujudkan program Petani Siswazah ini.

Setakat ini seramai 20 orang siswazah dan beberapa orang belia yang lain sedang melaksanakan projek masing-masing termasuk 8 orang siswazah yang mengusahakan tanah yang disediakan oleh KEJORA. Perlu juga diingatkan bahawa terdapat juga ramai siswazah-siswazah yang melaksanakan projek mereka masing-masing atas dayausaha sendiri setelah mendapat maklumat-maklumat daripada pusat sumber dan Jabatan/Agensi yang lain. Adalah dijangkakan lebih ramai siswazah akan tampil ke hadapan dan melaksanakan projek masing-masing setelah diberi penjelasan dan ditanam keyakinan diri bahawa sektor pertanian dapat menjamin punca pendapatan lumayan sekiranya dijalankan dengan teliti dan diuruskan secara professional.

Antara masalah utama yang dihadapi di dalam pelaksanaan program ini ialah mendapatkan tanah yang sesuai untuk diusahakan oleh siswazah yang berminat. Di samping itu, siswazah-siswazah ini juga tidak mempunyai pengalaman amali pengurusan dan penyelenggaraan projek dan sumber kewangan untuk mengendalikan projek secara besar-besaran.

Program ini diselaraskan oleh Jawatankuasa Memodenkan Sektor Pertanian yang dipengerusikan oleh Penasihat Ekonomi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kementerian Pertanian telah dilantik sebagai pusat sumber untuk memberi khidmat nasihat kepada peserta-peserta yang berminat. Sebuah jawatankuasa kerja petani siswazah juga ditubuhkan dan dianggotai

oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian, Jabatan/Agensi berkaitan bertujuan untuk menyelaraskan pelaksanaan program ini.

Untuk memudahkan siswazah-siswazah menceburi bidang pertanian, Kementerian Pertanian melalui Jabatan/Agensi telah menyediakan beberapa kemudahan seperti khidmat nasihat, kredit dan maklumat mengenai tanah terbiar kepada siswazah-siswazah yang berminat. LPP telah mengenalpasti kawasan seluas lebih daripada 17,000 hektar yang dipersetujui oleh tuan-tuan tanah untuk ditawarkan kepada petani-petani siswazah dan golongan swasta yang berminat untuk ditanam dengan berbagai tanaman yang menguntungkan. BPM juga menyediakan kemudahan kredit dengan syarat-syarat yang longgar untuk memenuhi keperluan kewangan petani-petani siswazah yang menyertai program ini. Di samping itu pusat sumber Kementerian Pertanian telah menghubungi pihak Kerajaan Negeri dan Lembaga Kemajuan Wilayah untuk mendapatkan tanah yang boleh diusahakan oleh petani siswazah. Sambutan daripada Kerajaan Negeri dan Lembaga Kemajuan Pembangunan Wilayah adalah menggalakkan.

**KLINIK PERUBATAN/
PERGIGIAN/HOSPITAL/
KEDAI FARMASI SWASTA—
MELANGGAR ARAHAN
KEMENTERIAN**

25. **Tuan Hashim bin Safin** minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa jumlah Klinik Swasta, Klinik Pergigian Swasta, Hospital-hospital Swasta dan kedai-kedai farmasi yang melanggar arahan-arahan perlu Kementerian Kesihatan sepanjang tempoh Januari 1986 hingga sekarang. Apakah tindakan yang telah diambil sekiranya ada pelanggaran arahan dan berapakah tindakan telah diambil.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Sejak bulan Januari, 1986 hingga akhir bulan Januari 1987, sejumlah 983 premis-premis yang merangkumi 673 Klinik Perubatan Swasta, 191 Klinik Pergigian Swasta, 10 Hospital Swasta dan 109 Kedai Parmasi telah didapati melanggar beberapa peruntukan di bawah Ordinan Racun 1952 dan Akta Dadah Merbahaya, 1952 (Pindaan 1980) berkaitan dengan penjualan, pembekalan dan penyimpanan rekod-rekod terhadap racun-racun berjadual dan dadah-dadah merbahaya.

Tindakan mahkamah telah diambil terhadap dua (2) premis dan Kementerian Kesihatan sedang menjalankan penyiasatan selanjutnya terhadap 22 premis lagi untuk didakwa di mahkamah, sementara premis-premis yang lain telah diberi surat amaran.

Di samping itu, dalam tempoh masa yang sama, Kementerian Kesihatan juga telah menjalankan serbuan-serbuan terhadap 922 premis yang tidak berlesen di bawah Ordinan Racun, 1952 terletak di 345 bandar di seluruh negara. 518 daripada premis-premis ini telah didapati memiliki racun-racun berjadual untuk tujuan jualan dan 10,557 jenis racun-racun berjadual yang bernilai \$1.5 juta telah dirampas. Tambahan pula, sejumlah 206 kes di bawah Ordinan Racun 1952 telah didakwa di mahkamah dan denda sebanyak \$212,580.00 telah dikenakan.

PERSATUAN DOKTOR PERGIGIAN MALAYSIA— PENERIMAAN DERMA

26. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada Menteriannya sudah meminta Ketua Pendaftar Pertubuhan Malaysia menyiasat Persatuan Doktor-doktor

Pergigian Malaysia tentang perkara penerimaan upah sebanyak \$120,000 daripada Syarikat Colgate Palmolive Malaysia atas pengesahannya ubat gigi mengandungi fluoride keluaran syarikat itu. Kementerian Kesihatan selaku Pendaftar mengawal prestasi dan imej doktor-doktor perubatan dan pergigian sebagai pengamal profesional dan beretik (ethical) sepatutnya mengeluarkan garis panduan berkaitan dengan penerimaan upah atas pengesahan pengiklanan Komersial, sebab tanpa garis panduan ini menerima upah sebegini dianggap sebagai contoh pembelian pengaruh dan perbuatan rasuah.

Dato' K. Pathmanaban: Perkara penerimaan derma sebanyak \$120,000.00 daripada sebuah syarikat adalah satu isu yang melibatkan secara langsung Persatuan Doktor-doktor Pergigian Malaysia dengan Syarikat tersebut. Kementerian Kesihatan Malaysia tidak pernah terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung berkenaan dengan perkara ini; dan seterusnya, tidak perlu meminta Ketua Pendaftar Pertubuhan Malaysia menyiasat Persatuan tersebut. Kementerian difahamkan bahawa satu siasatan rasmi telah dibuat oleh Badan Pencegah Rasuah pada tahun 1977/1978 dan pihak penyiasat telah pun berpuashati bahawa tindakan Persatuan itu tidak melibatkan apa-apa rasuah.

Persatuan Doktor-doktor Pergigian Malaysia memang mempunyai peraturan dan Kod Etikanya yang tersendiri dan ini tidak melibatkan Kementerian Kesihatan. Merujuk kepada cadangan Ahli Yang Berhormat untuk Kementerian mengadakan garis panduan, Akta Pergigian 1971 memang ada peruntukan untuk mengawal Pengawal-pengawal Pergigian, tetapi peruntukan ini tidak termasuk Persatuan-persatuan Profesional.

**UDA—SENARAI ANAK-ANAK
SYARIKAT**

27. Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jumlah dan senarai nama anak-anak Syarikat yang telah ditubuhkan sama ada secara persendirian (100% kepunyaan UDA) dan secara usahasama dan nyatakan prestasi syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) telah menubuhkan sebanyak 113 buah anak syarikat. Oleh kerana senarai anak-anak syarikat ini adalah panjang, saya mohon izin untuk memberikannya kepada Yang Berhormat kawasan Batu Berendam secara bertulis.

Daripada jumlah 113 ini, 26 telah dipindahkan kepada Peremba Berhad semasa penubuhan Peremba Berhad, 34 dijual kepada rakan kongsinya, 24 telah dibubar dan 1 telah diluputkan pelaburannya. Kesemuanya ini berjumlah 85 anak syarikat.

Daripada baki sebanyak 28 anak syarikat, 9 sedang di dalam proses pembubaran, sama ada secara sukarela atau melalui mahkamah dan 12 tidak menjalankan apa-apa perniagaan. Ini bermakna bahawa pada masa ini UDA hanya mempunyai 7 buah anak syarikat sahaja yang masih aktif.

Sebanyak 3 dahpada anak-anak syarikat yang aktif ini telah membuat keuntungan bersih terkumpul setakat 31-12-1985 iaitu Urus Bangunan Sdn Bhd, Daya Urus Sdn Bhd dan Sri Jeluda Sdn Bhd. Bakinya sebanyak 4 anak syarikat lagi telah mengalami kerugian terkumpul setakat 31-12-1985 iaitu Syarikat Bandar Baru UDA Sdn Bhd, Urban Management Advisors Sdn Bhd, National Theatre Circuits Sdn Bhd dan Taman Uda Murni Sdn Bhd.

Syarikat Bandar Baru UDA Sdn Bhd mengalami kerugian terkumpul kerana di pehngkat awal pelaksanaan projek Bandar Uda di Tampoi, Johor yang diuruskannya, syarikat telah terpaksa membelanjakan wang yang banyak untuk kerja-kerja perancangan dan penyediaan tapak sedangkan pendapatan yang diterimanya adalah sedikit. Di samping itu, syarikat ini hanya merupakan agen pembangunan dan pengurusan projek bagi UDA dan hanya mendapat pendapatan melalui komisyen. Sejak tahu 1983 syarikat ini telah membuat keuntungan bersih semasa setiap tahun, tetapi belum lagi dapat menutupi kerugian terkumpulnya.

Kerugian terkumpul yang dialami oleh 3 lagi anak syarikat itu adalah disebabkan syarikat-syarikat tersebut tidak menjalankan perniagaan buat beberapa tahun. Mulai akhir tahun 1986, UDA telah menyusun rancangan untuk menggerakkan semula ketiga-tiga syarikat ini dalam bidang-bidang perniagaan tertentu.

**SENARAI NAMA DAN
KEDUDUKAN ANAK-ANAK
SYARIKAT PERBADANAN
PEMBANGUNAN BANDAR (UDA)
SETAKAT 28 FEBRUARI 1987**

**JUMLAH ANAK-ANAK
SYARIKAT DAN SYARIKAT
USAHASAMA**

**(1) SYARIKAT YANG DI-
PINDAHKAN KEPADA
PEREMBA BERHAD**

1. Benteng Redevelopment Sdn Bhd.
2. Landmark Corporation Sdn Bhd.
3. Kemajuan Bersama Sdn Bhd.
4. Komplek Damai Sdn Bhd.
5. Mara-Uda Sdn Bhd.
6. Pembinaan Udarama Sdn Bhd.
7. Pertama Enterprise Sdn Bhd.

8. Perusahaan Sri Connally Sdn Bhd.
9. Syarikat Ibraco Uda Sdn Bhd.
10. Syarikat Fajar (M) Sdn Bhd.
11. Syarikat Pertama Sdn Bhd.
12. Sungei Wang Plaza Sdn Bhd.
13. Taman Puspa Uda Sdn Bhd.
14. Uda Bolton Sdn Bhd.
15. Uda Budiman Sdn Bhd.
16. Uda Bukit Nanas Sdn Bhd.
17. Uda Chin Development Sdn Bhd.
18. Udarul Aman Sdn Bhd.
19. Uda Sea Park Sdn Bhd.
20. Udat Sdn Bhd.
21. Uda Tiga Beradik Sdn Bhd.
22. United Estate Project Bhd.
23. Temenggong Hotel Sdn Bhd.
24. Pemuda Ria Sdn Bhd.
25. Century Hotel Sdn Bhd.
26. Sri Lokman Development Sdn Bhd.

(2) *SYARIKAT YANG DIJUAL KEPADA RAKAN KONGSI*

(a) *Pembangunan Tanah*

1. Uda Al-Attas Sdn Bhd.
2. Duniaga Sdn Bhd.
3. Gugusan Sdn Bhd.
4. Udabina Sdn Bhd.
5. Raya Realty Sdn Bhd.
6. Selima Properties Sdn Bhd.
7. Peruda Perak Sdn Bhd.
8. Peruda Melaka Sdn Bhd.
9. Peruda Terengganu Sdn Bhd.
10. Uda Hookers Management Sdn Bhd.
11. Peruda Perlis Sdn Bhd.
12. Sri Tunas Sdn Bhd.
13. Fateh Sons Sdn Bhd.
14. Metrojaya Sdn Bhd.

(b) *Penyertaan Perniagaan*

15. IdrisLim Associates Sdn Bhd.
16. Perfima Pilem Produksyen Sdn Bhd.
17. We&Wheel Sdn Bhd.
18. Uda Redicon Sdn Bhd.
19. Udara Auto Sdn Bhd.
20. Kejuruteraan Mas Sdn Bhd.
21. Uda Budaya Sdn Bhd.
22. Mascom Associates Sdn Bhd.
23. S.K.P. Trading Sdn Bhd.
24. Uda Sinbor Sdn Bhd.
25. Sistem Warta Sdn Bhd.
26. Dondang Sayang Sdn Bhd.
27. Uda Merchant Bankers Sdn Bhd.
28. Pantai Motel Sdn Bhd.

(c) *Pengurusan*

29. Urban Builders 'advisors Sdn Bhd.
30. Asian Appraisal Sdn Bhd.
31. Urban Financial Advisors Sdn Bhd.
32. Urban Realty Advisors Sdn Bhd.
33. Urban Computer Advisors Sdn Bhd.
34. Uda Hooker Development Sdn Bhd.

(3) *SYARIKAT-SYARIKAT YANG TELAH DIBUBARKAN*

(a) *Penyertaan Perniagaan*

1. Adabi Motors Sdn Bhd.
2. Intermark Sdn Bhd.
3. Azam Chicken Sdn Bhd.
4. Deano Aluminium Sdn Bhd.
5. Beecom Plastic Sdn Bhd.
6. Udanita Laundry Sdn Bhd.
7. Muar Auto Sdn Bhd.
8. Glazda Glaziers Sdn Bhd.

9. Kemas Industries Sdn Bhd.
 10. Udaria Sdn Bhd.
 11. Instad Studio Sdn Bhd.
 12. Omarlite Sdn Bhd.
 13. Masjid Tanah Mini Market Sdn Bhd.
 14. Batu Pahat Auto Sdn Bhd.
 15. Highball Sdn Bhd.
 16. Kobena Cetak Sdn Bhd.
 17. S.S. Minimarket Sdn Bhd.
 18. Wooltex Carpet Sdn Bhd.
 19. Segamat Minimarket Sdn Bhd.
 20. Ampang Uda Emporium Sdn Bhd.
 21. Akademi Bahasa (M) Sdn Bhd.
 22. Electronic Data Processing Sdn Bhd.
- (b) *Pengurusan*
23. Akidra Sdn Bhd.
 24. Pakar Management Sdn Bhd.
- (4) *SYARIKAT PELABURAN DILUPUTKAN*
1. Merdu Hotel Sdn Bhd.
- (5) *SYARIKAT YANG DALAM PROSES PEMBUBARAN*
- (i) *SECARA SUKARELA*
- (a) *Pembangunan Tanah*
1. Premier Realty Sdn Bhd.
 2. Kenali Uda Sdn Bhd.
- (ii) *MENUNGGU PERINTAH PEMANSUHAN OLEH MAHKAMAH*
- (a) *Pembangunan Tanah*
3. Mersing Holidays Sdn Bhd.
- (b) *Penyertaan Perniagaan*
4. Dynamic Trading Sdn Bhd.
5. Kuantan Supermarket Sdn Bhd.
 6. Kuantan Coffe House Sdn Bhd.
 7. Angkasapuri Sdn Bhd.
 8. Hotel Tropicanna Sdn Bhd.
- (c) *Pengurusan*
9. Udasaha Management Sdn Bhd.
- (6) *SYARIKAT YANG TIDAK MENJALANKAN PERNIAGAAN (shell Companies)*
- (a) *Pembangunan Tanah*
1. Samasenang Sdn Bhd.
 2. Fajaria Bharu Sdn Bhd.
- (b) *Penyertaan Perniagaan*
3. Hotel Indra Sdn Bhd.
 4. Pakatan F.A.W. Sdn Bhd.
 5. Sri Desa Minimarket Sdn Bhd.
 6. Bintang Laundry Sdn Bhd.
 7. Mini Jaya Sdn Bhd.
 8. Sepang Ceramic Industries Sdn Bhd.
- (c) *Syarikat Peruda*
9. Peruda Kelantan Sdn Bhd.
 10. Peruda Kedah Sdn Bhd.
 11. Peruda Negeri Sembilan Sdn Bhd.
 12. Peruda Sarawak Sdn Bhd.
- (7) *SYARIKAT-SYARIKAT YANG MASIH AKTIF DENGAN UDA*
- (a) *Pembangunan*
1. Syarikat Bandar Baru UDA Sdn Bhd.
 2. Sri Jeluda Sdn Bhd.
 3. Dermuda Sdn Bhd (Nama Asal: National Theatre Circuits Sdn Bhd).

4. Urban Management Advisors Sdn Bhd.
5. Taman UDA Murni Sdn Bhd.

(b) *Pengurusan*

6. Urus Bangunan Sdn Bhd.
7. Daya Urus Sdn Bhd.

FERI MALAYSIA—PENUMPANG

28. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) semenjak Feri Malaysia dilancarkan, berapakah penumpang yang sudah menaiki mengikut pecahan bulan sehingga ke bulan Februari, 1987;
- (b) berapakah harga sebenar kapal ini dan berapakah harga mengubahsuainya. Dan dari manakah ianya dibeli. Adakah ianya baru (First Hand) atau yang sudah terpakai (Second Hand).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah Gaddam);

- (a) Pecahan mengikut bulanan bagi jumlah penumpang yang telah menaiki Feri Malaysia sejak ianya mula dilancarkan adalah seperti berikut:

<i>Bulan</i>	<i>Jumlah Penumpang</i>
September, 1986	.. 12,03
Oktober, 1986	990
November, 1986	1,436
Disember, 1986	2,572
Januari, 1987	3,472
Pebruari, 1987	.. 2,488
Jumlah	.. 12,161

- (b) Kapal Feri telah dibeli pada harga \$24,375 juta. Manakala kos pengubahsuaiannya ialah sebanyak \$5,445 juta. Kapal

tersebut telah dibeli dari Sweden dan adalah sebuah kapal yang sudah pun terpakai.

**PERSIDANGAN KETUA
KETUA NEGARA
OIC DI KUWAIT**

29. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatannya dan keputusan Ketua-ketua negara OIC di Kuwait baru-baru ini; dan sejauh manakah persetujuan yang telah dicapai mengenai usaha damai perang IRAN-IRAO. Apakah halangan-halangan yang sebenarnya menyebabkan terbantutnya damai yang berkenaan.

44. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah hasil kejayaan yang dicapai dalam persidangan Ketua-ketua Negara Islam di Kuwait baru-baru ini khususnya mengenai peperangan Iran dan Iraq.
- (b) apakah peranan Jawatankuasa Pendamai Iran/Iraq (OIC) tidak berfungsi dan bagaimana sikap Malaysia dalam Jawatankuasa Pendamai ini.

63. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil mesyuarat Persidangan OIC di-Kuwait baru-baru ini berhubung dengan penyelesaian perang antara Iran dengan Iraq serta masalah Palestine dan Afghanistan.

Perdana Menteri: Pada keseluruhannya Sidang Kemuncak ke 5 kini telah berjaya dalam usaha untuk memupuk kerjasama dan perpaduan di kalangan negara-negara Islam. Walaupun banyak masalah sensitif yang boleh mengakibatkan kerenggan malah perpecahan

negara anggota namun ianya dibincangkan dengan penuh persefahaman untuk mengelakkan perpaduan dan kerjasama antara negara-negara anggota.

Mengenai isu Palestine, Sidang Kemuncak sekali lagi telah menekankan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin di bawah pimpinan PLO dan mana-mana usaha untuk mencari penyelesaian damai hendaklah menerusi penyertaan PLO serta perlunya diadakan dengan seberapa segera persidangan antarabangsa mengenai keamanan di Asia Barat di bawah anjuran Bangsa-bangsa Bersatu.

Masalah perang Iran-Iraq pada mulanya dijangka akan diberi keutamaan dalam Sidang Kemuncak dalam rangka usaha mencari penyelesaian damai secara aman. Walaupun dengan ketiadaan Iran, Sidang Kemuncak telah memberi perhatian berat terhadap masalah ini dan menggesa supaya segala usaha dilaksanakan ke arah penyelesaian oleh kerana ianya telah mengorbankan begitu banyak nyawa dan harta benda serta mengancam keamanan dan kestabilan di kawasan Teluk.

Jawatankuasa Damai Islam juga telah mengadakan mesyuaratnya semasa Sidang Kemuncak dalam meneruskan usaha-usahanya serta membincang keadaan semasa perang ini walaupun Jawatankuasa Damai tidak dapat melaksanakan usaha-usaha damainya oleh kerana pendirian Iran dan Iraq yang tidak dapat direkonsailkan. Dalam rangka ini Sidang telah memberi penghargaan terhadap usaha-usaha Jawatankuasa ini dan telah menggesa supaya negara-negara anggota bekerjasama untuk menamatkan peperangan.

Malaysia tidak pernah dilantik sebagai orang tengah mengenai perang Iran-Iraq. Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang

Berhormat ialah mengenai penubuhan kontek group atau kumpulan kecil dari negara-negara anggota Jawatankuasa Damai yang ditugaskan untuk mengadakan perbincangan dengan Iran dan Iraq. Jikalau ini dimaksudkan ianya tidak dapat dilaksanakan oleh kerana usaha-usaha untuk mengadakan lawatan ke Iran tidak dapat diterima.

Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia inginkan supaya peperangan ini ditamatkan dengan segera demi kepentingan perpaduan negara-negara Islam dan oleh sebab inilah Malaysia telah memainkan peranan penting dalam Jawatankuasa Damai Islam. Malaysia juga mengambil berat tentang masalah penjualan senjata oleh kerana ianya membawa akibat yang lebih buruk kepada kedua-dua negara dalam mesyuarat yang lalu. Dalam rangka ini Malaysia telah menggesa negara-negara OIC yang berpengaruh bagi mengelakkan penjualan senjata oleh negara-negara pengeluar senjata. Malaysia juga mengharapkan supaya kemajuan akan dicapai berikutan dengan usaha-usaha yang akan dilaksanakan oleh Pengerusi OIC iaitu Baginda Amir Kuwait. Malaysia juga menyokong inisiatif Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu untuk mengadakan satu "Ad-Hoc Committee" untuk mencari penyelesaian ke atas masalah ini.

Mengenai masalah Afghanistan, Sidang Kemuncak memandang serius terhadap pencerobohan tentera Soviet Russia dan menghargai langkah yang dibuat oleh Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu bagi mencari penyelesaian damai dan menggesa Soviet Russia supaya menarik balik tenteranya dari Afghanistan.

Dalam bidang ekonomi, Malaysia telah memainkan peranan utama bagi meningkatkan kerjasama antara negara-negara anggota memandang

bahawa ini adalah merupakan satu faktor yang penting bagi mencapai kemajuan dalam bidang ini. Untuk mencapai tujuan ini adalah perlu bagi OIC sebagai pertubuhan utama mengadakan "infrastructure" untuk menggalakkan hubungan ini dengan menubuhkan beberapa badan bagi memajukan aktiviti-aktiviti perdagangan dan lain-lain. OIC juga telah menubuhkan skim "ionger term trade financing" bagi membantu dalam bidang perdagangan.

OIC juga telah mengadakan rancangan khusus untuk meningkatkan kemajuan dan perkembangan dalam bidang kebudayaan, sains dan teknologi bagi faedah-faedah negara-negara anggota.

Di samping ini Malaysia telah juga mengemukakan dua isu yang penting iaitu mengenai masalah dadah dan Antartika yang telah mendapat sokongan penuh di Sidang Kemuncak. Mengenai masalah dadah, Sidang Kemuncak telah meluluskan usul menggesa supaya negara-negara anggota bukan sahaja bekerjasama dalam membanteras penyalahgunaan dadah dan supaya negara-negara anggota mengambit bahagian yang aktif dalam Persidangan Antarabangsa Mengenai Dadah yang akan datang. Mengenai masalah Antartika pula, Sidang Kemuncak telah meluluskan usul supaya negara-negara anggota mengambil bahagian dalam usaha untuk menubuhkan satu regim baru mengenai Antartika untuk faedah manusia sejagat.

Malaysia menyokong penuh tindakan OIC dalam rangka untuk meningkatkan kerjasama dalam semua bidang di kalangan negara-negara anggota dan telah memainkan peranan yang penting berasaskan kepada dasar kita terhadap pertubuhan ini. Selaras dengan ini Malaysia telah memberi sumbangan yang membina bukan sahaja bagi menentukan kejayaan usaha yang dilaksanakan oleh OIC

bahkan juga dalam rangka untuk melicinkan pentadbiran pertubuhan ini supaya ianya menjadi iebih berkesan.

JALAN RAYA MENYAMBUNGAN BAHAGIAN KETUJUH

30. Tuan James Jimbun Pungga minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Kementerian telah merancang untuk membina rangkaian jalan raya bagi menyambungkan bahagian ketujuh dari Kanowit melalui Song, Kapit dan Belaga ke bahagian Bintulu yang baru saja ditubuhkan. Di bahagian ketujuh, cara pengangkutannya hanya semata-mata bergantung kepada pengangkutan sungai sebab ianya terletak daripada jalan raya yang utama.

Dato' S. Samy Vellu: Kerajaan tidak ada cadangan untuk membina jalan tersebut di dalam rancangan Malaysia Kelima.

BALAI BOMBA DI PENAMPANG

31. Tuan Bernard Giluk Dompok minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada bolehkah perlaksanaan projek cadangan Balai Bomba bagi Daerah Penampang, Sabah dipercepatkan memandangkan keadaan yang mendesak dan bahawa projek ini telah pun ditunda sejak Rancangan Malaysia Ketiga.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam); Keadaan ekonomi yang ada sekarang ini tidak membolehkan pembinaan Balai Bomba di Penampang. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dikaji semula apabila ekonomi negara pulih semula.

Jabatan Bomba telah pun menubuhkan Pasukan Bomba Gotong Royong di Penampang serta membekalkan peralatan-peralatan seperti pam, hos dan nozel untuk Pasukan Bomba Gotong Royong ini. Pasukan ini juga telah dilatih di dalam cara-cara menentang kebakaran.

Balai Bomba yang paling hampir daripada Penampang ialah Balai Bomba Jalan Sembulan, Kota Kinabalu yang terletak lebih kurang 7 batu daripada Penampang. Pada masa ini kereta-kereta bomba ini akan dihantar daripada Jalan Sembulan. Inilah langkah-langkah sementara yang dapat diadakan untuk Penampang.

HASIL PETROLEUM NEGERI SABAH/SARAWAK

32. Tuan Abdol Mulok Awang Damit minta Perdana Menteri menyatakan bagi tahun-tahun 1984, 1985 dan 1986:

- (a) berapakah jumlah hasil yang diperolehi daripada telaga minyak di perairan negeri Sabah dan Sarawak; dan
- (b) berapakah jumlah pembayaran royalti hasil minyak bagi negeri Sabah dan Sarawak. Apakah Kerajaan akan mengkaji dan mempertimbangkan untuk menaikkan kadar royalti hasil minyak bagi negeri Sabah dan Sarawak, kalau tidak mengapa.

Tuan Kasitah Gaddam:

- (a) Jumlah hasil petroleum yang diperolehi dari negeri Sabah dan Sarawak bagi tahun 1984, 1985 dan 1986 adalah seperti berikut:

Tahun	Sabah (Juta\$)	Sarawak (Juta \$)
1984 ..	2,100	3,687
1985	1,927	3,628
1986	1,166	2,111
Jumlah ..	\$5,194	\$9,426

- (b) Jumlah pembayaran royalti kepada Sabah dan Sarawak bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Mac 1984, 1985 dan 1986 adalah seperti berikut:

Tahun	Royalti Bagi Negeri	
	Sabah (Juta\$)	Sarawak (Juta \$)
1984 ..	106	197
1985 ..	106	239
1986 ..	94	226

Royalti di atas hasil minyak bagi negeri Sabah dan Sarawak ialah sebanyak 5% daripada jumlah petroleum yang dikeluarkan. Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar royalti hasil minyak bagi semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Kerajaan berpendapat bahawa sistem perkongsian kos dan keuntungan di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran yang digunakan di negara ini dapat menarik pelabur-pelabur antarabangsa untuk menanam modal yang besar bagi kerja-kerja mencarigali dan mengeluarkan petroleum di negara ini. Sekiranya bayaran royalti, yang merupakan sebahagian daripada kos minyak di bawah Kontrak Perkongsian Pengeluaran dinaikkan ini akan meningkatkan kos pengeluaran petroleum dan berkemungkinan akan memberi kesan negatif kepada pelaburan di dalam industri petroleum.

KAD PENGENALAN BIRU PALSU

33. Tuan Maidon bin Pansai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa sebagaimana yang selalu disentuh oleh Ahli-ahli daripada Sabah mengenai kes-kes pemberian Kad Pengenalan Biru kepada orang-orang tidak layak

mendapatnya (orang asing) sama ada secara menerusi proses biasa yang betul atau secara palsu telah menyebabkan rasa tidak puas hati bukan sahaja di kalangan rakyat Bumiputera Malaysia di Sabah tapi juga rakyat Malaysia yang bukan Bumiputera yang mendapati begitu sukar untuk menggantikan Kad Pengenalan Merah mereka kepada Kad Pengenalan Biru. Kalau sedar; apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk:

- (a) memberhenti sama sekali pengeluaran kad-kad Pengenalan Biru kepada orang asing yang tidak mendapatkannya; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk membuat sesuatu dalam usaha untuk membantu rakyat Malaysia mempercepatkan proses pertukaran Kad Pengenalan Merah kepada Kad Pengenalan Biru iaitu salah satu masalah yang paling sukar mereka hadapi selama ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kementerian Dalam Negeri sedar adanya oranga-orang asing yang mendapat kad pengenalan biru secara palsu dan akan menyiasat perkara ini dengan teliti untuk diambil tindakan ke atas mereka yang terlibat. Seperti yang pernah saya maklumkan di Dewan yang mulia ini kad pengenalan biru hanya dikeluarkan kepada mereka yang mendapat taraf warganegara Malaysia.

Taraf warganegara Malaysia merupakan anugerah tertinggi negara yang hanya diberikan kepada mereka yang memohon untuk mendapat taraf itu dan layak mengikut Perlembagaan Malaysia. Kerajaan tidak sekali-kali memberikan tarat warganegara kepada mana-mana orang yang tidak mempunyai kelayakan yang ditentukan oleh Perlembagaan Malaysia.

Tiada sesiapa pun yang boleh meminta bagi menukarkan kad pengenalan merah kepada kad pengenalan biru. Warna kad pengenalan seseorang itu adalah bergantung kepada tarafnya. Seseorang warganegara Malaysia layak mendapatkan kad pengenalan biru manakala penduduk tetap hanya layak mendapatkan kad pengenalan merah.

SYARIKAT INSURANS— TUNTUTAN

34. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa syarikat-syarikat insurans berada dalam kesempatan untuk menyelesaikan tuntutan pemegang polisi. Apakah benar bahawa:

- (i) South East Asia Insurance;
- (ii) People's Insurance; dan
- (iii) Pacific and Orient Insurance

hanya dapat menjelaskan tuntutan secara ansuran selepas didakwa di Mahkamah oleh pemegang-pemegang polisi. Nyatakan sama ada hal yang sedemikian akan diselesaikan seperti Pirst General Insurance Company. Nyatakan juga sama ada Kerajaan akan mengawal dengan bahawa kepentingan-kepentingan pemegang-pemegang polisi adalah terpelihara.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow):

1. Dalam keadaan ekonomi sekarang semua pihak mengalami kesempatan, termasuk industri insurans.
2. Adalah tidak benar ketiga-tiga syarikat yang dinyatakan hanya dapat menjelaskan tuntutan secara ansuran selepas didakwa di mahkamah oleh pemegang-pemegang polisi.

3. Oleh kerana ketiga-tiga syarikat masih lagi beroperasi, soal tuntutan diselesaikan seperti syarikat First General Insurance adalah tidak timbul.
4. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan mengawal industri insurans untuk menjaga kepentingan pemegang polisi selaras dengan peruntukan Akta Insurans.

PENYAKIT JANTUNG— PEMBEDAHAN

35. **Dato' Haji Mohammad Abu Bakar Rautin Ibrahim** minta Menteri Kesihatan menjelaskan mengenai kedudukan (kemampuan) Kementerian tersebut di dalam usaha untuk mengubati penyakit jantung (jantung berlubang) di kalangan kanak-kanak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Cik Teng Gaik Kwan): Jabatan Kardiologi/Kardiothoraxik di Hospital Besar, Kuala Lumpur adalah berkemampuan untuk membuat pembedahan kepada kebanyakan penyakit jantung di kalangan kanak-kanak, kecuali keadaan penyakit-penyakit "congenital" yang terlalu kompleks. Keadaan penyakit sedemikian pada lazimnya merupakan kurang daripada 3% daripada jumlah keseluruhan penyakit "congenital heart diseases".

Memandangkan bilangan pesakit jantung yang memerlukan rawatan adalah terlalu ramai, maka pembedahan akan dibuat mengikut giliran. Keutamaan diberikan kepada keadaan penyakit dan "seriousness" penyakit tersebut.

CUKAI KOPRAT

36. **Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed** minta Menteri Kewangan menyatakan dengan sebab

cukai koprat yang dikenakan sebanyak 40% ditambah pula dengan development tax sebanyak 5% berjumlah 45% adalah menjadi "Daya Penolak" kepada pelabur-pelabur asing untuk melabur di Malaysia, sedangkan negara-negara lain ada yang mengenakan cukai sebanyak 33% dan ada yang 17%. Adakah pihak kerajaan bercadang hendak mengkaji semula sebagai galakan dan tarikan kepada pelabur-pelabur asing melabur di sini.

Tuan Loke Yuen Yow: Ingin saya memaklumkan bahawa buat pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar cukai koprat yang dikenakan sekarang ini.

Walaupun pada lahirnya cukai koprat di Malaysia agak tinggi tetapi Kerajaan telah memberi banyak galakan pelaburan kepada pengusaha-pengusaha yang ingin melabur di Mataysia. Antara galakan-galakan yang diberikan ialah taraf perintis, elaun cukai pelaburan, pengurangan pendapatan larasan, elaun eksport, potongan bagi penggalakan eksport dan elaun bangunan perindustrian. Dengan pemberian galakan-galakan pelaburan yang dinyatakan, cukai koprat di Mataysia sebenarnya adalah rendah, jika dibandingkan dengan negara-negara di rantau ini. Ini telah menjadi daya tarikan terutama kepada pelabur-pelabur asing untuk melabur di negara ini.

PENSWASTAAN JABATAN TELEKOM

37. **Tuan P. Patto** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan perkembangan penswastaan Jabatan Telekom yang telah bermula dilaksanakan sejak 1hb Januari, 1987; apakah jenis kesulitan yang dihadapi sekarang selepas pelaksanaan penswastaan; bagaimana kesulitan-kesulitan ini akan diatasi; berapakah hasil pendapatan yang dijangka akan diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan

dalam setiap tahun apakala penswastaan dilaksanakan dengan penuh.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita saya memaklumkan bahawa semenjak Jabatan Telekom Malaysia (JTM) diswastakan pada Ihb Januari, 1987 tidak ada apa-apa kesulitan ataupun masalah yang timbul. Juga Tuan Yang di-Pertua, adalah terlalu awal bagi pihak Kementerian saya untuk menjangka hasil pendapatan Syarikat Telekom Malaysia Berhad pada setiap tahun oleh kerana ianya baharu sahaja beroperasi sebagai sebuah syarikat lebih kurang 2 bulan dahulu sahaja.

IKAN PARA NELAYAN— SISTEM LELONG

38. Tuan Douglas Uggah Embas minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) keuntungan sistem lelong ikan kepada nelayan; dan
- (b) bilakah sistem lelong dilaksanakan di Negeri Sarawak.

Tuan Luhah Wan:

- (a) Sistem lelong ikan telah memberi faedah atau keuntungan kepada para nelayan. Di antara faedah-faedah yang diperolehi oleh nelayan adalah:
 - (i) Pendapatan nelayan telah meningkat iaitu daripada \$300.00 sebulan kepada \$700.00 sebulan bagi nelayan biasa (awak-awak) dan lebih kurang \$2,000.00 sebulan bagi nelayan taikong.
 - (ii) Harga jualan hasil tangkapan ikan para nelayan telah meningkat di antara 15% hingga 90% bergantung kepada jenis-jenis ikan.

(iii) Kedudukan kewangan Persatuan Nelayan telah bertambah baik kerana kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh Persatuan Nelayan telah dapat dipertingkatkan. Sebagai contohnya keuntungan daripada jualan minyak diesel dan ais teiah dapat dipertingkatkan. Di samping itu juga Persatuan Nelayan mendapat komisyen 2% daripada hasil jualan ikan-ikan yang dilelong. Ini adalah disebabkan bahawa Persatuan Nelayan sendiri menjadi pelolong.

(iv) Kekukuhan kewangan Persatuan Nelayan ini telah membolehkan Persatuan Nelayan berkenaan memberi dividen kepada ahli-ahli mereka. Di samping itu juga kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh Persatuan Nelayan telah mengwujudkan peluang pekerjaan kepada keluarga ahli-ahli mereka.

Kita telah memaklumkan bahawa sungguhpun sistem pelolongan ini telah mempertingkatkan harga jualan kepada para nelayan tetapi harga ikan di pasar runcit adalah dalam keadaan biasa iaitu tidak menunjukkan apa-apa kenaikan. Contohnya di Kedah, harga ikan kembong di Kompleks Pemasaran Ikan Kuala Kedah telah meningkat dari 75 sen kepada \$1.50 sen sekilo iaitu tambahan 50% tetapi di peringkat runcit harganya adalah purata \$1.80 sen sekilo iaitu tidak menunjukkan kenaikan. Begitu juga harga di pasar runcit Kuala Lumpur masih di dalam lingkungan purata \$2.80 sen sekilo.

(b) Sistem lelong ini akan juga dilaksanakan di Negeri Sarawak memandangkan kejayaan yang telah dapat dicapai di Semenanjung Malaysia. Tarikh pelaksanaan sistem lelong di Negeri Sarawak ini adalah bergantung kepada tarikh siapnya kompleks-kompleks perikanan yang sedang di dalam pembinaan iaitu di bawah pinjaman "Asian Development Bank" (ADB). Kompleks-kompleks perikanan ini adalah:

<i>Nama Kompleks</i>	<i>Tarikh siap pembinaan</i>
(L) Kompleks Penkanan LKIM Bintawa	Djsemer, 1987
(ii) Kompleks Perikanan LKIM Belawan	Disember, 1987
(ui) KoTHpleks Penkandn LKIM Mukah	November 1989
(iv) Kompleks Perikanan LKIM Bintulu	Januari, 1989
(v) Kompleks Perikanan LKIM MJFI	Januari, 1989
(VL) Kompleks Penkanan LKIM Sarikei	Januari, 1990

Pada peringkat awal ini sistem lelong terbuka mungkin boleh dilaksanakan di komplek Perikanan LKIM Bintawa, Kuching yang sedang di dalam peringkat peningkatan dan peningkatan ini akan siap pada bulan Disember, 1987.

LEBUHRAYA RAWANG/ KALUMPANG DAN BIDOR/ IPOH

39. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Lebuhraya dari Rawang ke Kalumpang dan Bidor menghadapi kemalangan dan kesesakan yang paling tinggi sekali. Jika sedar, terangkan:

(a) tindakan jangka pendek dan panjang untuk mencegah kemalangan dan mengeratkan lalulintas bagi Lebuhraya tersebut; dan

(b) projek dan perbelanjaan untuk membina Lebuhraya yang baru untuk menggantikan yang lama.

Dato' S. Samy Vellu:

(fl) Kerajaan memang sedar jalan raya Rawang/Kalumpang dan Bidor/Ipoh berlaku kemalangan. Oleh yang demikian untuk mengurangkan kadar kemalangan, tindakan jangka pendek telah diambil dengan memperbaiki jarak pandangan (sight distance) di tempat selekoh dan memasang alat membalikkan cahaya (road deliniator) di tempat-tempat merbahaya supaya pandangan pemandu akan lebih selesa terutamanya pada waktu memotong kenderaan lain. Di samping itu papan-papan tanda juga ditambah untuk memberi amaran had laju dan amaran tempat yang merbahaya dan seumpamanya. Tindakan jangka panjang yang sedang diambil adalah memperbaiki jalan dan melebarkan jambatan yang sempit. Kerja-kerja ini sedang dijalankan dengan kos \$2.6 juta.

(6) Kerajaan juga sedang dalam proses untuk membina lebuhraya dari Ipoh ke Kuala Lumpur yang menjadi jalan pilihan kepada para pengguna jalan raya tersebut. Lebuhraya ini adalah termasuk di dalam lebuhraya Utara/Selatan yang telah diswastakan.

SKANDAL BMF—PERBICARAAN DATO HASHIM SHAMSUDDIN

40. Tuan Teoh Teik Huat minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Di

Raja bagi menyiasat secara menyeluruh ke atas skandal BMF memandangkan pada hakikat bahawa:

- (a) maruah Perdana Menteri sendiri disangsikan disebabkan oleh liputan media antarabangsa tentang perjalanan kes Hashim Shamsuddin—BMF di Hong Kong di mana Perdana Menteri Malaysia dikatakan telah mengarahkan Bank Bumiputera mengeluarkan pinjaman secara rahsia wang sebanyak \$400 juta kepada satu syarikat yang tidak mempunyai modal bagi tujuan untuk menaikkan harga timah di pasaran dunia; dan
- (b) ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO dan juga bekas Perdana Menteri, Yang Mulia Tun Hussein Onn, telah menyatakan bahawa siasatan lanjut diperlukan bagi menegakkan kembali kenyataan rakyat di negeri ini.

Perdana Menteri: Adalah tidak wajar bagi Kerajaan untuk mengambil tindakan melulu berasaskan kepada rayuan meringankan hukuman (mitigation pleas) berhubung dengan kes perbicaraan Hashim Shamsuddin—BMF di Hong Kong. Oleh itu Kerajaan tidak berhasrat untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Di Raja bagi menyiasat secara menyeluruh ke atas skandal BMF seperti yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat.

Kerajaan masih berpendapat bahawa Laporan Jawatankuasa Penyiasat BMFL yang telah diumumkan kepada orang ramai melalui Kertas Putih Kerajaan telah pun menunjukkan penipuan dan tindakan-tindakan curang oleh orang perseorangan yang tertentu. Berdasarkan Laporan Jawatankuasa tersebut, tindakan-tindakan mahkamah, iaitu tindakan sivil dan jenayah, telah dan sedang diambil ke

atas pihak-pihak yang berkenaan oleh Bank Bumiputra.

BANK BUMIPUTRA—PINJAMAN KEPADA MAMINCO

41. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri

Kewangan menyatakan sama ada benar beliau sedar secara peribadi telah meminta Pengerusi Bank Bumiputra waktu itu, Tan Sri Kamarul Ariffin Mohamed Yassin, supaya pinjaman sebanyak US\$400 juta diberi kepada Maminco Sdn Bhd untuk membeli rezap bijih timah dengan tujuan menaikkan harga antarabangsa bijih timah; bahawa pinjaman tersebut dipindah ke Cawangan bank tersebut di Bahrain akan tetapi terpaksa dialih daripada negara tersebut disebabkan bantahan juruaudit-juruaudit bank serta Kerajaan Bahrain dan bahawa Bank Bumiputra mengalami kerugian sebanyak US\$200 juta daripada pinjamannya kepada Maminco; dan melaporkan kepada Parlimen mengapa Kerajaan tidak bersedia untuk mengadakan satu pemehksaan awam yang penuh ke dalam kedudukan kewangan Maminco sejak penubuhan syarikat tersebut.

Tuan Loke Yuen Yow: Mengikut rekod-rekod yang ada pada BBMB Perdana Menteri tidak pernah meminta Pengerusi Bank Bumiputra (Tan Sri Kamarul Ariffin) memberi pinjaman sebanyak US\$400 juta kepada Maminco Sdn Bhd.

Maminco, sebaliknya telah memperoleh satu kemudahan pinjaman sebanyak US\$260 juta daripada Bank Bumiputra Cawangan Bahrain pada bulan Disember, 1981. Pinjaman ini yang dikeluarkan sepenuhnya oleh cawangan tersebut, dipindahkan kepada cawangan Kuala Lumpur mengikut keperluan urusan niaga bank dan bukanlah kerana terpaksa seperti dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Pinjaman ini telah pun dibayar balik sepenuhnya kepada Bank Bumiputra.

Mengenai penyata kewangan Maminco, ianya sedang diaudit.

**PEKERJA DI KILANG
INDUSTRI BERAT—
KECEDERAAN**

42, **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada beliau sedar terdapat banyak pekerja-pekerja yang mengalami kecederaan yang teruk semasa menjalankan tanggungjawab mereka baru-baru ini terutama sekali pekerja-pekerja di industri-industri berat, dan jika benar, nyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dan yang akan diambil oleh Kementerian ini bagi melindungi kesihatan dan keselamatan pekerja-pekerja ini, terutama sekali pekerja-pekerja industri berat.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Kementerian Buruh memang sedar bahawa baru-baru ini beberapa orang pekerja terutamanya di sebuah kilang industri berat telah terlibat dalam satu kemalangan yang teruk semasa bekerja. Berhubung dengan perkara di atas, langkah-langkah berikut telah diambil:

- (i) Penyiasaan ke atas kemalangan tersebut oleh pegawai-pegawai kanan Jabatan Kilang & Jentera di bawah Kementerian Buruh yang telah mengeluarkan pemberitahu larangan dan arahan meningkatkan taraf keselamatan kilang.
 - (ii) Lawatan oleh pegawai kanan dari Ibu Pejabat Jabatan tersebut untuk memastikan taraf keselamatan di kilang adalah baik dan arahan kepada pemilik kilang supaya mengadakan sistem audit keselamatan yang menyeluruh.
2. Secara umumnya, Jabatan Kilang & Jentera adalah bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Kilang &

Jentera, 1967 dan Peraturan-peraturan di bawahnya berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerja dalam industri melalui kegiatan-kegiatan berikut:

- (i) Melakukan pemeriksaan-pemeriksaan awal, ulangan dan mengejut ke kilang-kilang.
- (ii) Menjalankan kegiatan galakan melalui syarahan, ceramah, kursus, latihan dan khidmat teknikal untuk majikan dan pekerja.
- (iii) Menggalakkan kilang yang mempunyai lebih dari 40 orang pekerja supaya membentuk jawatankuasa keselamatan.
- (iv) Mengenalpasti industri-industri berat yang merbahaya dan mengarahkan pihak pengurusan membuat kajian semula secara menyeluruh serta mengemaskini cara kerja dan sistem kerja di kilang.
- (v) Mengambil tindakan-tindakan yang mendesak ke atas kilang-kilang yang merbahaya seperti pengeluaran notis pemberitahu larangan, memberhentikan operasi jentera serta tindakan undang-undang.

**PERMAINAN BILLIARD/
SNOOKER/TENPIN BOWLING**

43. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan status permainan billiard/snooker dan tenpin bowling kerana kedua-dua permainan tersebut termasuk dalam sukan SEA yang bakal diadakan di Jakarta pada bulan September, 1987. Kedua-dua permainan tersebut kini dikenalkan sebagai permainan parlour oleh Kementerian dan maka dengan sebab itu tertakluk kepada cukai yang tinggi ke atas alat-alat yang dibawa masuk ke negara ini iaitu satu langkah yang tidak adil kepada olahragawan-olahragawan yang mewakili negara. Kedua

permainan ini merupakan permainan kontak tanpa fizikal (non-physical contact games) dan mungkin satu hari kita akan mengeluarkan seorang jaguh dunia dalam permainan-permainan ini seperti dinyatakan oleh Perdana Menteri dalam ucapan di Port Dickson pada 15-12-86 apabila beliau melancarkan satu pertandingan yatching yang dikelolakan oleh Persatuan Yatching Malaysia, di mana beliau menyatakan bahawa penduduk-penduduk Asia adalah kecil dari segi fizikal berbanding dengan orang-orang Eropah dan bahawa ia merupakan permainan tidak fizikal yang tunggal di mana kita dapat mengalahkan mereka serta mencipta seorang jaguh dunia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Memang benar kedua-dua permainan billiard/snooker dan tenpin bowling termasuk di dalam acara Sukan SEA 1987 yang akan diadakan di Jakarta pada bulan September, 1987 dan berkemungkinan juga kedua-dua permainan ini akan dipertandingkan di peringkat yang lebih tinggi lagi.

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Perintah Duti Kastam 1978, bagi peralatan permainan tenpin bowling duti import ialah 10%, cukai jualan ialah 10% dan jika bahan peralatan itu dibuat daripada kayu/kertas atau di dalam bentuk plastik, cukai yang dikenakan ialah 30% dan kod cukainya ialah 97.04. Jika bahan itu dibawah masuk secara terus oleh orang perseorangan dikenakan cukai 50%.

Untuk permainan billiard/snooker, perkara ini masih lagi dikekalkan sebagai permainan "parlour" untuk tujuan kutipan cukai. Cukai untuk alat-alat permainan ini adalah kekal di 50% atas alasan-alasan yang berikut:

- (i) Peralatan kedua permainan ini adalah dibuat daripada bahan-bahan import luar negeri

tertakluk kepada cukai/duti/eksais oleh Kementerian Kewangan.

- (ii) Golongan yang bermain adalah terdiri daripada masyarakat mewah dan kurang menyeluruh cuma di kawasan-kawasan bandar.
- (iii) Dalam permainan billiard/snooker, Kementerian Kewangan masih berpendapat ada unsur-unsur perjudian di dalamnya.

(Soalan No. 44. Sila lihat jawapan No. 29)

HUKUMAN SYARIAH— KENYATAAN AHLI DARI PULAI

45. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan mengapa setakat ini sebarang tindakan belum diambil terhadap Yang Berhormat dari Pulau di bawah Kanun Keseksan atau Akta Hasutan kerana mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang menyemarakkan dan menghasut perasaan serta melanggar Perlembagaan dengan menyarankan agar orang-orang bukan Islam juga dikehendaki tertakluk kepada hukuman-hukuman Islam atau Syariah, terutamanya mereka yang didapati minum arak di tempat awam atau berzina.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak polis telah menerima laporan kes ini pada 30-1-1987 melalui laporan Polis No. 425/87 di Balai Polis Melaka Tengah dan kes tersebut sekarang masih dalam siasatan.

PERPADUAN RAKYAT

46. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri menyatakan

memandangkan kepada kepentingan yang diberi oleh Kerajaan untuk perpaduan rakyat dalam negara kita, adakah Kerajaan akan mengambil tindakan yang lebih positif untuk meningkatkan persefahaman dan persaudaraan antara semua kaum oleh kerana hasil aktiviti-aktiviti Jabatan Perpaduan Negara hingga kini tidak begitu menggalakkan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Raja Ariffin bin Raja Sulaiman): Saya kurang jelas tentang maksud Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor, bila dikatakan aktiviti-aktiviti Jabatan Perpaduan Negara hingga kini tidak begitu menggalakkan. Sebagai yang termaklum, perpaduan adalah tanggungjawab semua pihak. Jabatan Perpaduan Negara dipertanggungjawabkan membuat dasar-dasar tertentu bagi menimbulkan perpaduan,

Ke arah ini Jabatan Perpaduan Negara merancang dan melaksanakan beberapa program yang difikirkan dapat menyumbang terhadap perpaduan. Selama ini disebabkan peruntukan yang terhad, Jabatan Perpaduan Negara bergerak di kawasan tertentu sahaja, khususnya kawasan di bandar, di mana terdapat masyarakat yang terdiri dari banyak kaum.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Jabatan Perpaduan Negara, seperti juga Jabatan-jabatan lain, sentiasa mengkaji perancangan dan program yang sedia ada. Di mana didapati perlu diubahsuai atau dipinda, maka Jabatan Perpaduan Negara akan mengambil tindakan yang sewajarnya. Program-program yang baru juga diadakan. Buat masa kini beberapa program sedang disusun untuk memberi kekesan kepada tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Perpaduan Negara.

GRADUAN UNIYERSITI YANG BELUM BEKERJA

47. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) jumlah bilangan graduan universiti, baik dalam atau luar negeri yang masih belum bekerja sehingga akhir Pebruari tahun ini;
- (b) kategori-kategori pekerjaan yang dipohon oleh graduan-graduan universiti ini dan pecahan angkanya;
- (c) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu para graduan yang menganggur untuk mencari pekerjaan;
- (d) berapakah jumlah aduan yang diterima oleh Kementerian dari graduan universiti yang menuntut atau mendakwa bahawa mereka dibayar dengan gaji yang tidak mencukupi.

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mobamed:

- O) Kementerian Buruh tidak dapat memastikan jumlah siswazah universiti yang sebenarnya belum bekerja kerana tidak semua dari mereka mendaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat. Walau bagaimanapun jumlah siswazah yang berdaftar untuk mencari kerja dengan Jabatan Tenaga Rakyat setakat Disember 1986 ialah seramai 4,208 orang.
- (b) Kategori-kategori pekerjaan yang dipohonkan oleh siswazah-siswazah ini adolah seperti berikut:

1. Jurutera	1011
2. Architect	161
3. Accountant	316
4. Komputer	221

5	Pentadbiran & Pengurusan	552
6	Penyelidikan	429
7	Perubatan	
8	Pendidikan	70
9	Personel & Perhubungan	43
10	Jurukur	205
11	Lain-lain	189
	Jumlah	4208

- (c) Untuk membantu para graduan yang menganggur mendapatkan pekerjaan, Kementerian Buruh melalui Jabatan Tenaga Rakyat menghantarkan pegawai-pegawai mereka melawat majikan-majikan di seluruh negara untuk memperolehi seberapa banyak peluang-peluang pekerjaan yang boleh supaya dapat menempatkan para graduan yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat.

Kerajaan juga telah memperkenalkan satu program "Pasukan Pekerja Sukarela Profesional dan Siswazah" untuk membantu para siswazah yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Rakyat mendapatkan pekerjaan dalam projek-projek awam. Menerusi program ini adalah diharapkan supaya pengalaman-pengalaman yang mereka memperolehi kelak akan membantu mereka mendapatkan jawatan-jawatan tetap.

Di samping itu melalui Jabatan Perkhidmatan Awam, Kerajaan ada menyediakan peluang-peluang pekerjaan di bawah Skim Khidmat Sambilan untuk para graduan yang menganggur. Sehingga 30hb Jun, 1986 seramai 4,000 orang siswazah telah ditempatkan sebagai pegawai sangkut di Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan, Jabatan-jabatan

Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun serta di dua buah Kerajaan Tempatan dan mereka di bayar elaun sebanyak \$600 sebulan bagi siswazah universiti dan \$500 sebulan untuk pemegang-pemegang diploma.

- (d) Sehingga hari ini Kementerian Buruh tidak menerima sebarang aduan resmi dah graduan universiti mengenai bayaran gaji yang tidak cukup.

PERNAS—AMBIL ALIH UMBC

48. **Tuan Adam bin Abdul Kadir** minta Perdana Menteri menyatakan oleh kerana pembelian UMBC melibatkan wang dan tanggungan Kerajaan menerusi PERNAS, apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk memastikan imej dan prestasi bank yang ketiga besarnya di Malaysia ini berada di bawah kepimpinan tokoh-tokoh yang berwibawa dalam dunia kewangan, dan apakah pula langkah-langkah konkrit yang diambil untuk menyekat kecenderongan pengurusan tinggi PERNAS yang memusatkan teraju utama pengurusan di dalam tangan mereka yang berasal dari sebuah negeri tertentu dari berlaku di UMBC pula.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamed): Semenjak mengambil alih UMBC, PERNAS telah memastikan yang pengurusan bank tersebut dijalankan secara "professional" dengan melantik dan menempatkan pegawai-pegawai yang berkelayakan serta berpengalaman dalam bidang-bidang yang khusus berkaitan dengan pengurusan serta perniagaan bank. Perlantikan kakitangan-kakitangan PERNAS di semua peringkat adalah berasaskan semata-mata kepada kelulusan, kebolehan serta pengalaman sahaja. Sehingga kini prestasi UMBC adalah memuaskan.

PENYELUDUPAN BERAS

49. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sejauh manakah seriusnya penyeludupan beras dari luar negeri terutamanya dari Thailand ke negara ini;
- (b) sejauh manakah keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengatasi masalah penyeludupan beras ini sama ada melalui darat, laut atau udara; dan
- (c) apakah langkah jangka panjang Kementerian dari segi membentaras penyeludupan beras ini terutamanya dari segi menjalankan tindakan bersama dengan negeri-negeri dari mana penyeludupan ini dilakukan terutamanya Thailand.

Tnan Haji Daud bin Dato' Haji Taha:

- (a) Penyeludupan beras adalah dipandang serius oleh Kerajaan dan kerana itulah ianya merupakan satu kesalahan di bawah Akta Kastam 1967 dan Akta LPN 1971. Aktiviti-aktiviti penyeludupan beras khususnya memberi kesan ke atas keselamatan dan ekonomi negara. Kemungkinan ada barang-barang lain yang juga diseludup bersama beras, seperti dadah dan sebagainya. Industri padi dan beras negara akan terjejas kerana beras yang diseludup dengan banyaicnya akan memberi kesan kepada pasaran beras tempatan dan beras yang diimport secara sah oleh Kerajaan. Lebih banyak beras yang diseludup bererti lebih sedikit beras tempatan keluaran petani Malaysia serta beras impot yang dapat dipasarkan dan ini pula

bermakna bahawa beras tempatan dan impot perlu disimpan lebih lama, melibat kos yang tinggi dan kehilangan pendapatan dan kerugian kepada Kerajaan kerana kejatuhan mutu beras tersebut melalui masa.

- (b) Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan melalui Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) dan LPN adalah berkesan untuk mengurangkan aktiviti-aktiviti penyeludupan beras tetapi apa-apa rampasan dan tangkapan yang dibuat mungkin merupakan sebahagian sahaja daripada aktiviti-aktiviti penyeludupan beras sebenarnya. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 1986 sebanyak 2,336 tan metrik beras yang dianggar bernilai sebanyak \$2,102,937 telah dirampas oleh UPP dan LPN. Rampasan ini melibatkan 598 kes.
- (c) Langkah-langkah membentaras penyeludupan beras yang diambil oleh Kerajaan adalah merupakan langkah-langkah yang berterusan dan ini termasuklah mengadakan sekatan jalan dan pemeriksaan kenderaan-kenderaan pemeriksaan di laut dan di sungai, pemeriksaan ke atas pengilang-pengilang, pemborong-pemborong, dan peruncit-peruncit. Dari segi tindakan bersama dengan negara-negara jiran dari mana penyeludupan berlaku, baru-baru ini Kerajaan telah pun bersetuju untuk menubuhkan Suruhanjaya Bersama Malaysia-Thailand di mana masalah-masalah termasuk masalah penyeludupan akan dibincangkan.

**AHLI DEWAN GUGUR SECARA
OTOMATIS JIKA SABIT
KESALAHAN**

50. **Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Article 48 (e) Perlembangan Persekutuan supaya apabila seorang ahli dari Dewan Rakyat atau Dewan Negara akan secara otomatis tergugur dari menjadi Ahli Dewan tersebut jika ianya dihukum kerana kesalahan oleh Mahkamah Undang-undang dan dihukum penjara tidak kurang dari satu tahun atau didenda sebanyak tidak kurang dari dua ribu ringgit dan tidak menerima sebarang pengampunan tanpa syarat. Jika ia tidak, kenapa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Kerajaan tidak ada bercadang untuk meminda Perkara 48 (e) Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan berpendapat bahawa peruntukan yang sedia ada adalah memuaskan dan dengan itu tidaklah perlu pindaan tersebut dibuat.

**SURAT SUMPAH RAKAN FRANK
FOERSTER—PENAFIAN**

51. **Tuan R. Karpal Singh** minta Perdana Menteri menyatakan apa tindakan yang dicadangkan oleh Kerajaan terhadap penafian surat-surat sumpah dua orang rakan-rakan Jerma Frank Foerster yang dibebaskan oleh Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 21 Januari 1987 di atas tuduhan mengedar dadah.

Dato' Oo Gin Sun: Sepertimana tuan sedia maklum, surat-surat sumpah itu telah dikemukakan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dengan pengetahuan peguam yang mewakili mereka. Walaupun pihak pendakwa membantah penerangannya, Mahkamah Tinggi Pulau Pinang telah menerimanya dan memberi pertimbangan yang sewajarnya ketika memutuskan sama ada orang yang

kena tuduh itu bersalah ataupun tidak. Kini orang yang membuat sumpah itu telah menafikan kesahihan isi surat itu dan penafiannya itu dibuat di luar negara ini. Oleh itu tidak mungkin pihak Kerajaan dapat mengambil apa-apa tindakan terhadap mereka yang terlibat.

Dalam hubungan ini, saya ingin mencadangkan bahawa pihak Mahkamah berhati-hati sebelum menerima surat-surat atau dokumen seperti ini. Pihak peguam juga janganlah sewenang-wenangnya mengemukakan ke Mahkamah surat-surat atau dokumen-dokumen dari luar negeri.

PELABURAN SWASTA ASING

52. **Toh Muda Dr Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapakah Pelaburan Swasta Asing ke Malaysia mulai turun daripada tahun 1983 hingga 1986 walhal sebelumnya itu ianya meningkat contohnya seperti pada tahun 1980, 1981 dan 1982. Adakah hanya disebabkan kemerosotan ekonomi semata-mata atau adakah lain-lain sebab. Apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasinya. Adakah apa-apa kesan positif terlibat pada awal tahun 1987 ini.

Dato Kok Wee Kiat: Berkaitan dengan kenyataan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat, Pelaburan Swasta Asing dari segi cadangan modal dibayar asing dalam projek-projek perkilangan yang diluluskan telah menurun hanya dalam tahun 1983 dan tahun 1984 tetapi meningkat dalam tahun 1985 dan tahun 1986.

Pelaburan asing dalam projek-projek perkilangan berjumlah \$296.4 juta dalam tahun 1983, mencatatkan kekurangan \$22.6 juta atau 42.9% daripada \$519.0 juta dalam tahun 1982.

Untuk makluman Yang Berhormat pelaburan asing yang tinggi dalam tahun 1982 adalah disebabkan oleh kelulusan yang diberi kepada 3 projek yang terbesar yang melibatkan modal sekurang-kurangnya \$50.0 juta setiap satu projek. Modal asing dalam 3 projek yang terbesar berkenaan adalah \$210 juta. Pelaburan asing dalam projek-projek perkilangan yang diluluskan menurun daripada \$296.4 juta dalam tahun 1983 kepada \$275.4 juta dalam tahun 1984, iaitu kekurangan sebanyak \$21.0 juta atau 7.1%. Penurunan dalam tahun 1983 dan 1984 adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi yang dihadapi di seluruh dunia pada masa itu.

Pelaburan daripada luar negeri telah meningkat dalam tahun 1985 dan tahun 1986. Cadangan modal dibayar asing dalam projek-projek perkilangan yang diluluskan telah meningkat daripada \$275.4 juta dalam tahun 1984 kepada \$324.9 juta dalam tahun 1985 dan \$524.5 juta dalam tahun 1986. Kadar Pelaburan Swasta Asing dalam sektor perkilangan dari segi cadangan modal dibayar asing dalam projek perkilangan yang diluluskan adalah tertinggi dalam tahun 1986 jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya, iaitu semenjak 1980. Ini adalah satu petanda yang baik yang menunjukkan bahawa negara kita masih menarik sebagai tempat pelaburan. Keyakinan pihak swasta ini adalah kerana Kerajaan sentiasa menyedari kepentingan peranan sektor swasta dari dalam dan luar negeri dalam pertumbuhan ekonomi kita dan persaingan yang hebat dari negara-negara lain bagi mendapatkan modal pelaburan asing. Oleh itu, Kerajaan memang sentiasa meneliti dasar-dasar pelaburan serta galakan-galakan dan kemudahan-kemudahan untuk memperbaiki iklim pelaburan negara kita. Baru-baru ini Kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki lagi iklim pelaburan ini. Saya yakin langkah-langkah ini akan

membawa kesan-kesan positif pada tahun 1987 ini, sungguhpun adalah terlalu awa! untuk menentukannya.

KEM LATIHAN PEMUDA UMNO

53. **Tuan Chean Heng Kai** minta Menteri Datang Negeri menyatakan sama ada Pemuda UMNO pernah memohon kebenaran untuk menjalankan Kem Latihan cara militeri di Sg Amang, Ulu Kelang dan apakah jenis kursus yang dijalankan; dan sama ada tanah kem tersebut adalah tanah kepunyaan Kerajaan atau tanah UMNO.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sebarang kegiatan pertubuhan yang selaras dengan perlembagaannya dan tidak bercanggah pula dengan Akta Pertubuhan dan lain-lain peruntukan undang-undang boleh menjalankan kegiatan tersebut tanpa memohon kebenaran. Dalam hal ini, kegiatan pemuda UMNO adalah juga sebahagian daripada kegiatan UMNO keseluruhannya dan kegiatannya adalah tertakluk kepada perlembagaan UMNO. Oleh yang demikian keperluan kebenaran tersebut tidak timbul sekiranya kegiatan dalam UMNO selaras dengan perlembagaan UMNO.

Jenis kursus yang dijalankan di bawah kelolaan Biro Latihan Pemuda UMNO ini adalah menekankan kepada aspek-aspek latihan jasmani, rohani, kesedaran politik, ekonomi, gerak-saraf semata-mata bertujuan untuk membina semangat rakyat dan kesedaran kebangsaan ke arah cintakan negara di kalangan pemuda dan ahli-ahli UMNO. Dalam Kem Latihan ini tiada sebarang latihan senjata diadakan. Tanah Kem tersebut telah mendapat lesen Tanah Tumpangan Sementara (TOL) Kerajaan.

HAKMILIK MODAL SAHAM PEMASTAUTIN ASING

54. Dr Lim Ann Koon minta Perdana Menteri menyatakan jumlah hakmilik modal saham yang dimiliki oleh pemastautin asing atau syarikat asing yang berada di Malaysia tetapi yang telah dikelaskan di bawah kategori bukan Bumiputera Malaysia sepertimana yang dikira di dalam Rancangan mengikut kediaman dan bukan mengikut kewarganegaraan.

57. Tuan Law LaiHeng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mengarahkan Jabatan Perangkaan mendedahkan keputusan Penyiasatan Hakmilik Syarikat-syarikat Berhad kepada pihak awam supaya orang awam boleh membuat penilaian bebas mengenai ketepatan data yang digunakan dalam pengiraan hakmilik modal saham Bumiputera, bukan Bumiputera dan Pemastautin Asing. Ini adalah kerana keputusan kajian ini menjadi asas pengiraan nilai hakmilik modal saham Bumiputera, bukan Bumiputera dan Pemastautin Asing di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Tuan Kasitah Gaddam: Saya meminta izin untuk menjawab soalan ini dan soalan daripada Ahli Yang Berhormat Tuan Law Lai Heng secara sekaligus oleh kerana kedua-dua soalan ini adalah berkaitan.

Suka saya menjelaskan bahawa data-data mengenai hakmilik dalam sektor syarikat yang biasa kita lihat dalam dokumen-dokumen rancangan pembangunan lima tahun adalah berpunca dari Penyiasatan Hakmilik Syarikat-syarikat Berhad yang telah dijalankan secara tahunan oleh Jabatan Perangkaan sejak tahun 1970. Penyiasatan tersebut mengelaskan hakmilik pemegang saham berdasarkan taraf pemastautinnya bukan kewarganegaraan. Ini adalah kerana rekod-rekod pemegang saham di syarikat-syarikat adalah

berdasarkan pemastautin dan ianya selaras dengan peruntukan di bawah Akta Syarikat 1965. Bagaimanapun, seperti ahli Yang Berhormat maklum, beberapa pindaan telah dibuat terhadap Akta tersebut dalam bulan April, 1985 dan selaras dengan itu format laporan oleh pemegang saham telah pun diubahsuai menggunakan asas kewarganegaraan. Dengan itu, mulai tahun rujukan 1986, Pejabat Pendaftar Syarikat menghendaki pemegang-pemegang saham melapor kepentingan mereka berdasarkan warganegara masing-masing.

Oleh kerana pengiraan berasaskan taraf pemastautin telah berjalan lama, Penyiasatan tersebut tidak mempunyai rekod yang dapat menjawab secara tepat isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Bagaimanapun, berdasarkan pengalaman mengendalikan Penyiasatan sejak 15 tahun yang lalu, pihak Kerajaan berpendapat keputusan-keputusan mengenai hakmilik berbagai kumpulan seperti yang ada sehingga ini tidak mungkin berubah dengan begitu "significant". Ini bermakna, jumlah hakmilik pemegang saham asing yang mungkin termasuk di bawah kumpulan Rakyat Malaysia yang lain (bukannya "Bukan Bumiputera" seperti yang disebut oleh Yang Berhormat) adalah kecil dan dari itu tidak menjejaskan keputusan pengiraan yang didapati. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soal selidik yang dihantar kepada syarikat-syarikat juga mempunyai ruangan untuk memasukkan angka-angka pemilikan oleh orang-orang perseorangan dan syarikat bukan pemastautin. Konsep "Rakyat Malaysia yang lain" ini adalah dijelaskan dalam nota kecil di bawah jadual-jadual berkenaan dengan hakmilik dalam buku-buku rancangan lima tahun.

Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Tuan Law Lai Heng, pada masa ini Kerajaan belum lagi membuat keputusan untuk mendedahkan hasil

Penyiasatan Hakmilik Syarikat-syarikat Berhad kepada pihak awam.

BANGUNAN LAMA PEJABAT POS

55. **Tuan Haji Basri bin Bajuri** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masih banyak bangunan-bangunan pejabat pos yang dibina lebih lima puluh tahun yang lalu, khususnya bangunan kayu, terdapat di Selangor. Contohnya Pejabat Pos Banting, Kuala Langat yang dibina pada tahun 1928. Ia sangat uzur dan terdedah kepada bahaya runtuh dan kebakaran. Pengunjung-pengunjungnya pula terdedah kepada bahaya Lalulintas. Jika sedar:

- (i) bilakah bangunan baru Pejabat Pos Banting akan dibina;
- (ii) apakah Kementerian akan mengambilkira akan kemudahan-kemudahan dan keselamatan pejabat itu nanti sesuai dengan perannya sebagai sebuah agensi yang mendatangkan hasil kepada Kerajaan.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Kerajaan memang sedar masih terdapat banyak bangunan-bangunan lama Pejabat Pos yang dibina lebih lima puluh tahun yang lalu di negara ini, termasuk di Negeri Selangor. Oleh yang demikian, adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk menggantikan bangunan-bangunan lama ini secara berperingkat-peringkat di bawah Rancangan Pembangunan Lima Tahun Jabatan Pos.

Bagaimanapun, oleh kerana kedudukan kewangan rancangan bagi menggantikan Pejabat Pos Banting tidak diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelima dan ianya akan diberi pertimbangan semula di bawah Rancangan Malaysia akan datang.

Sebagai langkah sementara, kerja-kerja mengubahsuai Pejabat Pos ini akan dilaksanakan bagi memberi keselesaan dan ruangan yang mencukupi kepada kakitangan dan orang ramai.

Sesuai dengan peranannya sebagai agensi yang mendatangkan hasil Kerajaan tumpuan dan keutamaan akan terus diberikan untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan sama ada dari segi bangunan-bangunan yang moden maupun penggunaan peralatan-peralatan dan kelengkapan-kelengkapan pos. Dengan ujudnya suasana keselesaan bekerja dan kemudahan yang lengkap bekerja dan kemudahan yang lengkap produktiviti kakitangan juga turut dapat ditingkatkan dan seterusnya memberi daya tarikan kepada orang ramai untuk berurusan dengan Jabatan Pos.

KAPAL TERBANG JET EKSEKUTIF KERAJAAN— PENGUNAAN

56. **Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa pada bulan Januari yang lepas, beliau telah menggunakan kapal terbang jet eksekutif yang dibiayai oleh pembayar-pembayar cukai untuk satu lawatan persendirian (private visit) ke United Kingdom. Apakah tujuan sebenarnya bagi lawatan tersebut. Siapakah yang ditemui oleh beliau di sana.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak menggunakan kapal terbang jet eksekutif Kerajaan dalam lawatan beliau ke United Kingdom pada bulan Januari, 1987 lalu. Suka saya nasihatkan Ahli Yang Berhormat dari Kepong sebagai seorang ahli profesional yang terlatih dan selalunya menganggap dirinya sebagai seorang yang bertanggungjawab, supaya menyemak dan mengesahkan dahulu butir-butir maklumat yang beliau

perolehi sebelum mengemukakan soalan secara melulu seperti ini pada masa hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggunakan pesawat komersyel untuk bercuti rehat di United Kingdom dan Eropah.

(Soalan No. 57. Sila lihat Jawapan No. 54)

TUKUN TIRUAN—FAEDAH NELAYAN

58. **Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid** minta Menteri Pertanian menyatakan berapa banyak wang telah diperuntukkan bagi tujuan membina TUKUN TIRUAN, dari peruntukan itu berapa banyak telah dibelanjakan. Namakan tempat-tempat yang telah dibina dan berapa nelayan mendapat faedah daripadanya.

Tuan Luhut Wan: Di dalam RML, peruntukan sebanyak \$4 juta telah disediakan untuk projek pembangunan tukun tiruan dan daripada jumlah tersebut kira-kira \$283,000 telah dibetanjakan setakat ini. Ini adalah kerana pada tahun pertama di bawah RML, kerja-kerja tertumpu kepada pelancaran 39 tukun tiruan baru di samping melaksanakan pembinaan tukun bot dan tukun konkrit. Walau bagaimanapun pembelanjaan ini dijangka akan meningkat pada tahun 1987 dan tahun-tahun berikutnya apabila program pembesaran tapak tukun yang sedia ada dilaksanakan di samping kerja-kerja pengawasan (monitoring) tukun dalam menentukan keberkesanya di dalam melindungi dan memelihara sumber ikan. Pada tahun 1987. Jabatan Pehknan akan menerima peruntukan sebanyak \$800,000 dan \$1.6 juta lagi pada tahun 1988.

Sehingga kini terdapat 51 tiruan (tayar) yang melibatkan penggunaan kira-kira 85,000 biji tayar, 7 tukun bot

dengan melibatkan penggunaan 61 buah bot dan satu tukun konkrit di seluruh Semenanjung Malaysia. Nama lokasi tukun-tukun berkenaan adalah seperti berikut:

I. Nama Tapak Tukun Tayar Yang Dilancarkan—

Negeri	Nama Tapak
Kedah ..	Pulau Telor Pulau Payar Pulau Lembu Pulau Kaca Pulau Segantang
Pulau Pinang	Pulau Aman Pulau Kendi I Muka Head Pulau Kendi II
Perak ..	Pulau Katak Pulau Agas Pulau Ruhmbia
Selangor	Pulau Angsa
Melaka..	Pulau Besar
Johor ..	Pulau Pisang Pulau Lima Besar Pulau Simbang Pulau Rawa I Pulau Rawa II Pulau Hanmau I Tg. Resang Pulau Harimau II Pulau Sedili Kecil Tg. Penawar Tokong Belalang
Pahang..	Kuala Rompin Tg. Cherating Pulau Ulat Kuala Pahang I Kuala Pahang II Pulau Berhala I Pulau Berhala II Merchong Nenasi Pulau Sembilang Pulau Gut
Terengganu	Pulau Ekor Tebu Pulau Cepu Kerteh Pulau Kapas Merchang Bukit Rakit Dungun Putau Bidong Pulau Perhentian Besut

<i>Negeri</i>	<i>Nama Tapak</i>			
Kelantan	Tumpat Kuala Semerak Kuala Besar Kemasin Sabak			
II. Lokasi	Tapak	Tukun	Bot	Di
	Semenanjung	Malaysia		
<i>Negeri</i>	<i>Nama Tapak</i>			
Kedah..	Pulau Payar			
Perak ..	Manjung			
Selangor	Pulau Angsa			
Kelantan	Kuala Besar			
Tereng- ganu -.	Pulau Kapas I Pulau Kapas II Pulau Bidong			
III. Lokasi	Tapak	Tukun	Konkrit	Dj
	Semenanjung	Malaysia		
<i>Negeri</i>	<i>Nama Tapak</i>			
Kedah	Pulau Payar			

Objektif pembinaan tukun tiruan adalah untuk mewujudkan satu "sanctuary" bagi melindungi dan memelihara ikan dan anak-anak ikan. Kriteria utama pemilihan tapak tukun tiruan adalah kawasan-kawasan berhampiran pantai yang mengalami kemerosotan sumber melebihi 50%. Dengan itu sumber-sumber ikan di kawasan tukun tiruan dan di perairan di sekiranya akan meningkat dan ini dapat memberi faedah kepada nelayan-nelayan. Walau bagaimanapun, kekesanan tukun tiruan ini akan mengambil masa sebelum faedahnya dapat dinikmati. Jabatan sedang melaksanakan tugas-tugas pengawasan (monitoring) di kawasan tukun tiruan untuk mengetahui kemajuannya.

KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT—BAYARAN BALIK

59. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan bagaimanakah perkembangan terakhir untuk menyelamatkan 588,000 orang pendeposit dalam 24 buah Koperasi Penerima Deposit dengan memberikan

butir-butir lanjut tentang berapa banyak wang tersebut yang telah dipulangkan sehingga kini kepada pendeposit dan apakah untuk memastikan pembayaran balik baki deposit. Adakah Kerajaan menimbang untuk merampas harta-benda Pengarah-pengarah Koperasi Penerima Deposit yang didapati bersalah kerana pecah amanah dan melakukan penipuan sebagai membayar balik kepada pendeposit.

81. **Tuan Tan Kok Wai** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bahawa ekoran dari ramai pendeposit mengalami kerugian kewangan akibat 24 buah koperasi pengambilan deposit diletakkan di bawah tanggungan, adakah Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan undang-undang baru yang membolehkan rampasan harta benda pengarah-pengarah dan eksekutif koperasi di buat bagi mereka bersalah menyelewengkan wang koperasi.

Tuan Loke Yuen Yow: Saya mohon menjawab soalan ini bersama-sama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Besi (Soalan No. 81), kerana pertanyaan itu adalah sama maksudnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, 11 Koperasi Pengambilan Deposit pada prinsipnya telah bersetuju dengan institusi-institusi kewangan yang dilantik oleh Bank Negara untuk membuat peraturan mengenai pembayaran balik sepenuhnya deposit kepada pendeposit-pendeposit mereka dalam jangkamasa yang ditetapkan. Maktumat terperinci mengenai langkah penyelamat koperasi tersebut akan diumumkan sebaik sahaja dokumen perundangan mengenai langkah penyelamat tersebut ditandatangani. Bagi 13 Koperasi Pengambilan Deposit yang lain, perundingan dengan institusi-institusi

kewangan berkenaan masih lagi sedang berjalan.

<i>Nama Koperasi</i>	<i>Nama traimuti Kewangan</i>	<i>Jumlah (\$ Juta)</i>
KOJADI	Malaysian Prench Bank	1
KORAYAT	Developmem & Commerraal Bank	38.8
WARTAWAM	Asia Commercial Finance	5
KBB	Hong Leong Finance	5
SAKTHI J A Y A	Public Pinance	3
WANIJAYA	Magnum Finance	7
KEPP	Arab Malaysia Finance	3.5
PANTAI KEMBANG	Bolton Finance	1.3
KONTENA	Bank Buruh	20
KOIASA	Bank Utama	1.1
KOMAJU	Hock Hua Bank	1.8
KOMAJU/HOCK	HUI Bank	18
KOMUDA	Pubik Bank	9
KOSMO-POLITAN	Bank Bumiputra	12
ENE	Ban Hin Lee Bank	0.5
KGE	MBF Finance	5.1
KOSATU	UMBC	17
KSM	Public Bank	115
SEPADU	Malayan Banking	3.5
MIFC	Bank of Commercc	6.5
FORTISS	Pacific Bank	4.9
SAKAPP	Arab Malaysian Finance	4
	Jumlah	\$280.9

PENEROKA SECARA HARAM

60. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh FELCRA Sg. Malau, Selama mengenai lebih kurang 52 peneroka-peneroka yang lebih dahulu meneroka tanah itu secara haram di situ sebelum tanah yang sama diterokai oleh FELCRA sendiri.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Untuk makluman Yang Berhormat, Projek FELCRA Sg. Malau Selama, Perak adalah meliputi 194,33 hektar yang dibangunkan dalam tahun 1981 itu tidak terbabit atau bertindih dengan kawasan yang diterokai secara haram seperti yang didakwa.

Bagaimanapun, untuk penjelasan kepada Yang Berhormat bahawa kawasan yang diterokai oleh peneroka-peneroka secara haram itu memang ada di hadapan dan belakang Pejabat Projek FELCRA. Adalah difahamkan bahawa masalah mereka ini telah dirujuk kepada Pejabat Tanah Selama dan saya mendoakan masalah mereka ini akan dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya.

KUTIPAN HASIL NEGERI SABAH

61. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyak pendapatan yang telah dikutip dari Negeri Sabah dan dari negeri-negeri lain di Malaysia bagi tahun 1963 ke 1986 dan berapa banyak yang telah diperuntukkan ke Sabah dan lain-lain negeri di Malaysia semasa tahun-tahun tersebut.

Tuan Loke Yuen Yow: Berhubung dengan kutipan hasil, Kementerian Kewangan tidak mempunyai maklumat yang lengkap bagi tahun 1963 hingga 1974. Walau bagaimanapun bagi tahun 1975 hingga 1985 jumlah cukai yang dikutip bagi Negeri Sabah dan lain-lain negeri di Malaysia (termasuk Wilayah Persekutuan) adalah seperti berikut:

Hasil Yang Diperolehi Dan

Tahun	Sabah	Lain-lain negeri di Malaysia (termasuk Wilayah Persekutuan)
1975	218,192,566.95	4,898,823,136.82
1976	324,577,962.00	5,832,461,934.65
1977	369,547,698.13	7,390,027,419.22
1978	393,689,294.44	8,447,036,090.66
1979	467,382,804.94	10,037,796,300.40
1980	763,526,277.03	13,162,798,587.30
1981	863,066,256.00	14,642,494,075.00
1982	990,015,754.00	15,693,749,583.00
1983	1,101,380,000.00	17,506,812,750.00
1984	1,126,700,000.00	19,677,865,030.00
1985	1,046,080,000.00	20,068,515,893.00

Mengenai peruntukan (perbelanjaan kepada negeri Sabah dan lain-lain negeri bagi tempoh tersebut pula, adalah seperti berikut:

Tahun	Sabah (I juta)	Sarawak (Ijuu)	Semenanjung (Ijuta)
1964	6443	12525	1.867.06
1965	97.11	130.30	1.991.11
1966	106.45	133.38	2.124.17
1967	9825	142 11	2.28204
1968	11122	145.13	2.263.25
1969	131.71	15662	2.309 17
1970	13052	17298	2.643 56
1971	14816	18303	3.212.21
1972	21406	129.77	3.924.17
1973	207.72	J69.05	4,047-63
1974	281.41	350.56	5.612.83
1975	328.67	405.91	6.316 62
1976	342.11	424.93	7.439 16
1977	382.82	51235	9.719 93
1978	52647	70679	10.589 44
1979	57165	71906	13.030 89
1980	84918	97146	19.341.46
1981	90019	1,344.33	24.799 48
1982	1.39029	1.695.92	25,070.59
1983	1.08120	1.26941	25,693 69
1984	1,065.15	1.118.69	26,029.28
1985	1.06146	1.28676	24,859 91

Maklumat bagi tahun 1986 masih belum muktamad.

PERTUBUHAN BERDAFTAR— KAWALAN

62. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan akan mengawal atau mengambil tindakan ke atas badan-badan atau pertubuhan di negara ini supaya tidak berleluasa menjalankan kegiatan atau aktiviti yang bercanggah dengan peradaban masyarakat Islam di negara ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan sentiasa berwaspada dan sentiasa mengawal sebarang pertubuhan berdaftar di negara ini daripada bergiat dalam apa-apa juga aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan kehendak negara dan agama Islam.

Justeru itu, mana-mana pertubuhan yang berdaftar di negara ini, dalam apa cara kegiatannya adalah tertakluk kepada undang-undang tubuh atau perlembagaan pertubuhan itu sendiri serta tidak bercanggah dengan kehendak Akta Pertubuhan 1966.

Dalam hubungan ini, mana-mana pertubuhan berdaftar adalah dilarang dengan apa juga cara melanggar atau menampakkan sikap tidak mengindahkan kedudukan Agama Islam sebagai agama rasmi negara ini, serta agama-agama lain sebagaimana yang disebut dalam perlembagaan.

(Soalan No. 63. Sila lihat jawapan No. 29)

PKEN—PENGLIBATAN DALAM SEKTOR PEMBANGUNAN

64. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan jenis-jenis perniagaan dan sebab-sebabnya mengapa Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri masih lagi melibatkan diri di dalam beberapa perniagaan dan menjadi petanding yang aktif kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera yang menjalankan perniagaan yang serupa dan berupaya menjalankan perniagaannya dengan baik. Adakah Kementerian bercadang untuk menutup perniagaan serupa ini atau menyerahkan sahaja kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera yang lain dan kelau benar, bila.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Selaras dengan objektif pertubuhannya, penglibatan PKEN-PKEN dalam berbagai bidang sektor

pembangunan adalah sebagai pelopor, penggerak, pengasas, pemegang amanah serta bertindak menepati "Konsep Payung" kepada Bumiputera ke arah mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Oleh kerana itu, PKEN-PKEN telah dan akan terus menerokai pelbagai bidang ekonomi dan perniagaan di mana masih terdapat kurang penyertaan Bumiputera. Dalam hubungan ini, penyetaannya di dalam beberapa jenis perniagaan bukanlah bertujuan bersaing atau bertanding dengan individu atau syarikat Bumiputera. Peranannya adalah sebagai" penggenap dan bertindak selaku badan induk bagi melindungi kepentingan Bumiputera dari membiarkan syarikat-syarikat Bumiputera yang kecil menghadapi persaingan yang hebat dari syarikat-syarikat gergasi dan syarikat-syarikat yang sudah terkemuka atau "established".

Dalam melaksanakan peranannya bertindak sebagai memenuhi "Konsep Payung" syarikat-syarikat dan individu Bumiputera akan dilindungi dan mendapat faedah melalui penyertaan PKEN dalam berbagai projek pembangunan. Sebagai contoh, anak-anak syarikat PKEN yang terlibat di dalam bidang pembinaan tebih mengutamakan tungsi sebagai badan induk untuk bertanding dengan syarikat-syarikat besar yang mana penyertaan Bumiputera kurang dapat bertanding. Apabila sesuatu kontrak itu diperolehi, anak-anak syarikat PKEN tersebut akan membahagikan projek-projek berkenaan kepada syarikat Bumiputera. Usaha secara ini telah dapat menentukan penyertaan Bumiputera berterusan dalam sesuatu bidang yang diceburinya.

Penglibatan PKEN dalam beberapa bidang perniagaan itu adalah bersifat sementara oleh kerana apabila tiba masanya PKEN berkenaan akan menjual saham-saham syarikat anaknya kepada Bumiputera.

Syarikat-syarikat hanya ditutup jika ada alasan-alasan yang menasabah berbuat demikian dan kajian yang teliti perlu dibuat sebelum menutup perniagaan atau menyerahkannya kepada pengusaha-pengusaha Bumiputera.

SKIM SUBSIDI BAJA/ HARGA PADI

65. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Pertanian menyatakan mengikut laporan, Kerajaan membelanjakan \$101.6 juta untuk subsidi harga dan baja padi kepada petani-petani setiap tahun. Dalam keadaan di mana Kerajaan berkata rakyat jangan bergantung pada subsidi, wajarkah tangkai ini diteruskan.

Tuan Luhut Wan: Pada dasarnya pelaksanaan skim subsidi baja dan skim subsidi harga padi adalah untuk menggalakkan petani-petani terus menanam padi untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan beras negara. Matlamat semasa ialah supaya petani-petani kita dapat mengeluarkan beras untuk memenuhi sekurang-kurangnya 55-60% keperluan beras yang akan ditumpukan kepada kawasan jelapang padi sedia ada.

Secara khususnya skim subsidi baja padi adalah bertujuan untuk menggalakkan petani-petani menggunakan baja bagi meningkatkan pengeluaran padi mereka. Skim ini juga bertujuan untuk mengurangkan kos pengeluaran dan secara langsung dapat memberi pulangan lebih kepada pendapatan petani yang terlibat. Skim subsidi harga padi pula, ialah sebanyak \$10 pikul, adalah bertujuan untuk menjamin pulangan yang berpatutan kepada petani. Di samping dua komponen subsidi ini, yang memberi faedah secara langsung kepada petani, komponen ketiga, iaitu jaminan harga

minima, memberi faedah kepada pengguna dengan mengawal supaya harga beras berada pada paras yang mampu dibeli oleh semua lapisan rakyat.

Jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan di bawah skim subsidi baja padi di bawah kelolaan Kementerian Pertanian ialah sebanyak \$74.85 juta (1985), \$98.45 juta (1986) dan \$80.44 (peruntukan 1987). Jumlah peruntukan subsidi harga padi yang dikendalikan oleh Kementerian Perusahaan Awam bagi tempoh yang sama berjumlah sebanyak \$560 juta.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, padi bukanlah merupakan salah satu tanaman yang memberikan hasil lumayan, jika dibandingkan dengan pendapatan yang diperolehi daripada tanaman lain seperti getah dan kelapa sawit. Mengikut kajian, pendapatan penanam padi hanyalah \$57.00 sebulan berbanding dengan pendapatan pekebun kecil getah dan kelapa sawit masing-masing sebanyak \$129 dan \$126 sebulan. Tanpa bantuan sewajarnya daripada pihak Kerajaan kemungkinan besar petani-petani kita tidak akan mengusahakan tanaman padi. Walaupun kos pengeluaran negara lain seperti Thailand, kita tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada import beras dari luar negeri untuk memenuhi keperluan sendiri. Memandangkan bahawa beras adalah makanan utama rakyat Malaysia maka kepentingannya dari segi bekalan yang mencukupi dan harga yang berpatutan kepada pengeluar dan pengguna perlu diawasi dan dikawal tidak menjejaskan kedudukan sosio-ekonomi dan kepentingan keselamatan negara keseluruhannya.

Berdasarkan kepada pertimbangan-pertimbangan tersebut Kementerian berpendapat adalah wajar supaya pelaksanaan skim-skim baja dan subsidi harga padi diteruskan.

MESIN KOMPUTER ATAS PEMERIKSAAN KENDERAAN BERAT

66. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa banyakkah timbangan mesin komputer untuk memeriksa lebih muatan kenderaan berat untuk dipasang di dalam negeri Sabah dan bila dan di mana akan dipasang.

Dato' S. Samy Vellu: Kerajaan memang ada cadangan untuk memasang mesin-mesin timbang di Negeri Sabah.

Pada peringkat awal, hanya 2 yunit sahaja akan dipasangkan iaitu di jalan raya Sandakan—Lahad Datu dan di Jalan raya Tamparuli—Ranau. Kedua-dua unit mesin-mesin timbang ini dijangka akan dipasang pada akhir 87. Bilangan mesin-mesin timbang itu akan ditambah dari masa ke semasa mengikut keperluannya dan peruntukan yang mencukupi diperolehi.

TANAH PERTANIAN YANG TERBIAR

67. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapakah jumlah keluasan tanah pertanian yang terbiar di seluruh negara dan negeri manakah yang terbanyak (terluas); dan
- (b) daripada keluasan tersebut berapakah yang telah dirancang untuk diterokai, bila dijangkakan hasilnya keluar dan berapa peratus sumbangannya kepada bekalan makanan negara. Dan apakah rancangan Kerajaan bagi mengurangkan import bahan makanan yang dikatakan berjumlah \$8.2 billion setiap tahun.

Tuan Luhut Wan:

- (a) Mengikut bancian yang dijalankan oleh Pasukan Petugas Tanah Terbiar Kementerian Pertanian pada tahun 1980, jumlah tanah pertanian yang terbiar bagi Semenanjung Malaysia ialah lebih daripada 830 hektar. Daripada jumlah ini 82% adalah terdiri daripada tanah bukan sawah di bawah pengawasan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (K.KTKW). Pada awal tahun 1986, Kementerian Pertanian telah mengenalpasti dan mengemaskini maklumat kawasan tanah sawah terbiar dan mendapati seluas 125,255 hektar di seluruh Semenanjung yang terdiri daripada tanah sawah terbiar berpanjangan dan luar musim. Negeri yang mempunyai kawasan-kawasan tanah sawah terbiar yang paling luas ialah Negeri Kelantan seluas 36,012 hektar diikuti oleh Negeri Pahang seluas 22,026 hektar dan Terengganu seluas 19,494 hektar. Sementara itu, negeri yang paling sedikit keluasan tanah terbiar ialah Negeri Perlis iaitu seluas 1,580 hektar.
- (b) Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Pertanian bercadang untuk memulihkan lebih daripada 41,000 hektar tanah sawah terbiar menerusi projek yang dijalankan oleh pelbagai Jabatan/Agensi di bawah Kementerian ini dan sebanyak \$41.08 juta peruntukan telah diluluskan. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan telah dikurangkan akibat kemelesetan ekonomi yang sedang dihadapi dan diselaraskan dengan pindaan tersebut, jumlah keluasan yang boleh dipulihkan juga terpaksa

dikurangkan. Tanaman-tanaman yang digalakkan terdiri daripada tanaman kekal seperti kelapa sawit, koko dan buah-buahan, tanaman kontan dan padi. Melalui pelaksanaan projek-projek yang dirancang, sebahagian daripada tanaman-tanaman ini telah pun mengeluarkan hasil terutamanya tanaman-tanaman jangka pendek, yang telah pun mendatangkan faedah kepada pengusaha-pengusaha berkenaan.

Di bawah rancangan untuk menambahkan hasil pengeluaran bahan makanan, Kementerian Pertanian memberi keutamaan kepada usaha-usaha memulihkan sawah terbiar dengan tanaman-tanaman makanan terutamanya untuk mengganti import. Setakat ini sebanyak 14 jenis tanaman makanan telah dikenalpasti dan boleh diusahakan, berdasarkan kesesuaian agroiklim dan tanah dan penilaian ekonomi. Beberapa insentif dan galakan telah disediakan untuk menggiatkan pembangunan sektor pertanian dan mendapat sambutan daripada pihak swasta dan petani-petani. Pihak berkuasa Kerajaan Negeri telah diarah untuk mengenalpasti tanah yang sesuai yang boleh diusahakan oleh pihak yang berminat. Di samping itu LPP juga telah diarah untuk mengesan tuan-tuan tanah yang sanggup menyerahkan sawah mereka yang tidak diusahakan kepada petani-petani siswazah dan pihak swasta yang berminat untuk ditanam dengan tanaman-tanaman yang menguntungkan tanaman makanan bagi mengganti import.

PENDIDIKAN UNDANG-UNDANG DI SEKOLAH-SEKOLAH

68. Tuan Hashim bin Safin tntina Menteri Pelajaran menyatakan apakah Kementerian Pelajaran bercadang memperkenalkan asas-asas pendidikan undang-undang kepada sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab perguruan di Malaysia. Kalau ada bilakah cadangan ini akan dilaksanakan dan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil. Kalau tidak ada apakah masalahnya.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian Pelajaran memang ada memperkenalkan unsur-unsur pendidikan undang-undang di sekolah-sekolah secara bersepadu dalam mata pelajaran sivik, sejarah dan pendidikan kewarganegaraan.

Unsur-unsur pendidikan undang-undang akan juga diberi perhatian dalam rancangan yang baru bagi kurikulum sekolah menengah. Walau bagaimanapun Kementerian belum bercadang untuk memperkenalkan asas-asas pendidikan undang-undang dalam kurikulum pendidikan guru di maktab-maktab perguruan.

RTM—PERKHIDMATAN SIARAN

69. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada Jabatan Radio dan Televisyen Malaysia sedar penyiaran radio baru melalui gelombang FM untuk rangkaian Merah, Hijau dan Biru tidak dapat diterima dengan jelas dan puashati di beberapa Kawasan di Selayang, Sg. Buluh dan Petaling Jaya dalam Negeri Selangor, adakah gangguan sebegini didapati di lain-lain negeri juga. Apakah cadangan Kementerian dan RTM untuk memperbaiki perkhidmatan siaran ini.

Menteri Penerangan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj): Kawasan liputan Siaran FM Mono yang diperkenalkan baru-baru ini adalah lebih luas daripada liputan gelombang sederhana (radio) untuk Rangkaian Hijau, Merah dan Biru. Kualiti penerimaan bukan sahaja bermutu tinggi tetapi juga kurang menerima masalah-masalah gangguan.

Aduan-aduan mengenai penerimaan yang kurang jelas kebanyakannya adalah daripada kawasan yang mendapat penerimaan atau "reception" yang baik. Siasatan-siasatan telah dibuat dan keputusan berikut diperolehi:

- (i) Ramai di antara pengguna radio belum mahir atau biasa dengan cara menggunakan saluran FM. Walau bagaimanapun mereka bukan sahaja telah ditunjuk cara bagaimana mengguna saluran FM malahan juga diingatkan untuk menggunakan "aerial" bagi mendapatkan penerimaan yang baik.
- (ii) Terdapat beberapa lokasi di mana penerimaan FM adalah lemah atau kurang jelas kerana kawasan tersebut terlindung oleh bukit atau bangunan-bangunan tinggi. Dalam kes-kes tersebut, aerial-aerial luar atau external aerial adalah diperlukan untuk mendapat penerimaan yang baik.
- (iii) Terdapat beberapa kawasan di luar kawasan penerimaan (kawasan target). Jika seseorang boleh menerima siaran TV dengan menggunakan aerial TV yang tinggi, dia boleh juga menerima FM Mono yang baik jika aerial luar (atau external aerial) dipasang kepada aerial yang sama.

KAKITANGAN ESSO BERPINDAH KE TERENGGANU

70. Tuan Abdul Rahman bin Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bitakah tarikh sebenar kakitangan Esso Production Malaysia Incorporated (EPMI) yang berpusat di Kuala Lumpur akan dipindahkan ke Rancangan Pembangunan Baru dan Rantau PETRONAS di Kerteh, Terengganu;
- (b) dalam bentuk macam manakah ianya akan berpindah;
- (c) berapakah jumlah kakitangan yang terlibat dan apakah kategorinya; dan
- (d) kenapakah bangunan-bangunan, sekolah, pejabat dan rumah-rumah kediaman yang dibina untuk kakitangan Esso/PETRONAS oleh pihak Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (SEDC) sebanyak 392 unit Penelet di Bandar Baru Kerteh dan 81 unit di Lot 144 Kemaman yang kesemuanya berharga \$27,785,000.00 juta itu masih tidak didiami. Apakah masalah dan alasannya. Apakah ianya akan terus terbiar menjadi Gajah Putih (White Elephant) sahaja.

(c) Seramai 300 orang kakitangan EPMI terlibat dalam pemindahan tersebut. Kategori kakitangan adalah seperti berikut:

Expatriate	30 orang
Kakitangan pengurusan	170 orang
Setiausaha-setiausaha	11 orang
Kakitangan bukan pengurusan	89 orang
	300 orang

(d) Rumah-rumah penelex sebanyak 392 buah di Bandar Baru Kerteh dan 81 buah rumah di Lot 144 Kemaman yang dibina oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) adalah di atas inisiatif PMINT sendiri dengan tujuan untuk menjual kepada orang ramai. Bagi rumah-rumah di Lot 144 Kemaman, PETRONAS telah pun membeli 50 unit yang mana sudah pun didiami. Bagi rumah-rumah yang lain, pada masa ini PETRONAS/EMPI tidak bercadang untuk mendiami rumah-rumah tersebut kerana keperluan perumahan yang disediakan di Kompleks perumahan Rantau PETRONAS adalah mencukupi.

BAHASA IBUNDA— PENGAJARAN

Tuan Kasitah Gaddam:

- (a) Kakitangan Esso Production Malaysia Incorporated (EPMI) dijangka akan berpindah ke Kerteh, Terengganu di antara bulan Mei dan Jun 1987 apabila rundingan kadar sewa perumahan di antara PETRONAS dengan syarikat tersebut selesai.
- (b) EPMI akan memindahkan kakitangannya secara berperingkat-peringkat.

71. Tuan Bernard Giluk Dompok minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah dasar sebenar Kementerian beliau berhubung dengan pembelajaran Bahasa Ibunda (Pupil's Own Language) di sekolah-sekolah dan sama ada murid-murid di Sabah, misalnya boleh mempelajari Bahasa Kadazan, Bajau atau lain-lain.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Akta Pelajaran 1961 tidak menyebut tentang pengajaran "Bahasa Ibunda" (Pupil's

Own Language). Peruntukan dalam Akta tersebut ialah pengajaran Bahasa-bahasa Kebangsaan, Inggeris, Cina dan Tamil sahaja.

RANCANGAN MALAYSIA KELIMA—MENILAI SEMULA

72. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan manakah kawasan-kawasan di mana Kerajaan akan menilai semula Rancangan Malaysia Kelima dan apakah langkah-langkah diambil untuk memastikan Rancangan Malaysia Kelima ini akan berjaya dan berfaedah kepada semua rakyat tanpa mengira keturunan dan keagamaan.

Dr Siti Zahara binti Haji Sulaiman: Semenjak Rancangan Malaysia Kelima dilancarkan, beberapa perubahan besar telah berlaku terhadap ekonomi negara akibat dari perkembangan-perkembangan ekonomi antarabangsa. Perkembangan ini telah menjejaskan andaian mengenai punca-punca pertumbuhan yang telah dibuat bagi tempoh RML.

Pengeluaran dan pendapatan negara dalam tahun 1985 telah mencatatkan pertumbuhan yang negatif. Perkembangan ekonomi dalam tahun 1986 terus terjejas akibat dari kejatuhan harga barangan utama negara yang telah berlaku semenjak akhir tahun 1985.

Eksport negara telah banyak terjejas berikutan dari kejatuhan harga ini. Prestasi sektor swasta juga tidak menggalakkan. Pelaburan sektor ini telah mencatatkan pertumbuhan yang negatif. Sementara itu, perkembangan sektor awam pula telah terbataskan disebabkan dari kedudukan kewangan yang tidak menggalakkan. Memandangkan kepada perkembangan-perkembangan ini, Kerajaan pada masa ini sedang mengkaji semula matlamat-matlamat

pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk mengambilkira pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan.

Sungguhpun pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima sedang mengalami berbagai cabaran berikutan dari kemelesetan ekonomi dunia, usaha-usaha untuk memberi faedah pembangunan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan dan keagamaan akan terus dipergiatkan selaras dengan matlamat DEB.

Dari segi pembasmian kemiskinan, langkah-langkah yang lebih berkesan telah dirangka dan dilaksanakan untuk memastikan semua golongan miskin tanpa mengira kaum menikmati faedah dari rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan serta mencapai taraf hidup yang lebih tinggi. Di antara langkah-langkah tersebut termasuk projek perkebunan secara berkelompok yang bertujuan membantu petani-petani kecil di luar bandar meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan mereka melalui pengurusan kebun secara estet.

Langkah-langkah lain yang diambil adalah program-program yang sedia ada seperti pembangunan tanah baru, pembangunan pertanian secara bersepadu, tanam semula dan pemulihan, pembangunan tanah terbiar, penyediaan kemudahan parit dan taliair, Skim Pemilikan dan peningkatan Bot Nelayan serta penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti kemudahan pelajaran dan kesihatan yang lebih baik dan meluas, lebih banyak rumah-rumah kos rendah, bekalan air dan elektrik hampir ke semua kawasan dan jalan-jalan perhubungan yang lebih meluas.

Dari segi penyusunan semula gunatena yang bertujuan mengubah corak gunatena di semua sektor dan pada semua peringkat supaya menggambarkan komposisi kaum negara ini. Kerajaan sedang dan akan

terus mengambil langkah-langkah untuk menambah peluang-peluang pekerjaan bukan sahaja kepada kaum Bumiputera tetapi juga kepada kaum lain menerusi usaha-usaha menggalakkan perkembangan pelaburan dalam ekonomi negara. Di samping itu, peluang-peluang pelajaran dan latihan juga akan terus dipertingkatkan dari masa ke semasa mengikut kemampuan Kerajaan.

RISDA—PEMBELIAN PENGGELEK JALAN

73. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa RISDA telah membeli 100 unit penggelek jalan dan berikan sebab-sebab mengapa pembelian tersebut dibuat. Nyatakan juga sama ada pembelian itu adalah dijustifikasikan dalam konteks objektif-objektif RISDA dan sama ada sesuatu siasatan dijalankan terhadap pembelian tersebut. Kalau ada, sila umumkan keputusannya.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Adalah tidak benar bahawa RISDA telah membeli 100 buah Penggelek Jalan. RISDA telah membeli hanya 26 buah Roller (Penggelek Jalan) pada tahun 1980. Tujuan pembelian itu ialah untuk membangun dan menyelenggara jalan-jalan pertanian di 27 buah Ladang RISDA, dan 3 buah Ladang Getah & Tapak Semaian yang meliputi lebih kurang 111,000 ekar. Di samping itu RISDA juga terlibat dalam membangunkan 150 buah Mini Estet milik pekebun kecil di seluruh negara yang melibatkan lebih kurang 30,000 ekar.

Pembeliart tersebut dilakukan juga setelah mengambil kira bahawa kerja-kerja pembangunan dan penyenggaraan jalan pertanian di dalam kawasan projek Tanam Semula Berkelompok kepunyaan pekebun kecil di seluruh negara, adalah juga dikendalikan oleh RISDA.

Walau bagaimanapun, dalam tahun 1983 kerja-kerja pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan di kilang-kilang RISDA telah pun diserahkan kepada pihak Swasta, maka RISDA telah menjual jentera-jentera tersebut pada awal tahun 1984 kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pembeli-pembeli lain.

PERBINCANGAN PERDANA MENTERI MALAYSIA—INDIA

74. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan secara detail persetujuan-persetujuan yang telah dicapai oleh beliau semasa perbincangan dengan Perdana Menteri India dalam lawatannya ke negara itu baru-baru ini; dan sama ada beliau membincang tentang persengketaan di antara India dan Pakistan serta perang di antara orang-orang Tamil yang menuntut sebuah negara untuk rakyat Tamil, iaitu Tamileelam dan pihak berkuasa Sri Lanka, jika ya, apakah hasil perbincangan itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan Yang Berhormat Tuan P. Patto bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai pada hari ini dan juga soalan Yang Berhormat Dr V. David pada 11hb Mac 1987.

Lawatan ini dibuat pada asasnya untuk memperbaharui serta menjalin dengan lebih erat lagi pertalian persahabatan di antara saya dan pucuk pimpinan India serta mengukuhkan lagi kerjasama duahala di antara Malaysia dan India. Selain dari itu lawatan ini juga untuk meneroka peluang-peluang baru untuk meningkatkan lagi hubungan serta kerjasama ekonomi Malaysia—India termasuk pelaburan untuk faedah bersama. Pada pendapat saya lawatan ini telah berjaya mencapai objektif-objektif tersebut.

Semasa di India, saya telah dapat berbincang dan bertukar-tukar fikiran dengan pemimpin-pemimpin India yang dapat saya temui. Saya telah berbincang dengan Rajiv Gandhi isu-isu penting seperti Suruhanjaya Selatan di mana India telah bersetuju menyumbangkan US\$400,000 kepada Suruhanjaya tersebut. Begitu juga mengenai Kampuchea pada pendapat saya, melalui pertukaran pendapat seperti ini, pihak India lebih memahami pendirian ASEAN mengenai isu tersebut. Bahkan pihak India sendiri telah dapat menyelami hakikat iaitu telah timbul minat baru di pihak Vietnam sendiri untuk mencari pendekatan baru kepada masalah Kampuchea.

Dari segi ekonomi, pihak kita telah dapat menyakinkan kepada India bahwa masalah imbalan dagangan yang banyak menguntungkan Malaysia hanya akan dapat diatasi secara jangka panjang dan melalui pertambahan di dalam perdagangan duahala antara kedua negara. Seterusnya, disebabkan penghargaan yang tinggi yang diberikan kepada kita oleh India serta keperluan kepada permintaan minyak masak dan juga kepada mutu pengeluaran kita, negara tersebut bersetuju untuk meneruskan pembelian minyak kelapa sawit dari Malaysia. Kedua-dua pihak juga telah dapat berbincang dan mengenalpasti bidang-bidang baru yang boleh diterokai oleh kedua negara di bidang ekonomi dan perindustrian seperti kerjasama untuk mengeluarkan alat-alat ganti dan komponen kereta.

Semasa lawatan ini, tidak ada sebarang perjanjian ditandatangani.

Ahli-ahli rombongan ini terdiri dari Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke India, Ketua Setiausaha Sulit dan Setiausaha Pengerangan di Jabatan saya dan dua orang pegawai kanan Wisma Putra.

Tiap-tiap ahli rombongan ini mempunyai tugas tertentu iaitu untuk mewakili di dalam mesyuarat delegasi, mengambil rekod perbincangan, menerangkan dasar-dasar Kerajaan kepada ahli media massa dan perindustrian India.

Jumlah anggaran permulaan untuk tawatan ini ialah \$110,000. Walau bagaimanapun memandangkan semua ahli rombongan Malaysia telah diberi taraf tetamu Kerajaan oleh pihak India di mana penginapan, makan dan minum serta pengangkutan dalam negeri ditanggung oleh Kerajaan India, jumlah perbelanjaan yang terlibat jauh berkurangan dari jumlah di atas. Walau bagaimanapun angka sebenar pada masa ini belum dapat ditentukan lagi.

PELABUR RAKYAT MALAYSIA DI HONG KONG

75. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan ada membuat sebarang rancangan atau mengambil langkah-langkah untuk melindungi kepentingan penduduk-penduduk rakyat Malaysia dan pelabur-pelabur rakyat Malaysia di tanah jajahan British Hong Kong memandangkan tanah jajahan tersebut akan dipulangkan kepada Republik Rakyat China oleh British pada tahun 1977.

Dato' Rais Yatim: Kementerian saya sedang mengkaji dengan teliti terhadap implikasi-implikasi apabila Hong Kong dikembalikan pemerintahannya kepada Republik Rakyat China pada 1hb Julai, 1997. Keadaan di Hong Kong akan terus diawasi dengan teliti memandangkan terdapatnya lebihkurang 10,000 rakyat Malaysia dan pelaburan Malaysia yang agak besar di sana. Kita juga berpuas hati terhadap kemajuan yang dicapai oleh "Joint-Liaison Group" yang telah ditubuhkan di bawah Deklarasi Bersama Sino-British pada bulan Disember, 1984.

Sebarang perancangan yang dikemukakan atau langkah-langkah yang kita akan ambil adalah dengan mengambil kira pertimbangan untuk menjaga kepentingan Malaysia di Hong Kong. Kita juga berpuas hati dengan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kerajaan British dan Kerajaan Republik Rakyat China setakat ini di dalam menjamin kemakmuran dan kestabilan yang berterusan di Hong Kong.

KENYATAAN DATUK HASHIM SHAMSUDIN DI MAHKAMAH HONG KONG

76. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri memberi satu kenyataan berhubung dengan kenyataan yang diberi oleh Datuk Hashim Shamsudin melalui peguamnya, George Carman, dalam Mahkamah Agung Hong Kong dalam bulan Januari lalu bahawa beliau telah diarah oleh Pengerusi Bank Bumiputra waktu itu, Tan Sri Kamarul Ariffin, untuk memalsukan satu urusan pertukaran wang asing dengan Petronas untuk menunjukkan bahawa bank tersebut telah memperolehi keuntungan sebanyak \$5 juta dan bahawa Petronas telah rugi \$5 juta lagi yang sebenarnya bertujuan menjadi derma untuk sesuatu pihak yang tinggi yang tidak dinamakan; sama ada apa-apa penyiasatan dijalankan ke dalam tuduhan tersebut dan nyatakan hasil penyiasatan tersebut.

Dato' Oo Gin Sun: Pihak berkuasa Hong Kong telah menyatakan bahawa tidaklah wajar bagi pihak penyiasatan dari Malaysia menemu ramah (interview) atau menyoal siasat (interrogate) Datuk Hashim Shamsudin oleh kerana memandangkan bahawa beliau telah membuat rayuan kepada Mahkamah Rayuan. Dengan itu penyiasatan ke atas perkara ini tidak dapat dijalankan pada masa sekarang. Apabila rayuan

ke atas kes Datuk Hashim Shamsudin selesai dan sekiranya kesempatan diberi penyiasatan bolehlah dibuat.

CUKAIIMPORT ATAS ARANG KAYU BAKAU

77. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kenaikan cukai import yang tinggi ke atas arang baru-baru ini telah mengakibatkan ramai penjaja-penjaja menaikkan harga makanan yang dijual oleh kerana penjaja-penjaja menggunakan kuantiti yang besar arang-arang ini dalam penyediaan makanan mereka yang kelak dijual kepada orang ramai dan mereka yang menerima akibat ini adalah golongan orang-orang miskin dan sama ada beliau akan mengambil kira menurunkan cukai ke atas arang-arang ini ke paras yang sebelum ini, dan jika tidak, kenapa.

Tuan Loke Yuen Yow: Kementerian Kewangan sedar bahawa cukai import terhadap arang kayu bakau telah dikenakan semenjak 5-2-87. Tujuan pengenaan cukai import ini ialah untuk memberi perlindungan kepada 60 pengeluar-pengeluar arang kayu bakau tempatan. Industri ini, memberi pekerjaan kepada lebih kurang 6,000 orang. Oleh kerana bahawa pengimportan telah meningkat dan menjejaskan kedudukan 60 pengeluar tempatan ini, Kementerian Kewangan telah bersetuju supaya duti perlindungan dikenakan. Pengeluar-pengeluar tempatan pada ketika ini hanya beroperasi di paras 65% keupayaan dan dengan pembehan perlindungan ini mereka akan dapat meningkatkan tahap pengeluarannya, dan dengan itu kos mereka akan berkurangan. Di dalam keadaan kemelesetan ketika ini, Kerajaan terpaksa mengambil langkah supaya pemberhentian pekerja dapat dibendong.

Akibat daripada kenaikan cukai ini, kos se kg. arang kayu bakau yang diimport akan naik sehingga 6.6 sen se kg. sahaja. Sementara harta arang kayu bakau dari punca tempatan kekal di paras 33 sen se kg. Kenaikan kos sementara yang dihadapi oleh penjaja tidak dapatlah dielakkan. Walaupun begitu, perkara ini dapat diatasi selepas pengeluar-pengeluar tempatan meningkat pengeluarannya.

Kementerian Kewangan akan terus mengawasi perkara ini dan jika benar ada pihak yang mengambil kesempatan dalam menaikkan kos dalam hal ini, kajian semula akan dibuat.

ASEAN—KERJASAMA EKONOMI

78. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Luar Negeri menyatakan iaitu setelah wujudnya ASEAN, apakah projek-projek bersama yang telah dijalankan ataupun telah berjaya dari segi ekonomi.

Dato' Rais Yatim: Penubuhan ASEAN pada tahun 1967 antara lain ialah untuk mewujudkan satu kerjasama ekonomi yang dinamik di kalangan ahli-ahlinya sebagai salah satu usaha untuk pembangunan dan kemajuan negara-negara ASEAN. Rangka Kerjasama Ekonomi yang telah dibentuk merangkumi berbagai-bagai bidang penting yang dianggap dapat menjadi daya penggerak untuk mempengaruhi pertumbuhan ekonomi negara-negara ASEAN. Bidang-bidang yang dimaksudkan ialah:

- (a) perdagangan;
- (b) kewangan dan urusan bank;
- (c) perindustrian;
- (d) pengangkutan dan perhubungan;
- (e) makanan dan pertanian;
- (f) perhutanan;

- (g) pelancungan; dan
- (h) komoditi.

Di bidang perindustrian, ASEAN telah mengujudkan tiga aspek kerjasama iaitu Projek Industri ASEAN (AIP), Projek Industri Complementary (AIC) dan Industri Usahasama ASEAN.

Bagi Projek Industri ASEAN, dua projek besar iaitu Industri Baja Aceh di Indonesia dan Industri Baja Bintulu di Sarawak, Malaysia yang dilancarkan pada tahun 1985, telah pun berjaya mengeluarkan baja untuk pasaran di dalam serta di luar ASEAN. Dalam bulan Oktober, 1985 misalnya, Industri Baja Bintulu telah mengeksport baja ammonia sebanyak 3,679 tan metric ke Filipina dan 15,748 tan metric ke India.

Projek Industri Complementation pula telah diperkenalkan pada tahun 1983. Sehingga kini hanya satu projek sahaja yang dapat dilaksanakan bagi mengeluarkan bahagian-bahagian kenderaan berjinjir ataupun "automotive components". Bagi tahun 1985, jumlah penjualan barangan-barangan tersebut bernilai lebih daripada US\$1 juta.

Projek-projek Usahasama ASEAN dilaksanakan oleh pihak swasta negara-negara ASEAN. Daripada empat projek yang telah dikenalpasti hanya satu projek telah dilaksanakan iaitu "mechanical and power back and pinion steerings" yang dikendatikan oleh negara-negara Malaysia dan Filipina. Projek ini sudah pun menghasilkan pengeluaran semenjak bulan September 1985.

Setain dari bidang-bidang yang telah disebutkan, ASEAN juga telah menjalinkan satu rangka kerjasama dengan rakan-rakan dialog iaitu, Persatuan Ekonomi Eropah, Amerika Syarikat, Canada, Jepun, Australia, New Zealand dan United Nations Development Programme (NDP).

Kerjasama ASEAN dengan rakan-rakan dialog ini adalah berkisar di atas isu-isu menggalakkan usahasama dalam memperkembangkan peluang pemasaran barangan ASEAN di pasaran luar dan bekerjasama mencapai kata sepakat dalam menghadapi masalah barangan utama dan lain-lain masalah ekonomi sedunia di persidangan-persidangan pehngkat antarabangsa dengan tujuan untuk menyumbang penubuhan "New International Economic Order". Hubungan ASEAN dengan negara-negara dialog ini juga bertujuan untuk menarik lebih banyak pelaburan dari negara-negara tersebut terutamanya dalam industri memproses bahan-bahan mentah ASEAN untuk pasaran dunia.

ASEAN juga telah menggunakan hubungan dengan negara-negara dialog ini sebagai saluran untuk mendapatkan bantuan dari segi kewangan dan pakar untuk melaksanakan projek-projek ASEAN, terutama dalam mempertingkatkan kemahiran sumber tenaga manusia (HRD). Dalam konteks ini, Malaysia dengan secara langsung telah terlibat untuk menjadi tuan rumah kepada beberapa projek usahasama ASEAN yang dibiayai oleh negara-negara dialog. Projek-projek ini adalah:

- (a) "Centre for Instructors and Advanced Skills Training". Pusat latihan ini dibiayai oleh Jepun sebanyak \$50 juta.
- (b) ASEAN Poultry Disease Research and Training Centre yang juga dibiayai oleh Jepun sebanyak \$15 juta.
- (c) ASEAN Institute of Forest Management yang dibiayai oleh Canada sebanyak \$14 juta.
- (d) ASEAN Food Handling Bureau dibiayai oleh Australia sebanyak \$16 juta.

- (e) ASEAN Timber Technology dibiayai oleh Kesatuan Ekonomi Eropah sebanyak 7.5 juta ECU.
- (f) ASEAN Plant Quarantine Centre and Training Insitute dibiayai oleh Amerika Syahkat sebanyak US\$5.4 juta.

Adalah jelas bahawa ASEAN sentiasa menumpukan perhatian terhadap kerjasama ekonomi yang dapat memberi kesan positif terhadap pembangunan, kemajuan serta meningkatkan lagi taraf serta kesejahteraan hidup rakyat negara-negara ahli. Namun demikian ruang untuk meningkatkan kerjasama ini ke tahap yang lebih kukuh akan terus diusahakan.

LEMBAGA PELABUHAN KELANG—TAKLIMAT KEPADA PEMBANGKANG

79. Tuan Lim Guan Eng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Lembaga Pelabuhan Kelang, semua Jabatan-jabatan dan agensi Kerajaan telah diarahkan agar lawatan-lawatan oleh parti Pembangkang tidak dibenarkan atau hanya dibenarkan bila kelulusan telah diperolehi berdasarkan kheria atau buruk baiknya permohonan; apakah kriteria itu dan buruk baiknya yang dipertimbangkan;
- (b) rationale arahan itu; dan
- (c) matlamat yang ingin dicapai.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad):

- (a) Kerajaan tidak membenarkan Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan melayan permohonan daripada pihak-pihak Pembangkang untuk mendapatkan taklimat.

Lazimnya taklimat-taklimat ini adalah diberi kepada anggota Kerajaan (Jemaah Menteri) untuk membolehkan mereka mengesan pelaksanaan dasar-dasar.

- (b) Taklimat-taklimat ini adalah dikhaskan kepada anggota-anggota Kerajaan yang bertanggungjawab di atas pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan.
- (c) Dengan cara yang demikian dapatlah Kerajaan mengesan kelemahan-kelemahan di atas pelaksanaan satu-satu dasarnya serta memperbaiki kelemahan-kelemahan Kerajaan yang dapat dikesan.

Kerajaan adalah bertanggungjawab sepenuhnya di atas pelaksanaan dasar-dasarnya.

UMUR PERSARAAN PEKERJA-PEKERJA

80. Tuan S. S. Subramaniam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menaikkan usia perkhidmatan pekerja-pekerja (retirement age) daripada 55 tahun ke 60 tahun, khasnya dalam bidang teknikal di negara kita, memandangkan kekurangan tenaga profesional dan mahir dalam industri-industri di negara kita. Dengan kenaikan taraf hidup dan kesihatan dalam masyarakat kita, akan meningkatkan mutu perkhidmatan kepada masyarakat dan negara kita.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Buat masa sekarang Kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan umur persaraan kakitangan perkhidmatan awam daripada 55 tahun kepada 60 tahun sama ada pegawai itu pegawai teknikal ataupun profesional. Mengikut Akta Pencen yang dipakai bagi kakitangan perkhidmatan awam, seseorang itu adalah dikehendaki

bersara apabila genap umur 55 tahun. Sekiranya tenaga pegawai-pegawai profesional atau teknikal itu masih diperlukan ianya boleh dilantik secara kontrak atau secara sementara selepas daripada tarikh persaraan.

(Soalan No. 82. Sila lihat jawapan No. 59)

PARTI KOMUNIS MALAYA— PENGAMPUNAN

82. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menerima syor dari Kerajaan Thailand untuk memberi pengampunan kepada ahli-ahli Parti Komunis Malaya supaya dapat menyelesaikan ancaman dan masalah yang ditimbulkan oleh pihak Komunis.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat dari Bukit Bendera bersama dengan soalan Yang Berhormat dari Kota Setar pada 16-3-87 kerana soalannya hampir sama.

Dasar Kerajaan Malaysia dalam menghadapi ancaman Parti Komunis Malaya, sebagaimana diketahui oleh orang ramai bukanlah terhad hanya kepada tindakan-tindakan ketenteraan tetapi termasuk juga langkah-langkah untuk menggalakkan anasir-anasir komunis untuk kembali ke pangkuan masyarakat. Sejak darurat, Kerajaan telah menjalankan berbagai usaha untuk menarik anggota-anggota Parti Komunis supaya meninggalkan kegiatan mereka. Sejak tahun 1961, seramai 773 anggota komunis telah meninggalkan kumpulan komunis mereka.

Syor Kerajaan Thailand yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat bukanlah satu perkara baru bagi kita.

Sebaliknya, sepertimana yang dinyatakan oleh seorang General dari Angkatan Tentera Thailand yang melawat Malaysia baru-baru ini, tawaran pengampunan yang dibuat oleh Kerajaan Thailand kepada anggota Parti Komunis Thailand adalah diilhamkan oleh operasi Sri Aman di mana sebahagian besar daripada anggota komunis di Sarawak telah kembali ke pangkuan masyarakat dalam tahun-tahun 70an.

Jika ada hasrat dari mana-mana kumpulan penganas komunis yang hendak meninggalkan kegiatan mereka, Kerajaan bersedia mempertimbangkannya.

KEMALANGAN KERETAPI DI SENGKANG, JOHOR—GANTI RUGI

83. Tuan R. Karpal Singh minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab Kerajaan tidak sedia untuk membayar ganti rugi kepada keluarga-keluarga mangsa-mangsa yang terbunuh dan tercedera dalam kejadian kemalangan keretapi di Sengkang dekat Kulai pada 11 Februari, 1987.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Kemalangan Keretapi di Sengkang, Kulai, Johor pada 11 Februari, 1987 akibat kegelinciran telah mengorbankan 4 orang penumpang dan mencederakan 32 penumpang yang lain. Saya telah pun menubuhkan satu badan penyiasat awam yang diketahui oleh Yang Berbahagia Tan Sri Chan Min Tat bekas Hakim Mahkamah Persekutuan untuk menentukan punca-punca kemalangan.

Dari segi undang-undang, Kerajaan tidak dikehendaki membayar gantirugi melainkan kemalangan ini berlaku semata-mata disebabkan oleh kecuaihan pihak KTM. Sehingga

siasatan ini selesai, soal sama ada bayaran gantirugi akan dibuat atau tidak belum dapat dipastikan lagi.

Jika sekiranya badan penyiasat ini mendapati bahawa pihak KTM telah cuai sehingga berlakunya kemalangan ini, Kerajaan bersedia memenuhi tuntutan gantirugi yang akan dibuat oleh waris penumpang-penumpang yang terkorban atau penumpang-penumpang yang mengalami kecederaan dalam kemalangan ini.

Walau bagaimanapun, buat masa ini pihak KTM telah berusaha sedaya upaya untuk membantu kaum keluarga mangsa-mangsa yang terkorban dan juga mereka yang tercedera semasa berlakunya kemalangan itu tanpa prejudis ke atas hasil siasatan yang akan dibuat kelak.

PELABURAN SWASTA TEMPATAN

84. Toh Muda Dr Abdullah Fadil bin Che Wan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan mengapakah Pelaburan Swasta Tempatan menurun pada 1985 (\$9,165 juta dan 1986 \$7,969 juta) walhal sebelumnya itu ia meningkat daripada \$8,361 juta pada 1980 hingga kepada \$11,477.6 juta pada tahun 1984.

Dato Kok Wee Kiat: Berkaitan dengan maklumat yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat, Pelaburan Swasta Tempatan dari segi cadangan modal dibayar dalam projek-projek pekilangan yang diluluskan disebaliknya telah meningkat dalam tahun 1985 dan tahun 1986 jika dibandingkan dengan tahun-tahun yang / sebelumnya. Cadangan modal dibayar dalam projek-projek pekilangan yang diluluskan berjumlah \$938.0 juta dalam tahun 1984. Angka ini telah meningkat kepada \$1,498.8 juta dalam tahun 1985, iaitu kenaikan sebanyak \$560.8 juta atau 59.8% dibandingkan dengan tahun 1984. Nilai jumlah cadangan modal dibayar dalam

projek-projek pekilangan yang diluluskan dalam tahun 1986 adalah \$1,354.3 juta. Berbanding dengan tahun 1985, angka ini telah merosot sebanyak \$144.5 juta atau 9.6%. Kemosrotan ini adalah kerana kemelesetan ekonomi.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kadar Pelaburan Swasta Tempatan dalam sektor pekilangan dari segi cadangan modal dibayar dalam projek-projek pekilangan yang diluluskan adalah tertinggi dalam tahun 1985 dan 1986 jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya, iaitu semenjak 1980. Nilai cadangan modal dibayar yang tinggi dalam tahun 1985 dan 1986 adalah disebabkan oleh kelulusan bilangan projek-projek pekilangan besar yang melibatkan jumlah cadangan modal dibayar tempatan sekurang-kurangnya \$50 juta setiap satu projek.

PERBINCANGAN PERDANA MENTERI—PRESIDEN INDONESIA

85. Tuan Chiang Heng Kai minta Menteri Luar Negeri menyatakan butir-butir lanjut mengenai perbincangan antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Indonesia pada 5-2-1987 di Johor Bahru.

Dato' Rais Yatim: Saya ingin menjawab soalan ini serentak dengan soalan serupa yang akan dibangkit oleh Yang Berhormat Dr Chen Man Hin pada 11hb dan oleh Yang Berhormat Dato Mohamad Rahmat pada 12hb Mac.

Lawatan singkat kerja Presiden Suharto ke Malaysia pada 5hb Februari dan perbincangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan beliau adalah dalam konteks perbincangan lanjutan yang sering

diadakan bertujuan untuk bertukar pendapat dan tikiran mengenai berbagai masalah kepentingan bersama dua hala, serantau, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bertukar-tukar dengan Presiden Suharto mengenai perkembangan di kedua-dua negara, di samping usaha-usaha bersama untuk meningkatkan hubungan serta meluaskan kerjasama ekonomi. Dalam hal ini kedua-dua negara bersetuju untuk mencari jalan ke arah meningkatkan perdagangan dua hala serta kerjasama ekonomi yang lebih meluas.

Mengenai masalah pendatang haram persefahaman telah dicapai untuk mengatasi masalah ini melalui usaha-usaha mengukuhkan peraturan-peraturan yang sedia ada untuk membolehkan kita mengawal kemasukan pekerja-pekerja Indonesia. Indonesia memahami masalah yang kita hadapi dan bersedia bekerjasama mengatasinya. Indonesia juga bersetuju bahawa pekerja-pekerja Indonesia di Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

Mengenai ASEAN, khususnya mengenai Persidangan Kemuncak. Ketiga yang akan diadakan pada bulan Disember 1987, Malaysia dan Indonesia bersetuju akan perlunya pertubuhan ini meluaskan skop kerjasama ekonomi bagi menjamin kemakmuran negara masing-masing di samping untuk mengukuhkan keutuhan rantau ini. ASEAN perlu menunjukkan sikap bersatu padu bagi membolehkan pertubuhan ini maju dan berjaya dalam kegiatan ekonomi.

Mengenai isu-isu di rantau ini, perbincangan tertumpu kepada perkembangan di Kampuchea dan Vietnam terutamanya pertukaran pucuk pimpinan Vietnam serta usaha-usaha yang diambil oleh ASEAN dan lain-lain negara dalam mencari satu penyelesaian politik pada masalah Kampuchea.

Pada keseluruhannya perbincangan di antara Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Suharto adalah begitu berkesan dalam konteks usaha ke arah memupuk persefahaman kedua-dua negara bagi meningkatkan perhubungan serta meluaskan kerjasama dua hala dan seraritau.

MAMINCO—PINJAMAN BANK

86. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan mengapakah betiau memberi mandat EMP meluluskan suatu pinjaman sebanyak US\$400 juta kepada suatu Syarikat kosong (Shell Company) bernama Maminco yang tidak mempunyai harta benda, sama ada kelulusan tersebut telah mengingkari Akta Bank dan bagaimana dan di manakah peruntukan ini disalurkan ke Maminco.

Tuan Loke Yuen Yow: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian daripada pertanyaan telah pun dijawab ketika saya membuat jawapan kepada pertanyaan Ahii Yang Berhormat daripada Tanjong pada hari ini juga. Oleh itu saya tidak bercadang mengulangi jawapannya.

Saya ingin juga menjelaskan bahawa pinjaman yang diperolehi oleh Maminco daripada Bank Bumiputra adalah diluluskan oleh lembaga pengarahnya sendiri. Saya percaya lembaga pengarah bank tersebut telah menimbang dengan mendalam dan mengambilkira semua aspek yang berkaitan sebelum meluluskan pinjaman yang berkenaan kepada Maminco.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN)—MENARIK BALIK

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun

mengikuti Peraturan Mesyuarat 62 dan meminta Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) [DR. 31/86] ditarik balik. Sebab-sebab Rang Undang-undang itu ditarik balik ialah kerana untuk dibuat sedikit pengubahsuaian terhadap Rang Undang-undang tersebut.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

KESULITAN PEKEBUN- PEKEBUN SAYUR DI CAMERON HIGHLANDS

3.31 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di bawah Peraturan Majlis Mesyuarat 18 (1) untuk mengemukakan satu usul, seperti berikut:

Bahawa Dewan ini mengizinkan Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Lim Kit Siang, untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat bagi tujuan merunding satu perkara tertentu, kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu menubuhkan satu Tabung Wang Penyelamat Kerajaan sebanyak \$6 juta untuk memberi pinjaman dengan kadar faedah 4%, (Dengan izin, soft loan), sebagai langkah untuk menyelesaikan kesulitan yang dialami pekebun-pekebun sayur di Cameron Highlands selama dua minggu ini akibat ketakutan yang timbul disebabkan oleh penggunaan racun kulat dan makhluk perosak dan tabung wang tersebut hendaklah ditubuhkan atas sebab-sebab berikut:

1. Ketakutan yang diperlihatkan oleh para pengguna kini di seluruh negara terhadap sayur-sayuran daripada Cameron Highlands kerana

mengandung kadar racun kulat dan perosak makhluk yang berlebihan adalah disebabkan pada keseluruhannya oleh kegagalan Kementerian Pertanian dan khasnya Timbalan Menteri Pertanian Yang Berhormat Alex Lee untuk menjaga kepentingan pekebun-pekebun sayur kerana:

- (i) Kementerian Pertanian tidak mengambil berat akan pertanda dari Kerajaan Singapura tahun lalu mengenai kadar racun kulat yang berlebihan dalam beberapa sayur-sayuran tertentu daripada Cameron Highlands untuk memimpin dan membantu pekebun-pekebun sayur-sayuran di Cameron Highlands terutama sekali memandangkan bahawa tanaman sayur-sayuran di Cameron Highlands adalah satu industri yang melibatkan \$100 juta setiap tahun dan turut melibatkan lebih 1,000 keluarga pekebun-pekebun sayur dan juga memandangkan betapa pentingnya industri tersebut dari segi memperolehi pertukaran wang asing daripada pengeksportannya ke pasaran Singapura.
- (ii) Kegagalan Kerajaan untuk menubuhkan sebuah makmal ujian di Cameron Highlands untuk menasihati dan membantu pekebun-pekebun sayur di satu kawasan tanaman sayur-sayuran yang paling

penting di negara ini, merupakan satu contoh akan sikap acuh tak acuh dan tidak bertanggungjawab Kementerian Pertanian yang membiarkan pekebun-pekebun sayur hidup atau mati mengikut diri masing-masing.

- (iii) Kegagalan Timbalan Menteri Pertanian iaitu Yang Berhormat dari Batu untuk melawat dan menemui pekebun-pekebun sayur di Cameron Highlands untuk memahami masalah-masalah mereka dalam tempoh dua minggu ini walaupun beliau telah mengumumkan bahawa orang ramai tidak harus memakan sayur-sayuran tertentu dari Cameron Highlands yang mencetuskan rasa cemas di kalangan para pengguna yang menyebabkan mereka menjauhkan diri sama sekali daripada memakan sayur-sayuran sebagai satu langkah selamat dan ini telah menyebabkan kerugian besar kepada semua penanam, penjual dan pengusaha sayur-sayuran. Ini menimbulkan persoalan mengenai kemampuan Yang Berhormat dari Batu menjadi Timbalan Menteri Pertanian.

Kedua, salah pengurusan seluruh isu kadar racun kulat dan makhluk perosak yang berlebihan dalam sayur-sayuran yang dikeluarkan daripada Cameron Highlands telah mengakibatkan kerugian kewangan besar kepada penanam-penanam

sayur Cameron Highlands kerana rasa cemas dan takut orang ramai adalah begitu berleluasa dan keyakinan orang ramai tidak dapat dipulihkan dengan begitu mudah sungguhpun sayur-sayuran yang ditanam di Cameron Highlands lulus ujian racun kulat dan makhluk perosak seperti diperlihatkan oleh penutupan pasar-pasar menjual sayur-sayuran di Kuala Lumpur dan Ipoh selama tujuh hari. Malah orang ramai suri-suri rumahtangga telah berhenti daripada membeti segala macam sayur-sayuran daripada Cameron Highlands ataupun daripada lain-lain tempat;

Ketiga, adalah dianggarkan bahawa setiap penanam sayur di Cameron Highlands akan rugi pada purata sebanyak \$5,000 yang kesemuanya berjumlah \$6 juta akibat kehilangan keyakinan orang ramai dalam hasil pertanian mereka yang pula akan mencipta masalah-masalah yang lebih teruk kepada mereka dalam mendapati modal untuk menanam sayur-sayuran yang baru;

Keempat, maka dengan sebab-sebab ini Kerajaan mempunyai tugas dan tanggungjawab sebagai mengatasi kegagalan-kegagalan untuk melindungi kepentingan penanam-penanam sayur di Cameron Highlands dengan menubuhkan satu tabung wang penyelamat sebanyak \$6 juta untuk memberi pinjaman-pinjaman dengan kadar 4% untuk memulihkan penanam-penanam sayur mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh mereka sekarang. Sekian, terima kasih.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 oleh Ahli Yang Berhormat dari kawasan Tanjong. Usul yang berkenaan adalah seperti yang telah dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong

sebenar tadi. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 18 (2), Tuan Yang di-Pertua hendaklah menolak permintaan itu kecuali jika ia puas hati iaitu perkara itu adalah perkara tertentu berkehendakkan disegerakan dan berkenaan dengan kepentingan orang ramai. Saya telah meneliti usul yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjong itu dan saya dapati bahawa perbincangan atas perkara ini tidaklah berkehendakkan disegerakan sehingga memerlukan persidangan hari ini ditangguhkan kerana Kerajaan telah pun mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini. Tindakan yang dikehendaki sedang diambil oleh Kerajaan yang melibatkan Kementerian Pertanian, Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Segala ujian sedang dibuat supaya sayur-sayuran itu tidak lagi merbahaya. Dan sekarang ini saya difahamkan keadaan adalah di dalam kawalan. Saya juga difahamkan Kerajaan sedang mengkaji untuk membina satu makmal ujian sayur-sayuran di Cameron Highlands. Juga saya difahamkan Bank Pertanian telah memberi satu pinjaman khas kepada peladang-peladang dengan faedah sebanyak 4%. Oleh kerana itu, saya menolak usul Ahli Yang Berhormat itu. (*Tepuk*)

RANG UNDANG- UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang

Berhormat Timbalan Menteri Buruh; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
MAHKAMAH RENDAH
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN
TAMBAHAN (1986)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1986 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG
UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG
MAHKAMAH KEHAKIMAN
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.45ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun); Saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang untuk meminda

Akta Mahkamah Kehakiman 1964, dibaca kali yang kedua sekarang. Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman seperti berikut:

- (a) bidangkuasa yang diperuntukkan dan boleh dijalankan oleh Mahkamah Tinggi di dalam kes-kes laut, atau dengan izin, admiralty;
- (b) menjelaskan quantum nilai hal perkara untuk membuat rayuan daripada Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Agung tanpa apa-apa kebenaran; dan
- (c) menaikkan amaun yang menjadi pertikaian atau nilai hal perkara yang dibenarkan untuk membuat rayuan daripada mana-mana Mahkamah Rendah kepada Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengemukakan secara ringkasnya kepada Dewan yang mulia ini latarbelakang dan asas-asas pindaan yang dikemukakan di dalam pindaan ini. Pada masa sekarang beberapa kekeliruan terdapat di dalam seksyen 24 (b) dan seksyen 68 (1) (a) Akta Mahkamah Kehakiman 1964. Kekeliruan yang terdapat di dalam seksyen 24 (b) ialah berkenaan dengan bidangkuasa Mahkamah Tinggi di dalam kes-kes admiralty. Di dalam konteks peruntukan seksyen 24 (b) yang ada sekarang, seorang boleh mendakwa bahawa Mahkamah Tinggi di Malaysia hanya boleh mengambil tindakan-tindakan ke atas kes-kes ini di mana Mahkamah Tinggi di United Kingdom, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, boleh mengambil tindakan seperti penahanan dan penangkapan ke atas kapal yang berada di dalam perairan United Kingdom. Kekeliruan ini terjadi apabila United Kingdom Administration of Justice Act 1956, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, telah dimansuhkan dan diganti dengan United Kingdom Supreme Court Act 1981.

Peruntukan seksyen 24 (b) ini terpaksa dipinda apabila kemansuhan Akta United Kingdom tersebut kerana ianya bergantung kepada Akta tersebut dan apabila pindaan dibuat, kekeliruan ini telah terjadi.

Tujuan sebenar seksyen 24 (b) ialah Mahkamah Tinggi Malaysia boleh menahan dan menangkap kapal-kapal yang berada di dalam perairan Malaysia sebagaimana Mahkamah Tinggi di United Kingdom boleh menahan dan menangkap kapal-kapal yang berada di dalam perairan United Kingdom. Dengan itu seksyen 24 (b) perlulah dipinda sebagaimana yang terdapat di dalam Rang Undang-undang yang dicadangkan. Kekeliruan yang terdapat di dalam Akta Mahkamah Kehakiman ialah di atas tafsiran seksyen 68 (1) (a) dengan apakah yang dimaksudkan dengan nilai hal perkara sebanyak \$100,000 di mana seorang itu boleh membuat rayuan daripada Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Agung tanpa apa-apa kebenaran. Ada mahkamah yang mentafsirkan bahawa nilai sebanyak \$100,000 itu termasuk faedah yang telah diberikan oleh Mahkamah dan ada pula yang mentafsirkan sebaliknya.

Untuk mengatasi kekeliruan dan keraguan yang timbul Seksyen 68 (1) (a) perlulah dipinda dengan membuat peruntukan bahawa nilai sebanyak \$100,000 itu tidak termasuk faedah atau dengan izin, interest yang telah diberikan oleh mahkamah. Seksyen 28 (1) membuat peruntukan menghadkan nilai tuntutan sivil di mana sesuatu rayuan itu boleh dibuat daripada Mahkamah Rendah kepada Mahkamah Tinggi. Had yang sedia ada ialah sebanyak \$5,000. Oleh kerana dicadangkan supaya bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Rendah dinaikkan maka perlulah hak nilai tuntutan di mana sesuatu rayuan itu boleh dibuat dari Mahkamah-mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi dinaikkan.

Adalah dicadangkan supaya hak sebanyak \$5,000 itu dinaikkan kepada \$10,000.00 dengan itu, adalah mustahak bagi Akta Kehakiman dipinda:

- (a) Untuk menjelaskan peruntukan 24 (b) dan 68 (1) (a) agar kekeliruan tidak akan timbul lagi di dalam perkara-perkara ini, dan
- (b) Hak nilai tuntutan sivil di mana rayuan boleh dibuat daripada Mahkamah Rendah kepada Mahkamah Tinggi.

Butir-butir mengenai peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati di dalam huraian kepada Rang Undang-undang.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah suatu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminta Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Yang Berhormat dari Jelutong.

3.52 *ptg.*

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Terima kasih, Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) yang ada dibentangkan oleh Timbalan Menteri tadi.

Tuan Speaker, apa yang mustahak dalam Rang Undang-undang ini ada dalam Fasal 4. Fasal 4 berbunyi, Tuan Speaker, subseksyen (1) seksyen 1, Seksyen 68 Akta ibu adalah dipinda

dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan (a) baru yang berikut:

"(a) When the amount or value of the subject matter of the claim exclusive of interest is less than one hundred thousand ringgit, except with the leave of the Supreme Court or a Judge of the High Court;"

Tuan Speaker, ini bermakna sekarang peringkat yang kami ada dalam kehakiman dalam perkara ini ada dua peringkat juga, Tuan Speaker, tidak ada peringkat 3 yang kami ada dahulu daripada rayuan-rayuan kepada Majlis Privy dihapuskan. Apa yang munasabah, apa yang perlu dibuat adalah ini: hapuskan Seksyen 68 (a) dalam "Courts of Judicature Act", dengan izin. Bukan pinda—bukan buat pindaan sepertimana ada dicadangkan oleh Timbalan Menteri tadi, Tuan Speaker.

Saya bercakap begitu oleh kerana sekarang jikalau ada dalam satu perkara sivil, satu guaman sivil di mana tuntutan ada kurang daripada \$100,000 tentu dan perlu ada kebenaran oleh Mahkamah Tinggi untuk buat rayuan kepada Mahkamah Agung. Tuan Speaker, ini bermakna dalam perkara seperti itu tidak ada rayuan lagi. Ini jadi satu peringkat dan dalam fikiran saya tidak ada negara-negara di mana ada satu keadaan seperti ini. Tidak ada rayuan, langsung tidak ada rayuan tanpa kebenaran jikalau Hakim Mahkamah Tinggi memberi kebenaran itu atau juga jikalau Mahkamah Agung beri kebenaran yang perlu.

Tuan Speaker, dalam tahun 1978—1 b Januari, 1978 semua rayuan dalam perkara-perkara criminal, jenayah kepada Majlis Privy dihapuskan dan juga dalam tahun 1985—1b Januari, 1985 semua rayuan sivil dan rayuan-rayuan lain dihapuskan. Mahkamah Agung masa itu dan sekarang apa yang perlu dan apa yang saya kata tadi, kita

tentu ada satu peringkat lagi gantikan apa yang kami ada dahulu Majlis Privy, bukan apa yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri tadi.

Tuan Speaker, saya harap Kerajaan ambil berat atas perkara ini dan pinda Courts of Judicature Act 1964 untuk ada tiga peringkat: Mahkamah Tinggi, Mahkamah Agung dan juga atas Mahkamah Agung satu lagi mahkamah seperti Majlis Privy yang ada dalam Undang-undang kita masa dahulu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan.

3.57 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong minta tambah lagi satu tingkat berkenaan rayuan, pindaan Akta Mahkamah Kehakiman ini mustahak untuk dinaikkan kuantum nilai hal perkara untuk suatu rayuan daripada Session Court kepada Mahkamah Supreme.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Session Court tidak langsung ada bersangkut.

Dato' Oo Gin Sun: High Court. Berkenaan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong dihapuskan Privy Council ini, cadangan ini boleh ditimbang jikalau ada mustahak oleh Kementerian saya,

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Yang di-Pertua, bukan hapuskan Majlis Privy—Majlis Privy sudah dihapuskan. Apa yang saya cadangkan, Tuan Speaker, untuk ada satu lagi peringkat: Mahkamah Tinggi dan barangkati Mahkamah Rayuan dan selepas itu Mahkamah Agung. Itu apa yang saya cadangkan tadi. Bukan hapuskan Majlis Privy—itu sudah jadi dalam tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak beri keterangan sedikit berkenaan dengan satu tingkat lagi Mahkamah Rayuan?

Dato' Oo Gin Sun: Cadangan ini belum lagi dibuat. Cadangan Ahli Yang Berhormat dari Jelutong ini boleh ditimbangkan katau ada mustahak untuk dibuat pindaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat,.

Tuan R. Karpal Singh: Bolehkah Kerajaan beri satu jaminan, bukan boleh timbang; itu bila pun macam itu juga, Tuan Speaker. Bolehkah Kerajaan beri satu jaminan perkara ini tentu ditimbangkan dalam masa tidak berapa lama lagi, oleh kerana perkara ini mustahak Tuan Speaker. Sebagai seorang Hakim dahulu Tuan Speaker tentu tahu masalah-masalah dalam perkara-perkara seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa Yang Berhormat dari Jelutong, perbahasan telah habis, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjawab, saya hendak kemukakan soalan ini kepada Majlis sekalian. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERIHAL DAGANGAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.02ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perihal Dagangan, 1972 dibacakan bagi kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perihal Dagangan, 1972 adalah satu Akta yang mengandungi peruntukan-peruntukan tertentu bagi mengawasi penggunaan perbahasaan-perbahasaan atau penunjuk-penunjuk mengenai barangan dan harga, khususnya bagi melarang salah perihal kepada barangan dan penggunaan penunjuk-penunjuk palsu atau mengelirukan mengenai harga dalam perjalanan perdagangan dan perniagaan. Akta ini telah dikuatkuasakan di seluruh negara semenjak tahun 1972.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, objektif utama penguatkuasaan Akta ini adalah untuk memberi perlindungan kepada pengguna dan mewujudkan amalan perdagangan yang sihat di dalam negara. Melalui penguatkuasaan Akta ini, Kementerian saya telah berupaya mengambil tindakan-tindakan yang berkesan untuk mencegah amalan-amalan salah perihal kepada barangan dan penggunaan penunjuk-penunjuk palsu atau mengelirukan.

Walau bagaimanapun, peruntukan-peruntukan yang wujud sekarang di bawah Akta ini tidak mencukupi untuk perlindungan pengguna daripada

penyelewengan-penyelewengan yang terbit daripada:

- (a) salah penggunaan perbahasaannya "Jual Murah" atau perbahasaannya atau penunjuk lain seumpamanya; dan
- (b) salah penggunaan perbahasaannya, penunjuk atau pernyataan mengenai kadar bayaran atau charge bagi perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan yang ditawarkan dalam perdagangan dan perniagaan.

Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perihal Dagangan, 1972 yang dibentangkan ini adalah bertujuan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasaannya "Jual Murah" merangkumi apa jua perbahasaannya atau penunjuk yang memberi makna atau boleh memberi makna bahawa sesuatu barangan itu ditawarkan dengan suatu harga yang lebih rendah daripada harga yang pernah ditawarkan terdahulunya. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhonnat semua sedar bahawa amalan-amalan membuat tawaran "Jualan Murah" adalah berleluasa khususnya apabila menjelang musim-musim perayaan. Ketiadaan peruntukan undang-undang khusus untuk mengawalselia amalan-amalan ini telah membolehkan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan menggunakan perbahasaannya-perbahasaannya atau penunjuk-penunjuk demikian dengan berbagai cara semata-mata untuk mendorong pengguna mengunjungi dan membeli-belah di premis perniagaan mereka tanpa menitikberatkan langsung kepada ketepatan perbahasaannya-perbahasaannya atau penunjuk-penunjuk yang telah digunakan.

Perlulah saya nyatakan di sini bahawa Kementerian saya sedar bahawa bukanlah semua peniaga-peniaga yang menggunakan

perbahasaannya "Jual Murah" atau perbahasaannya atau penunjuk lain seumpamanya itu menyeleweng. Memang terdapat para peniaga yang betul-betul jujur dan membuat tawaran selaras dengan perbahasaannya atau penunjuk yang digunakan. Walau bagaimanapun, ketiadaan satu bentuk pengawasan yang rapi sekarang telah mewujudkan satu keadaan di mana pengguna-pengguna boleh dieksploitasikan dan setiap penggunaan perbahasaannya dan penunjuk "Jual Murah" diragui.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Isu ini telah seringkali diperkatakan baik melalui media-massa atau melalui pertanyaan-pertanyaan di Dewan yang mulia ini. Menyedari hakikat ini, peruntukan-peruntukan yang membolehkan amalan-amalan ini dikawalselia melalui satu undang-undang kecil perlu diwujudkan dan dengan ini Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perihal Dagangan, 1972 ini dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai amalan di kalangan peniaga-peniaga yang membuat pernyataan yang tidak berhemat mengenai kadar bayaran atau charge bagi sesuatu perkhidmatan, kemudahan atau tempat tinggal, inginlah saya memaklumkan bahawa Kementerian saya memang memandang serius tentang perkara ini kerana ini bukan sahaja akan melumpuhkan industri pelancongan tetapi juga boleh menjatuhkan imej negara kita di kalangan pelancong-pelancong dari negara-negara luar. Justeru itu, amalan-amalan ini juga haruslah dikawalselia dengan rapi.

Bagi maksud ini, pindaan-pindaan kepada Akta Perihal Dagangan, 1972 perlulah dibuat supaya merangkumi peruntukan yang melarang salah pernyataan mengenai kadar bayaran atau charge bagi perkhidmatan, tempat

tinggal atau kemudahan yang ditawarkan dalam perdagangan dan perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya Rang Undang-undang untuk meminda Akta Perihal Dagangan, 1972 ini adalah bertujuan:

- (a) untuk mengawalselia amalan-amalan "Jual Murah" dan amalan-amalan membuat pernyataan tanpa hemat mengenai kadar bayaran atau charge bagi perkhidmatan, kemudahan atau tempat tinggal dalam perjalanan perdagangan dan perniagaan;
- (b) untuk menentukan pengguna-pengguna tidak terpedaya dengan pernyataan-pernyataan atau penunjuk-penunjuk yang mengelirukan; dan
- (c) untuk mempertingkatkan lagi tindakan-tindakan kawalan oteh Kementerian saya.

Melalui pindaan-pindaan dan perwujudan peruntukan-peruntukan baru ini di dalam Akta Perihal Dagangan 1972 yang dicadangkan ini Kementerian saya akan dapat berusaha dengan lebih gigih dan berkesan lagi untuk mewujudkan amalan perdagangan yang sihat di samping menjamin kepentingan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah bahawa Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Perihal Dagangan 1972 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.22ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyampaikan sedikit pandangan saya terhadap Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 1986 yang telah dibentangkan tadi.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dalam ucapan beliau untuk memperkenalkan Rang Undang-undang ini telah menyebut tentang tujuan pihak Kementerian yang berkenaan mengenai betapa mustahaknya untuk memperkenalkan Rang Undang-undang ini untuk mendapat kelulusan Dewan yang mulia ini atas aspek mengenai macam mana kita boleh mengatasi masalah seperti salah amalan perdagangan ataupun salah amalan mengenai berbagai-bagai jualan seperti jualan murah di negara kita demi kepentingan para pengguna.

Saya memperhatikan bahawa dalam Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 1986 ada memperkenalkan 5 pindaan kepada Akta Perihal Dagangan tahun 1972 seperti yang diterangkan dalam Rang Undang-undang ini. Kepada keseluruhan pindaan-pindaan ini kecuali Fasal 2 dan 6 nampaknya tidak boleh dipersoalkan oleh kerana pindaan-pindaan itu mempunyai kesan untuk memperjelaskan lagi Akta Induk iaitu Akta perihal Dagangan 1972 atau memperbetulkan kesalahan-kesalahan formal tertentu semasa menggubal Akta Induk. Pindaan-pindaan yang disentuh iaitu pada Fasal 1, Fasal 3, Fasal 4 dan Fasal 5 pada keseluruhannya adakah dialu-alukan oleh kerana ia akan membantu melindungi kepentingan para pengguna.

Sebagai seorang yang sentiasa menyuarakan kepentingan pengguna di negara ini saya berpendapat bahawa pindaan-pindaan ini adalah perlu kepada Akta Induk bagi memberi

definisi yang terang tentang berbagai peruntukan dalam Akta di samping memperluaskan skop atau bidang Akta ini bagi melindungi pengguna selanjutnya. Akan tetapi apa yang saya menyoalkan di sini di mana saya mempunyai syak wasangka sedikit ialah berkaitan dengan Fasal 2 dan Fasal 6 Rang Undang-undang ini yang mempunyai hubungkait antara satu sama lain. Saya telah meneliti Fasal 2 dan Fasal 6 ini dan saya rasa bahawa kita perlulah menimbangankan dengan serius implikasi-implikasi kedua-dua pasal Rang Undang-undang Pindaan ini.

Fasal 2 Rang Undang-undang bertujuan untuk meminda tajuk panjang Akta Induk untuk memperluaskan skop Akta Induk bagi memasukkan kuasa memberi erti bagi apa-apa perbahasan atau penunjukan yang digunakan berhubung dengan harga barang-barang, bayaran atau kadar bagi perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan dan untuk mengawalselia, atau mengawal atau melarang penggunaannya dalam perjalanan sesuatu perdagangan atau perniagaan. Saya juga, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Fasal 6 yang bertujuan memasukkan seksyen baru 38A yang membolehkan Menteri membuat perundangan subsidiari bagi pengawalselia, mengawal atau melarang penggunaan apa-apa perbahasan atau penunjukan berhubung dengan harga barang-barang atau bayaran atau kadar bagi perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah jelas kepada saya selepas meneliti kedua-dua pasal ini bahawa implikasi tentang kedua-dua fasal ini adalah amat serius kerana fasal-fasal ini apabila diluluskan merupakan satu tindakan mengambil alih kuasa-kuasa kehakiman. Ini adalah kerana penggunaan mana-mana perbahasan atau penunjukan dan memberi erti sesuatu perkataan mestilah dilihat dalam konteks keadaan

sesuatu kes dan pada lazimnya ianya telah menjadi fungsi kehakiman. Dengan yang demikian, sama ada satu perihal dagangan tertentu oleh seseorang peniaga perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan adalah palsu atau mengelirukan mestilah dilihat dalam keadaan-keadaan tertentu bagi sesuatu kes dan persoalan ini mestilah ditentukan sepenuhnya oleh kehakiman menerusi rujukan kepada seksyen 4 hingga 8 Akta Induk berkaitan dengan perihal dagangan serta Seksyen 14, 14A, 15 dan 15A Akta Induk yang ada berkaitan dengan kenyataan-kenyataan yang palsu atau mengelirukan hubungan dengan barang-barang dan perkhidmatan. Maka saya anggap bahawa sekiranya seseorang Menteri diberi kuasa untuk memberi erti kepada apa-apa perbahasan atau menunjukkan perhubungan dengan apa juga hal, ini boleh merupakan satu tindakan yang pada fikiran saya adalah tidak wajar dan kuasa ini haruslah diserahkan kepada pihak kehakiman.

Satu aspek yang lain yang saya ingin membahaskan di sini mengenai pandangan saya terhadap Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) ini, ialah mengenai masalah tentang penguatkuasaan. Saya berpendapat bahawa dengan adanya Rang Undang-undang ini yang bertujuan untuk memperkuatkan lagi Akta Perihal Dagangan adalah sangat mustahak bahawa Rang Undang-undang ini apabila dilulus dapat dilaksanakan, dapat dikuatkuasakan dengan cara yang betul dan adalah menjadi tanggungjawab pihak Kementerian yang berkenaan untuk memastikan bahawa terdapat kakitangan-kakitangan penguatkuasaan yang cukup untuk menguatkuasakan Rang Undang-undang ini apabila ia diluluskan.

Saya ingin menegaskan di sini tentang aspek penguatkuasaan oleh kerana saya memerhatikan bahawa pada masa yang lalu sungguhpun

negara itu mempunyai banyak undang-undang berkenaan dengan perlindungan para pengguna, berbagai-bagai aspek yang ada berkaitan dengan perlindungan untuk para pengguna, tetapi sekiranya pihak Kementerian yang berkenaan tidak dapat memastikan bahawa dalam aspek penguatkuasaan ini dapat dilaksanakan dengan cara yang betul, maka itu tidak ada erti bagi negara kita mempunyai berbagai-bagai undang-undang. Aspek penguatkuasaan ini adalah sangat penting.

Yang akhirnya dalam pandangan saya yang secara ringkas ini, saya juga ingin menyebut di sini dan juga di samping itu menarik perhatian Kementerian yang berkenaan tentang satu aspek yang saya anggap adalah penting dari segi melindungi para pengguna di negara kita oleh sebab Rang Undang-undang ini juga ada berkaitan dengan aspek perlindungan para pengguna.

Satu syor yang saya ingin menyampaikan di sini untuk perhatian Timbalan Menteri dan Kementerian yang berkenaan iaitu mengenai betapa penting dan betapa mustahaknya bagi negara kita untuk menyelaraskan segala undang-undang yang sedia wujud mengenai masalah perlindungan pengguna dan dapat mengumpulkan dengan tujuan memperkenalkan satu Akta komprehensif untuk memperlindungan para pengguna di negara kita dan ini boleh dinamakan, misalnya, sebagai Akta Perlindungan Penggunaan Kebangsaan yang dapat menyelaraskan semua Akta-akta ataupun semua undang-undang yang sedia wujud dengan mengadakan satu Akta komprehensif bagi tujuan untuk memperlindungan berbagai-bagai aspek tentang hal ehwal pengguna di negara ini.

Maka dengan pandangan-pandangan ini, saya sekali lagi ingin mendapat penjelasan daripada

pandangan-pandangan saya yang telah dibuat oleh saya itu tadi mengenai Fasal 2 dan 6 dan untuk Fasa-fasal yang lain saya ingin sekali lagi memberi sokongan. Sekian, terima kasih.

4.25 ptg.

Tuan Hu Sepang (Rasah): Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 1986 ini yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri tadi, saya suka mengambil kesempatan di sini memberi sedikit pandangan saya.

Mula-mulanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawa saya berasa dukacita oleh kerana Kerajaan tidak bercadang menggunakan Akta ini terhadap agen-agen pelancongan.

Saya memang faham dan sedar maksud Kerajaan membuat pindaan atas Akta ini dan ini adalah kerana di dalam tanahair kita ini telah berlaku bermacam-macam tindak-tanduk, tipu-helah seperti jual murah. Saya dapat tahu ada sebuah kedai di bandar Seremban yang mengadakan jual murah selama 365 hari setahun dan walaupun pihak kedai itu memakai bermacam-macam alasan, tetapi dari segi keadilan dan patutan, saya rasa pihak tertentu itu memang telah melakukan satu kegiatan jenayah yang mana pembeli-pembeli ataupun pengguna-pengguna telah ditipu.

Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi, saya berasa dukacita oleh kerana Kerajaan tidak bercadang menggunakan Akta ini terhadap agen-agen pelancongan sebab dalam negara ini saya rasa satu tipu-helah yang besar dilakukan oleh sebahagian agen-agen pelancongan yang tidak bertanggungjawab. Setiap hari boleh dikatakan, khususnya pada hari minggu, di suratkhbar tempatan kita boleh melihat bermacam-macam iklan yang ditawarkan oleh agen-agen

pelancongan ini. Mereka memberi bermacam-macam jaminan ataupun janji-janji dan jika kita cuma baca sahaja memang kita tak akan dapati pernyataan-pernyataan palsu dalam iklan-iklan tersebut itu. Tetapi apabila kita menyertai rombongan pelancongan itu, kita akan berasa bagaimana kita telah ditipu,

Saya boleh memberi beberapa contoh di sini, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini dua orang kawan saya telah menyertai satu rombongan pelancongan ke Manila dan Bagio. Apabila mereka sampai di sana, mereka pada mulanya memang seronok, khususnya di bandar Manila tetapi apabila mereka hendak pergi ke Bagio mereka diminta naik bas biasa. Apabila mereka pulang ke Kuala Lumpur dan membuat aduan, agensi pelancongan ini berasa jika hal ini diketahui oleh orang awam maka nama baik syarikat itu akan terjejas dan oleh itu mereka diberi ganti rugi dengan lagi satu tour ke Lake Toba di Medan, Indonesia. Dan lagi ada banyak contoh seperti harga yang telah ditetapkan untuk sesuatu trip tetapi apabila kita membuat pembayaran kita dipaksa membayar lebih lagi \$15. Menurut mereka ini adalah untuk cukai lapangan terbang atau airport taxes.

Dan mengenai tempat tinggal, ini yang dahsyat sekali, Tuan Yang di-Pertua. Saya dapat tahu, apabila kita di negara ini diberitahu dua orang akan berkongsi dalam sebuah bilik hotel, tetapi sampai di negara yang berkenaan, pihak yang berkenaan akan memberi bermacam-macam alasan seperti—ini adalah musim pelancong, ramai orang datang, kita tidak dapat bilik yang mencukupi. Jadi, akhirnya tiga orang berkongsi dalam sebuah bilik hotel dan untuk makanan juga di sini memang kita janjikan dengan makanan yang baik, tetapi apabila sampai negara luar, baru tahu makanan itu adalah tidak sesuai untuk dimakan oleh manusia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya berfikir, pengguna-pengguna ataupun consumer ataupun pelancong-pelancong tidak dapat perlindungan, walaupun saya adalah faham agensi-agensi pelancongan buat masa kini adalah di bawah kawalan pihak TDC tetapi nampaknya selain mendenda atau membatalkan lesen perniagaan agensi-agensi pelancongan itu, pihak TDC tidak boleh mengambil apa-apa tindakan lain yang sewajarnya. Oleh kerana itu adalah elok jika Rang Undang-undang (Pindaan) ini diluluskan Kerajaan boleh menggunakan Akta ini terhadap agensi-agensi pelancongan yang tidak bertanggungjawab yang menjalankan kegiatan tipu helah.

Dan akhirnya, saya ingin memberitahu Tuan Yang di-Pertua, bahawa saya tidak bersetuju dengan pandangan yang diberi oleh Timbalan Menteri tadi bahawa kalau Akta ini digunakan kepada agensi-agensi pelancongan, maka imej pelancongan negara kita akan jatuh di tangan orang luar, dan saya rasa dan saya merayu di sini kepada pihak Kerajaan supaya menimbangkan semula, apalah salahnya, biarlah kita berasa susah sedikit, lebih elok dari berasa sakit panjang dan Tuan Yang di-Pertua, saya harap selepas cadangan ini dikemukakan di dalam Parlimen, agensi-agensi pelancongan yang tidak bertanggungjawab itu akan dapat diberi amaran dan jangan membuat kegiatan ataupun tindakan tipu helah pada masa yang akan datang.

Dengan itu, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Kuantan.

4.35 ptg.

Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan): Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi peluang

untuk memperkatakan sepatah dua kata berkenaan dengan Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 1986 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mendengar dengan begitu berminat terhadap apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan juga Ahli Yang Berhormat dari Rasah. Ada banyak perkara yang saya setuju, tetapi kata-kata daripada Ahli Yang Berhormat dari Rasah iaitu berasa sakit sedikit elok, jangan sakit panjang. Saya tidak tahu apa maksudnya, tetapi mungkin maksudnya biarlah sekarang kita sakit, jangan kita sakit sampai lama-lama. Betul. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya pindaan undang-undang ini boleh dikatakan sudah terlewat, mungkin 10, 15 ataupun 20 tahun, tetapi sebarang pindaan kepada undang-undang hendaklah mengambil perhitungan tentang kosnya, tentang implikasinya dan juga apa-apa yang berkaitan dengan pelaksanaannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat pada tahun 1974 dahulu, kita telah menghadapi satu masalah hal barang-barang keperluan, beras dan sebagainya, maka timbullah keadaan sorok, ramai orang yang menyorok beras dan sebagainya dan apabila Kementerian Perdagangan menubuhkan Jawatankuasa ataupun unit ataupun Jabatan yang menguatkuasakan undang-undang anti sorok, maka banyaklah pihak yang ditangkap kerana adanya tuduhan, adanya yang disyaki bahawa barang-barang seperti beras, gula dan sebagainya telah disorok.

Itu tentulah melibatkan kos daripada segi mengadakan pejabat, daripada segi mengeluarkan gaji yang lebih kerana ramai kakitangan baru diambil dan daripada segi mengadakan peruntukan elaun perjalanan dan sebagainya lagi, belum lagi kita memperhitungkan kos waktu iklan di dalam TV dan Radio umpamanya yang mungkin kalau dihitung daripada segi

angka ekonominya, mungkin memakan beratus ribu ataupun berjuta-juta ringgit. Tetapi kita juga, Tuan Yang di-Pertua, telah dapat menyaksikan daripada apa yang berlaku bahawa mereka yang telah ditangkap itu kebanyakannya akhirnya didapati tidak bersalah. Jadi, kos yang kita belanjakan untuk gaji, etaan dan sebagainya itu akhirnya lebih mahal daripada tujuan, daripada apa yang kita hendak tangkap atau kita ambil daripada perbuatan pihak yang kita anggap salah.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, walaupun tujuan Akta (Pindaan) ini baik, kita haruslah juga memikirkan daripada segi pengalaman kita pada tahun 1974/1975 dahulu supaya apa yang kita lakukan ini akhirnya tidaklah menjadi seperti apa yang pernah saya katakan di sini iaitu ungkapan yang berbunyi: Jangan mahal rantai daripada buruk. Apa yang hendak kita jaga itu, janganlah sampai akhirnya kos untuk penjagaan itu lebih tinggi daripada apa yang kita maksudkan kerana akhirnya yang kena bayar kos pelaksanaan pengawalan itu umpamanya adalah datang daripada taxpayers ataupun daripada rakyat negara ini juga pada akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang diperkatakan di sini ialah soal berkaitan dengan papantanda ataupun tanda-tanda mengenai iklan-iklan.

Saya sedia maklum bahawa iklan ini atau tanda-tanda papantanda dan label umpamanya adalah suatu perkara yang dianggap sebagai anasir pengiklanan iaitu suatu anasir, satu perkembangan yang tidak dapat tidak wujud di dalam masyarakat, di dalam kehidupan pada zaman ini, yang pernah ditanggapi oleh seorang Professor Amerika kalau tidak salah namanya Galbraith di dalam bukunya bernama 'The Affluent Society'. Tanggapan seperti ini tentunya sesuai, elok di dalam satu masyarakat yang benar-benar discriminate, yang faham

apa yang baik dan apa yang tidak, tetapi dalam satu masyarakat yang masih transit (transitional) dengan izin, seperti di Malaysia ini kita tidak dapat tidak menghadapi rakyat, menghadapi pengguna (consumers) yang tidak dapat discriminate antara yang betul dan yang tidak. Itulah sebabnya sepertimana kata Ahli Yang Berhormat dari Rasah tadi ada satu tempat di Seremban yang melebelkan jualan murah selama 365 hari, bukan sahaja di sana kalau boteh saya sebut Yang Berhormat dari Rasah, tetapi juga di Kuala Lumpur ini banyak pihak-pihak, pekedai-pekedai yang sentiasa meletakkan lebel 365 hari setahun sebagai jual murah. Bukan sahaja dahulu, tetapi kadang-kadang sekarang ini juga ada tawaran jualan murah yang sengaja diletakkan lebel umpamanya \$20, tetapi dipotong \$27 diletak \$20 di atas satu lebel yang sama, ini tentunya merupakan, dengan izin, satu deception yang boleh merosakkan moral dan hemah peniaga-peniaga dan juga boleh melanggar tata tertib dan ethika perdagangan dan juga daripada segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi membuat kewaspadaan supaya pihak Kementerian Perdagangan berwaspada dan berwas-was di dalam menjalankan, di dalam melaksanakan peruntukan di dalam pindaan Rang Undang-undang ini, kerana nampaknya bukan sahaja kuasa Menteri yang sedia ada ditambahkan lagi, tetapi juga diperketatkan lagi dan diperluaskan lagi kuasa yang diberikan kepada Menteri. Ini dibuat untuk metaksanakan peruntukan-peruntukan untuk menjaga apa-apa sahaja perihal dagangan yang sesuai dengan maksud pindaan undang-undang ini diadakan. Apabila kita mempunyai kuasa, mungkin daripada segi sejarah dan dari segi pengalaman kadang-kadang kita boleh melampaui kuasa itu. Ini kerana kita membuat reaksi terhadap sesuatu yang timbul

pada keadaan-keadaan tertentu. Sekiranya reaksi itu mengenai kepentingan pihak-pihak yang kebetulan dekat dengan kita, kita takut kalau-kalau kuasa itu digunakan dengan tidak memikirkan kesan jangka panjang yang dilaksanakan. Ini memandangkan langkah-langkah yang digubalkan oleh Menteri di dalam menghadapi ataupun di dalam usaha menyelesaikan masalah yang timbul daripada satu masa ke satu masa.

Saya hendak menegaskan di sini, ialah kuasa yang diberikan oleh pindaan Akta ini hendaklah dijalankan dengan baik supaya unsur ataupun asas dagangan itu tidak terjejas, kerana dagangan ini adatah letaknya pada tawaran dan permintaan. Inilah letaknya saya rasa mekanisme pasaran, pada supply and demand, dengan izin, tawaran dan permintaan, kerana kalau kita sentiasa menjejaskan soal-soal mechanism ini akhirnya yang cacat ialah kaum pedagang itu sendiri dan apabila terjejas kaum pedagang, insentifnya untuk terus berdagang akan menjadi tumpul. Jadi, penumpulan di dalam usaha-usaha perdagangan ini tentu sekali menjejaskan pendapatan, menjejaskan ekonomi dan tentu sekali menjejaskan suasana dan iklim pelaburan yang hendak digalakkan oleh pihak Kerajaan daripada dahulu sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kita membuat undang-undang seperti ini kita harus mengedukatekan dengan izin, consumers kita, pengguna-pengguna kita yang terdiri daripada rakyat negara ini supaya mereka sendiri boleh menggunakan pancaindera, boleh menggunakan hati dan pemikiran mereka sendiri supaya mereka dapat tahu apa sebenarnya, apa harga yang sebenarnya, apa mutu yang sebenarnya sesuatu barangan itu, sebabnya saya takut kalau segala-galanya kita 'resort' kepada undang-undang akhirnya akan jadi satu perkembangan yang ditanggap di

negara asing, yang dipanggil 'Big Government' atau Kerajaan yang meluas, segala-galanya kita regulate, kita undang-undangkan. Seolah-olah manusia itu sendiri tidak dapat membuat perhitungan, membuat pertimbangan di dalam membuat pilihan-pilihan di dalam hidup mereka.

Sekiranya kuasa yang diberikan oleh peruntukan pindaan undang-undang ini dijalankan dengan baik, dengan penuh waspada dan penuh tanggungjawab oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian tentu sekali ianya akan membawa hasil yang dimaksudkan, hasil yang boleh bukan sahaja mempertahankan hak pengguna-pengguna (consumers) dan rakyat, tetapi juga dapat mempertahankan iklim perdagangan, mempertahankan semangat orang-orang daripada gotong-pedagang dan juga mempertahankan unsur-unsur yang boleh mengembangkan pemikiran perdagangan di kalangan rakyat kita. Ini bermakna kita tidak sahaja mengambil perhitungan kepentingan pedagang-pedagang yang ada, tetapi juga kita memberi satu galakan kepada pedagang-pedagang yang lain terutamanya pedagang-pedagang yang baru, yang kecil, baru belajar untuk berniaga kerana barang-barang runcit yang ditunjukkan saya rasa secara implikasinya oleh pindaan Akta ini tentu sekali ditunjukkan untuk retailers ataupun peniaga-peniaga kecil. Peniaga-peniaga kecil ini walaupun mereka sentiasa visible, sentiasa kelihatan di mana-mana, tetapi daripada segi mereka mendapatkan 'turnover sale' ataupun daripada segi keuntungannya tidaklah sebanyak mana berbanding dengan corporates yang bermodal beratus-ratus juta atau beribu juta yang kita tahu sentiasa menjadi herita di akhbar-akhbar ataupun di media-media lain. Jadi, saya rasa langkah dan perlaksanaan ataupun tindakan-tindakan yang sederhana haruslah dipergunakan berdasarkan bukan sahaja pindaan

undang-undang ini, tetapi juga berdasarkan kepada kuasa yang diberikan oleh pindaan undang-undang ini kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Selain daripada itu saya juga ingin menyentuh points perbincangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rasah tadi iaitu dalam aspek pelancongan. Kita tahu surat-suratkhbar banyak menyiarkan tawaran untuk keluar negeri dengan potongan harga yang hebat-hebat, tetapi kadang-kadang kalau kita terlalu ghairah untuk membawa pelancong-pelancong ke sini ataupun membawa pelancong-pelancong kita keluar negeri, maka perkara yang disebutkan tadi iaitu adanya deception, dengan izin, akhirnya akan menjejaskan keutamaan kita untuk mendapat pendapatan yang lebih tinggi daripada invisible trade seperti pelancongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya menyeru dan berharap kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian hendaklah juga berhati-hati dalam perkara ini supaya inisiatif ataupun perkembangan awal di mana pelancong-pelancong semakin ramai datang ke sini tidak dicatatkan oleh kata-kata yang boleh mengdiscreditkan, dengan izin, perniagaan pelancongan di negara kita ini. Kalau kata-kata itu diperkembangkan dahpada satu tempat ke satu tempat, daripada satu negara ke satu negara maka perkembangan seperti itu akan negatekan, dengan izin, apa-apa sahaja langkah-langkah, apa-apa sahaja tindakan-tindakan, apa-apa sahaja yang dibuat oleh TDC umpamanya untuk membawa pelancong-pelancong luar negeri ke negara ini dan juga akan menjejaskan gatakan pelancong-pelancong kita untuk keluar negeri semata-mata kerana tindakan, kerana praktis yang boleh di anggapkan menipu oleh pihak-pihak pengusaha pelancong-pelancong itu.

Jadi, dengan itu saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan berbanyak terima kasih kerana peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian didalam perbahasan Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 1986 ini dan sekali lagi saya menyeru supaya pihak Menteri Perdagangan dan Perindustrian amnya hendaklah mengambil perhitungan apa yang saya sebutkan tadi dengan segala rendah hati. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sekali lagi terima kasih dengan menyatakan sokongan saya terhadap Akta Perihal Dagangan (Pindaan) 1986 ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ledang.

4.50ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya bersama-sama bangun dalam Dewan ini untuk membahaskan satu Akta dengan tujuan meminda Akta Dagangan 1972.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pindaan Akta ini dalam konteks yang agak lebih luas sedikit kerana kita melihat pindaan Akta ini berdasarkan kepada peranan Kerajaan dalam satu masyarakat di mana yang terlibat dalam konteks ini adalah satu kumpulan yang hidup dan memainkan peranan sebagai kumpulan yang berniaga dengan tujuan matlamatnya sendiri dibandingkan dengan satu kumpulan masyarakat yang lain yang terkumpul dalam kumpulan masyarakat pengguna dengan matlamat dan juga kepentingan mereka tersendiri.

Apabila kita melihat peranan Kerajaan dalam konteks seperti yang saya sebutkan tadi di peringkat pembangunan masyarakat di negara kita pada hari ini dan juga di peringkat pembangunan ekonomi negara kita

pada hari ini, maka sewajarnya lah pindaan-pindaan dibuat walaupun dalam bentuk yang kecil kalau sekiranya dilihat dalam konteks yang luas tetapi difikirkan perlu dibuat pindaan tersebut.

Saya membuat perbandingan di sini dalam satu bidang yang lain, tetapi rumusannya sama. Pada satu ketika dahulu apabila negara kita masih lagi dianggap negara yang belum lagi jauh membangun dan ekonomi kita masih lagi dikatakan ekonomi yang belum lagi membangun, bahkan agak mundur dibandingkan dengan negara-negara lain yang maju, maka isu pencemaran dianggap sebagai isu yang mudah, yang tidak penting dan tidak sewajarnya dibawa ke tengah.

Pada tahun 60an misalnya perbincangan di negara-negara Barat ialah sejauh mana pencemaran sesebuah masyarakat dari segi kebersihan udara dan juga air yang mengalir di negeri tersebut mesti dipelihara, mesti dijaga daripada pencemaran oleh mereka yang mencemarkan kesejahteraan hidup masyarakat di negara-negara yang sudah maju pada tahun 60an dan pada masa yang sama apabila kita membincangkan perkara tersebut di dalam mesyuarat ataupun perbincangan antarabangsa di negara-negara yang sedang membangun ataupun masih lagi mundur mengatakan perkara itu tidak penting kerana yang penting ialah pertumbuhan ekonomi di negara-negara yang masih lagi mundur dan jika sekiranya kecemaran akan membawa kepada keadaan yang menyekat pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, maka ia sewajarnya dianggap tidak penting untuk diambilkira pada masa tersebut. Tetapi pada hari ini kita mengatakan bahawa pencemaran adalah satu perkara yang sewajarnya diambil perkara yang serius yang menjejaskan hidup sebuah masyarakat dengan lebih

sempurna lagi, maka dibuat peraturan undang-undang dan seterusnya penguatkuasaan terhadap undang-undang tersebut untuk memelihara kesejahteraan hidup masyarakat di Malaysia dan kita mengatakan bahawa pertumbuhan ekonomi dan pembangunan ekonomi mestilah diimbangkan dengan kesejahteraan hidup, sama ada udara yang kita hidu, air yang kita ambil daripada laut dan parit mestilah sentiasa terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil contoh tersebut ataupun analogi tersebut dalam konteks apa yang kita bincangkan mengenai pindaan Akta ini. Kalau sekiranya saya menggunakan analogi tersebut dan Yang Berhormat dari Kuantan mengatakan buku "Galbraith", saya ingin menyebut satu konsep yang digunakan dalam buku tersebut yang dikatakan "The Countervailing Power" ataupun kuasa perimbangan di dalam konteks perniagaan sesebuah ekonomi. Jadi kuasa yang ada pada golongan peniaga sewajarnya diimbangkan dengan kuasa yang ada pada gotongan pembeli dan pengguna. Jika sekiranya kuasa untuk menipu, membohongi dan mempalsukan sesuatu perkara berat kepada mereka yang berniaga, maka mudahlah tertipu mereka yang masuk dalam golongan pengguna. Jadi, pada hari ini kita telah tiba pada masa sekurang-kurangnya kita mengatakan bahawa pihak Kerajaan menyedari bahawa perlunya satu undang-undang yang formal, yang rasmi diwujudkan walaupun dalam bentuk pindaan supaya kuasa mengawasi kepentingan pengguna dapat diwujudkan dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal kuasa ini ianya terbahagi kepada dua. Satu, kuasa yang diperuntukkan melalui perundangan negara seperti yang hendak kita buat dalam pindaan ini. Yang keduanya, kuasa yang ada pada masyarakat pengguna berdasarkan kepada pengetahuan ilmu

dan amalan dan tabie dan perlakuan yang ada pada pihak pengguna supaya mereka dengan secara spontan, dengan secara kesedaran diri sendiri dapat menjaga dan memelihara kepentingan mereka sendiri. Kalau sekiranya kita satukan kuasa yang wujud seperti peruntukan dalam pindaan ini dan kuasa yang wujud dari segi keinsafan dan kesedaran yang ada pada pengguna, maka kuatlah tenaga untuk mengatasi masalah pembohongan, kepalsuan yang kadangkala wujud di kalangan masyarakat peniaga yang ada pada negara kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya meletakkan pindaan ini dalam konteks yang saya sebutkan tadi maka saya menyokong kandungan dalam pindaan Fasal ke 2. Sewajarnya di situ pindaan dalam Fasal ke 2 sewajarnya disatukan dalam pindaan yang termasuk dalam Fasal 6 di mana maklumat yang berkaitan dengan pembohongan dan kepalsuan itu dapat diselidik sedalam-dalamnya dan kuasa diberi kepada pihak Menteri untuk menentukan peraturan-peraturan supaya tindakan-tindakan yang sewajarnya ataupun usaha untuk menyelia dan mengawasi dapat dilaksanakan.

Dalam soal pindaan Fasal ke 2 ini saya ingin menyebut bahawa sewajarnya pihak Kementerian yang terlibat dalam perkara ini menentukan tentang kepalsuan yang mungkin wujud kerana berbeza dari segi kualiti barang-barang yang dipersoalkan. Mungkin harganya rendah, tetapi barangnya berbeza berdasarkan kualiti yang berbeza daripada apa yang dijangka oleh pihak pengguna.

Saya menyebut contoh-contoh seperti ini semoga agaknya lebih terang sekurang-kurangnya daripada fahaman saya apa yang dimaksudkan dalam pindaan Fasal ke 2. Yang pertamanya, saya rasa elok diambil kira sama ada kualiti yang dimaksudkan itu berbeza ataupun

tidak. Yang keduanya, bahawa harga itu kalau murah apakah yang hendak dibandingkan dengan yang mahal. Adakah harga yang dikatakan murah pada iklan tersebut adalah rendah dibandingkan dengan harga yang asal barang tersebut ataupun harga yang murah ini adalah berdasarkan kepada harga yang dibandingkan dengan harga kos untuk menyediakan barang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, ciri-ciri yang saya sebutkan tadi mungkin kita tambah dari segi umur ataupun berapa lamakah barang tersebut telah diniagakan hinggalah tiba pada masa ianya dijual secara murah. Jadi, saya menjangka bahawa pindaan dalam Fasal ke 2 itu pada fikiran saya sewajarnya mengambil kira tentang ciri-ciri tersebut.

Satu lagi perkara yang ingin saya sentuh di sini ialah mengenai Fasal 3, Bahagian 14(4) di mana disebut di situ bahawa beban untuk membuktikan tidak ada kepalsuan dan tidak ada usaha untuk membohong adalah terletak kepada mereka yang tertuduh. Ini saya anggap satu perkara yang penting. Kalau saya ambil balik contoh yang saya katakan pada awal tadi dalam soal pencemaran, sekarang ini sewajarnya bahawa beban untuk mengatakan bahawa tercemar atau tidaknya udara dalam satu kawasan itu, bukan terletak kepada mereka yang merasa kecemaran tersebut, tetapi mereka yang mencemarkan udara, dengan izin, the burden, beban membuktikan kecemaran tersebut ataupun tidak tercemarnya suasana adalah pada mereka yang mencemarkan. Dalam pindaan Akta ini, beban untuk mengatakan tidak ada pemalsuan terletak kepada mereka yang tertuduh.

Pada rumusannya, saya menyokong pindaan Akta ini adalah berdasarkan kepada pandangan saya yang agak perspektifnya luas sedikit dan saya mengambil kesempatan untuk

mengucapkan setinggi tahniah kepada pihak Kerajaan dan khususnya kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang mengambil inisiatif sekarang-kurangnya melihat secara terperinci di mana lagi ruang di dalam Akta Perihal Dagangan 1972 ini boleh diperbaiki dengan pindaan seperti yang ada dalam Majlis kita pada petang ini.

Berdasarkan kepada hujah-hujah tersebut, saya menyokong pindaan Akta Perihal Dagangan 1972, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Selepas Ahli dari Seremban berucap, saya akan menjemput Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.04ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berucap sedikit sahaja berkenaan Akta Perihal Dagangan 1972.

Tuan Yang di-Pertua, menghisap rokok ialah satu tanda yang tidak sihat di kalangan murid-murid di sekolah kita. Nampak saya masalah ini telah bertambah. Kita nampak ramai murid-murid sekolah menghisap rokok, apabila mereka lepas sekolah.

Saya ingat ini ada satu tandatanya seperti dalam TV, kita nampak sungguhpun company-company rokok yang besar tidak ada menunjukkan dalam iklan mereka, tidak menggalakkan rakyat menghisap rokok, tetapi ia pakai satu tektik yang subtle dengan izin.

Di bawah iklan misalnya, Peter Stuyvesant mengikut satu style yang sangat baik, lepas itu kita nampak dia ada menunjukkan satu program yang diminati atau satu program foot-ball dan lain-lain. Bukan sahaja Peter Stuyvesant dan lain-lain rokok yang

besar seperti Benson & Hedges, Rothmans King Size, Salem—sejuk, Marlboro, sungguhpun ia tidak kata hisap rokok, langsung tidak, tetapi ia tunjuk dalam iklan itu program yang sangat diminati seperti world foot-ball, tennis dan lain-lain. Ini sudah subtle masuk dalam otak murid-murid kita. Sebab itu kata mereka kalau juara foot-ball boleh main dengan baik oleh sebab ada sokongan Benson & Hedges sebagai sponsor, jadi kita pun boleh hisap rokok seperti Benson & Hedges, Dunhill dan Salem. Sebab itu, saya minta Menteri berkenaan mengambil perhatian berkenaan dengan perkara ini dan jangan oteh sebab ia beri wang kerana sponsor program itu, kita masuk perangkapnya. Ini bahaya. Silalah ingat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Timbalan Menteri yang berkenaan, sila jawab.

5.07ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Rasah, Kuantan, Ledang dan Seremban yang telah bangun untuk membahas Rang Undang-undang Perihal Dagangan (Pindaan) 1986.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang kerana menyokong pindaan ini. Mengenai kesangsian-kesangsian Yang Berhormat mengenai Fasal 2 dan Fasal 6, ingin saya menyatakan bahawa Kerajaan akan melaksanakan peruntukan-peruntukan ini dengan adil dan saksama untuk kepentingan pengguna-pengguna. Kuasa yang diberi akan digunakan oleh Kerajaan di dalam keadaan yang tidak jelas dan tidaklah akan disalahgunakan.

Yang Berhormat yang berkenaan mengutarakan perkara-perkara penguatkuasaan yang ketat apabila peraturan-peraturan ini diwujudkan. Sukacita saya maklumkan bahawa Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mempunyai 28 Pejabat-pejabat Cawangan yang ditempatkan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Dengan hal yang demikian, setiap aduan yang diterima mengenai penyelewengan yang timbul daripada amalan-amalan penyelewengan dan menipu pengguna-pengguna bolehlah dilaporkan kepada mana-mana Pejabat Cawangan Bahagian Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di seluruh negara. Di samping itu pengguna-pengguna juga boleh menyalurkan aduan-aduan mereka melalui Biro Pengaduan Awam dan lain-lain agensi Kerajaan yang akan menyalurkan aduan-aduan itu untuk tindakan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Dalam hubungan ini, ingin saya memaklumkan bahawa kejayaan di dalam membanteras amalan-amalan seperti ini bukan sahaja terletak kepada Kerajaan sahaja bahkan memerlukan penglibatan sepenuhnya daripada pengguna-pengguna termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan yang mulia ini.

Menyentuh mengenai keberkesanan pelaksanaan penguatkuasaan ke atas peraturan-peraturan yang akan diwujudkan berikutan dengan pindaan kepada Akta ini, kepada soalan ini, ingin saya menyatakan bahawa Kementerian saya mempunyai Pegawai-pegawai Penguatkuasa yang cukup untuk menentukan bahawa tindakan-tindakan yang akan perlu dijalankan bagi menentukan bahawa peraturan-peraturan yang akan diwujudkan ini akan memberi keberkesanan seperti mana yang diharap-harapkan.

Saya menaruh penuh kepercayaan bahawa peraturan-peraturan yang akan diwujudkan akan mencapai keberkesanan sepertimana yang diharapkan berdasarkan kepada prestasi Bahagian Penguatkuasaan semenjak Bahagian Penguatkuasaan melaksanakan Akta Perihal Dagangan 1972 mulai daripada tahun 1973. Jumlah kes yang telah diambil ialah sebanyak 2,013 kes, nilai rampasan ialah sebanyak \$122.1 juta dan denda yang dikenakan adalah lebih kurang \$1.2 juta. Saya menaruh kepercayaan bahawa keberkesanan dalam pelaksanaan undang-undang ini boleh dizahirkan.

Peraturan jual murah yang akan dibuat selepas pindaan Akta diluluskan akan merangkumi jualan murah dan iklan-iklan palsu. Itu satu perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari Rasah.

Mengenai kenyataan palsu yang dibuat oleh agen pelancongan seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, suka saya nyatakan bahawa seksyen 15A Akta Perihal Dagangan 1972 yang ada sekarang adalah melindungi perkara-perkara ini. Pindaan kepada seksyen 15A sebenarnya adalah untuk meliputi kegiatan memberi kenyataan palsu mengenai kadar bayaran yang ditawarkan oleh agensi pelancongan dengan pindaan ini. Agensi pelancongan yang membuat tawaran palsu sama ada melalui iklan atau brochure mengenai kadar bayaran yang dikenakan adalah melakukan kesalahan.

Mengenai pandangan Yang Berhormat dari kawasan Kuantan bahawa pindaan ini sudah terlambat selama 10 tahun, saya bersetuju, tetapi biar lambat asalkan selamat.

Mengenai keberkesanan menguatkuasakan pindaan ini kelak, suka saya menyatakan bahawa peraturan jual murah yang akan dibuat

kelak akan memberi jaminan bahawa setiap tindakan yang diambil akan dapat disabitkan kesalahan di Mahkamah. Peruntukan di dalam Akta yang ada sekarang mengenai jualan murah mempunyai banyak kelemahan. Sebab itulah ada pekedai yang membuat jualan murah sepanjang masa. Kelemahan-kelemahan ini akan dapat diatasi selepas pindaan kepada Akta ini dibuat.

Mengenai cadangan Yang Berhormat dari kawasan Ledang supaya pindaan kepada Akta ini mentafsirkan apakah dia jualan murah itu, suka saya memaklumkan bahawa pindaan ini dibuat untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan-peraturan tertentu untuk memerangi amalan-amalan yang tidak sihat di dalam perniagaan dan perdagangan. Oleh yang demikian, mekanisma dan cara bagaimana amalan-amalan yang tidak sihat ini akan diatasi akan diperuntukkan secara terperinci di dalam peraturan-peraturan yang akan dibuat kelak.

Berkait perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat dari kawasan Seremban untuk mengambil perhatian berhubung dengan iklan rokok, berhubung dengan iklan rokok, sukalah saya memaklumkan bahawa Akta ini bertujuan untuk membanteras penggunaan iklan yang mengelirukan atau palsu sahaja. Iklan rokok yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak mengelirukan dan iklan-iklan demikian terletak di bawah bidangkuasa Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan saya terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah

bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

USUL

AKTA ACARA KEWANGAN, 1957 MENAMBAH BUTIRAN BARU "TABUNG KUMPULANWANG AMANAH PUSTAKA PERINGATAN P. RAMLEE"

5.20ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini mengikut seksyen 10 (4) Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran baru seperti berikut:

"Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee."

Jadual Kedua yang tersebut menetapkan berbagai-bagai jenis Kumpulanwang Amanah Kerajaan

dan Dewan ini boleh dengan usul meminda, memotong dan menambah Jadual tersebut dari masa ke semasa.

Kerajaan bercadang menubuhkan satu Kumpulanwang di bawah Seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan 1957 yang dinamakan Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee.

Tujuan penubuhan Tabung Kumpulanwang Amanah ini ialah untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan menyalurkan bantuan bagi membiayai perbelanjaan pengurusan dan lain-lain perbelanjaan yang berkaitan dengan Pustaka Peringatan P. Ramlee.

Tuan Yang di-Pertua, Tabung Kumpulanwang Amanah ini ditubuh untuk tujuan-tujuan berikut:

- (i) membiayai perbelanjaan membeli, mengubahsuai dan menyelenggara Bangunan Pustaka Peringatan P. Ramlee dan bangunan-bangunan lain yang berkaitan;
- (ii) membiayai perbelanjaan membeli peralatan kelengkapan dan menyediakan bahan-bahan untuk pameran;
- (iii) membiayai pengumpulan bahan-bahan dan keterangan mengenai P. Ramlee yang berguna untuk tujuan penyelidikan dan rujukan;
- (iv) membiayai perbelanjaan berhubung dengan pemeliharaan dan pemulihan bahan-bahan mengenai P. Ramlee; dan
- (v) membiayai perbelanjaan bagi sebarang projek atau aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Pustaka Peringatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan yang telah dibuat bagi menubuhkan

Pustaka Peringatan P. Ramlee telah dibiayai melalui satu Tabung Akaun Amanah yang mana sumber kewangan Tabung tersebut adalah daripada sumbangan oleh pihak swasta dan orang ramai. Sungguhpun sambutan yang menggalakkan diterima daripada pihak swasta dan daripada orang ramai terhadap Tabung tersebut—tetapi ianya tidak dapat menampung sepenuhnya keperluan bagi membiayai pengurusan Pustaka tersebut. Oleh sebab itu difikirkan wajar bagi Kerajaan turut memberikan sumbangan bagi menampung perbelanjaan Pustaka tersebut melalui penubuhan sebuah Tabung Kumpulanwang Amanah. Buat permulaan ini sebanyak \$400,000 perlu diperuntukkan kepada Tabung tersebut di mana ianya akan disediakan melalui peruntukan Anggaran Belanja Mengurus Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini, saya mohon mencadangkan,

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Ipoh.

5.23 ptg.

Tuan P. Patta (Ipoh): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kami dari DAP bersetuju dengan penuh bahawa satu Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee diwujudkan demi menghormati sumbangan Allahyarham P. Ramlee terhadap muzik dan seni perfileman dalam negara ini. Allahyarham P. Ramlee memang terkenal bukan sahaja bagi orang-orang yang Returunan Melayu malah kaum-kaum yang lain yang didapati di dalam negara ini.

Beliau boleh disifatkan sebagai seorang yang mempunyai talent-talent yang tidak dapat disaingi oleh sesiapa. Beliau ialah seorang pelakon, seorang, dengan izin, comedian, seorang penyanyi, seorang musician, seorang yang boleh menggubah lagu, seorang pengarah filem dan seorang producer. Jarang-jarang kita boleh melihat seorang manusia yang mempunyai kualiti-kualiti yang begitu ternilai dalam dirinya dan negara ini dapat melahirkan cuma seorang sahaja iaitu Allahyarham P. Ramlee. Dan sehingga hari ini kita tidak dapat melihat sesiapa pun yang boleh mendekati kemahiran Allahyarham P. Ramlee dalam beberapa bidang yang beliau dapat menguasai pada zaman 50an dan 60an.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulanwang Amanah ini yang bertujuan untuk membiayai bangunan serta membeli bahan-bahan bagi exhibition dan sebagainya adalah satu, pada perkiraan kami penghormatan kepada Allahyarham P. Ramlee. Kami berharap bahawa dalam exhibition-exhibition yang akan diadakan nanti dapatlah pihak yang mengendalikannya itu menunjukkan kepada orang ramai khususnya generasi muda sekarang tentang sumbangan Allahyarham P. Ramlee dalam beberapa bidang yang saya telah sebutkan.

Akhir sekali saya boleh, ataupun saya berani mengatakan bahawa Allahyarham P. Ramlee adalah satu legenda dalam negara ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

5.26 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahaskan Usul mengenai Tabung Kumpulanwang Amanah

Pustaka Peringatan P. Ramlee yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengingatkan kembali nama P. Ramlee sudah barang tentu ianya membangkitkan kembali bukan sahaja ingatan kita kepada seorang tokoh seni tanahair tetapi juga ianya mengingatkan kita betapa tokoh ini mewakili ciri-ciri seni kebudayaan Melayu ataupun seni kebudayaan nasional yang telah kita perjuangkan selama ini. Sememangnya Tabung ini patut ditubuhkan ataupun diadakan lama dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya penubuhan Tabung Kumpulanwang Amanah ini akan dialu-alukan oleh seluruh rakyat tanahair kerana sumbangan Allahyarham tokoh seni kita ini P. Ramlee bukan sahaja ianya melewati dari segi jasa-jasa yang kita perkatakan sekarang ini tetapi sejarah peninggalan Allahyarham P. Ramlee telah begitu dirasai sekali oleh jenerasi dahulu, jenerasi sekarang dan mungkin sampai bila-bila.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun begitu, Tabung ini yang dimaksudkan itu haruslah mempunyai matlamat yang jelas. Penubuhan Tabung ini semata-mata sebagai penganugerahan mengingati seseorang tokoh seperti Allahyarham P. Ramlee ini tidak akan mempunyai erti apa-apa. Kita percaya bahawa penubuhan Tabung ini, selain daripada mengingati tokoh seni negara kita ini, tetapi juga ianya melambangkan suatu matlamat dan cita-cita masa depan negara bahawa P. Ramlee ini mewakili ciri-ciri kebudayaan nasional kita yang membawa cita-cita keharmonian dan perpaduan kaum di negara ini.

Ini jelas katau kita lihat sebagai seorang tokoh seni sebagai seorang pelakon tanahair, sebagai seorang pejuang kepada keharmonian negara

ini oleh Allahyarham ini, jelas sekali ianya boleh memahami seni budaya negara ini yang berteraskan kepada ciri-ciri kebudayaan nasional iaitu bumiputera tanahair ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin menganjurkan di Dewan yang mulia ini, sesudah Allahyarham P. Ramlee ini meninggalkan kita, sememangnya banyak aktiviti-aktiviti yang telah dianjurkan bagi mengingati Allahyarham P. Ramlee. Tetapi apakah sumbangan kita, Raja dan negara dan rakyat kepada Allahyarham P. Ramlee ini cukup dengan setakat apa yang kita lihat hari ini? Kalaulah tokoh-tokoh seni yang ada di tanahair kita ini yang masih ada dan yang telah pun memberikan sumbangan, telah pun dianugerahkan dengan gelaran-gelaran tertentu, kenapakah Allahyarham P. Ramlee ini tidak diberikan penghormatan negara yang sewajarnya?

Kita pernah mendengar ada di kalangan tokoh-tokoh negara kita telah meninggal dunia tetapi memandangkan jasanya begitu besar, mereka ini dianugerahkan dengan gelaran "Tan Sri" ataupun sebagainya. Kenapa tidak boleh negara kita, Kerajaan kita, memikirkan kerana sudah sampai masanya Allahyarham P. Ramlee ini diberi penghormatan yang sewajarnya, walaupun sudah lama Allahyarham telah meninggalkan kita. Saya kira kita belum lagi terlewat. Sebab saya membangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak di kalangan generasi-generasi muda bertanya kenapakah, tidak layakkah P. Ramlee diberi gelaran yang demikian walaupun beliau tidak bersama kita lagi? P. Ramlee masih bersama kita melalui sumbangannya, sama ada melalui filem, nyanyian-nyanyian yang masih lagi diminati oleh generasi dahulu dan generasi sekarang dan ianya mendesak kita di Dewan yang mulia ini memikirkan bukan sahaja

Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee ini diberi sokongan yang kuat, tetapi memikirkan cara yang lebih daripada yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja sekadar ringkas, untuk bangun bersama-sama membahas, bukan setakat menyokong tetapi untuk menghormati seorang tokoh seni tanahair yang kita tidak lupakan buat zaman berzaman. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Parit Sulong.

5.33ptg.

Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed (Parit Sulong): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk turut menyokong supaya satu Tabung Wang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee sebanyak \$400,000 ini diwujudkan.

P. Ramlee adalah seniman yang versatile iaitu serba boleh dan kita berterima kasih kepada Arkib Negara yang telah mengambil inisiatif mengadakan Muzium P. Ramlee. Selain daripada Tabung Amanah maka usaha-usaha dan sumbangan daripada orang ramai juga haruslah diwujudkan serta patutlah dikenakan sedikit bayaran apakala Perpustakaan ini diwujudkan dengan kita mengadakan berbagai-bagai souvenirs dan lain-lain lagi apakala orang ramai datang menonton. Kalau kita lihat seniman Elvis Presley di Memphis di mana kita dapati warisan daripada mendiang Elvis itu bukan sahaja dia punya kapal terbang, bas, bahkan beratus-ratus piring emas yang beliau dapat hadiah dan juga pakaian-pakaian yang dipakai oleh beliau semasa berlakon dan lain-lain lagi adalah menjadi sumber pendapatan untuk jadi kenangan dan kalau kita buat seperti

ini untuk Allahyarham P. Ramlee tentulah ini akan menjadi kenangan kepada Allahyarham yang telah berjasa tetapi juga kita berharap akan digunakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk melatih, mengasuh dan menghantar seniman-seniman yang berbakat, seniman-seniman termasuklah seniwati, untuk melatih mereka yang berbakat mendalami bakat yang ada pada artis-artis kita yang saya rasa masih ada di kalangan artis-artis atau seniman seniwati kita kerana bakat itu bukannya semata-mata semula jadi bahkan ianya boleh terjadi dengan diasuh dan dididik.

Selain daripada itu banyak lagi warisan-warisan yang ditinggalkan oleh Allahyarham P. Ramlee yang belum mendapat perhatian, umpamanya seperti rumahnya yang usang di Pulau Pinang itu belum juga mendapat perhatian dan pembelaan dan kita berharap perkara macam ini juga—kalau tidak dapat diperbaiki di sana, dipindahkan, disatukan dengan tempatnya yang ada di Kuala Lumpur itu dan ini juga boleh menyemarakkan lagi kenang-kenangan dan ingatan kita kepada Allahyarham.

Dengan ini saya menyokong sekali lagi, Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Kuantan.

4.35 ptg.

Tuan Adam bin Abdul Kadir (Kuantan): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk memperkatakan dan menyokong cadangan mengenai Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan penghayatan saya terhadap apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari

Pasir Mas serta Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong. Ahli Yang Berhormat dari Ipoh sesuai dengan keadaan dan ketikanya telah menggunakan kata-kata yang begitu seni bagi memperkatakan seorang tokoh seni negara dan oleh itu kita mengucapkan syabas kepada beliau.

Saya juga begitu berasa tertarik dengan pembentangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di dalam membentangkan usul ini tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya bila memperkatakan tentang Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee ini tentu sekali tidak dapat lari daripada memperkatakan orangnya iaitu Allahyarham P. Ramlee. Banyak diperkatakan tentang mutu, tentang pencapaian cemerlang yang telah beliau capai di dalam hidup beliau sebelum beliau meninggal pada tahun 1973 dahutu dan yang paling menarik sekali bagi saya adalah cadangan yang dikemukakan oleh Ahli dari Pasir Mas iaitu perlu saya katakan modal saya beliau ambil dahulu, jadi bukan dia tahu modal saya tetapi kebetulan modalnya sama, iaitu dicadangkan supaya dianugerahkan secara, dengan izin, posthumously, suatu gelaran negara kepada beliau. Saya rasa sudah tiba waktunya seorang tokoh seni negara seperti Allahyarham P. Ramlee diberikan satu gelaran baik "Tan Sri" ataupun "Datuk" kerana beliau hanya mendapat satu Bintang kecil pada tahun 1963 iaitu A.M.N. (Ahli Mangku Negara) sahaja yang sekarang ini telah dipegang oleh beribu orang kalau tidak salah saya. Jadi kita hanya meletakkan seorang tokoh seni di peringkat beribu orang lain sedangkan P. Ramtee hanya seorang sahaja dan dikatakan oleh seorang tokoh lain mungkin 50 tahun lagi seorang P. Ramtee tidak akan timbul di negara ini,

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita memperkatakan satu penghormatan seperti "Datuk" atau

"Tan Sri", kita juga harus membandingkan dengan apa yang berlaku di dalam pencapaian tokoh-tokoh di lapangan lain. Dengan hormatnya saya katakan, bukan saya hendak menghina ataupun merendahkan hemah orang lain, kita kadang-kadang dapati orang-orang yang sudah berpangkat dan dalam menjalankan pangkatnya mereka mendapat tempat yang baik, mereka mendapat gaji yang baik—beribu-ribu, tujuh lapan ribu sebulan, tidak payah sebut jawatan mereka, tetapi mereka mendapat gelaran "Tan Sri" ataupun "Datuk". Kadang-kadang "Datuk" itu mereka mendapat sampai 5-6 "Datuk" sedangkan mereka berjasa di dalam jawatan dengan gaji, dengan "perks" dan dengan segala kehormatan yang ada pada mereka. Tetapi mereka ramai, hanya seorang P. Ramlee sahaja yang belum dianugerahkan satu gelaran "Datuk" ataupun "Tan Sri". Ada juga tokoh-tokoh tertentu mendapat Tan Sri lebih daripada satu, jadi apa salahnya kita beri secara "posthumously" dan saya harap mendapat sokongan sentimen daripada Dewan yang mulia ini yang menganugerahkan kepada Allahyarham P. Ramlee satu gelaran sama ada "Datuk" ataupun "Tan Sri"; mungkin "Tun" terlalu tinggi.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah kena pada waktunya bukan sahaja \$400,000 harus diperuntukkan kepada Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee tetapi saya rasa mungkin lebih daripada itu, yang lebih patut kita cadangkan untuk maksud yang sama. Tetapi, walau bagaimanapun, dengan mendengar tujuan-tujuan yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi, saya percaya sudah terdapat satu kesedaran bukan sahaja kita hendak memelihara apa-apa sahaja pusaka dan pustaka yang

ditinggalkan oleh Allahyrham P. Ramlee di dalam bidang seni, tilem lebih-lebih lagi, tetapi juga kesedaran bahawa pengiktirafan kepada beliau bukan sahaja pengiktirafan dari orang Melayu tetapi juga pengiktirafan dari negara ini yang terdiri daripada berbagai keturunan dan berbagai rasa di dalam negara ini sepertimana yang boleh saya kesani daripada ucapan yang begitu padat dan bererti dari saudara kita Ahli dari Ipoh sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menyokong usul Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee elok juga saya menyebut sedikit sebanyak apa yang tidak disebutkan oleh saudara-saudara kita daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas ataupun Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong tadi iaitu mengenai apa yang telah ditalui oleh seniman agung Allahyarham P. Ramlee ini. Rasanya satu kegiatan atau aktiviti seni harus kita perembangkan di dalam diri anak-anak muda pada waktu ini kerana daripada sejarahnya P. Ramlee ini teiah mencapai satu kejayaan ketika beliau masih berumur 20an lagi.

Pada tahun 1956 beliau telah dipilih sebagai penggubah lagu latarbelakang yang paling baik di Asia menerusi filem Hang Tuah iaitu pada tahun 1956, ketika itu beliau belum lagi 30 tahun dan dalam tahun 1957 beliau telah dipilih sebagai the best actor ataupun pelakon terbaik di Asia. Ini merupakan saya rasa sumber-sumber ilham, sumber-sumber galakan yang perlu kita tanamkan di dalam anak-anak muda kita supaya mereka betul-betul berusaha untuk menjadi ahli seni yang besar, bukanlah sekadar ahli seni untuk berlakun drama di TV ataupun drama swasta sahaja yang kita boleh tonton tiap-tiap minggu di peti TV. Begitu juga bukannya sekadar untuk menjadi ahli seni yang hanya boleh menyanyi di lobi hotel ataupun di

tempat-tempat tertentu hanya untuk sementara waktu sahaja tetapi kita harus menggunakan ilham yang boleh dicetuskan oleh pengalaman P. Ramlee ini untuk menggalakkan anak-anak muda kita untuk menjadi seniman agung bukan sahaja diiktiraf di negara kita tetapi juga di seluruh negara Asia.

Dalam umurnya 30an kalau tidak silap saya dalam tahun 1962 ataupun 1963 beliau telah dipilih sebagai the mostly versatile actor, itu juga untuk negara Asia. Inilah saya rasa kualiti-kualiti yang beliau harus diberi penghormatan posthumously dan juga harus menjadi sumber ilham kepada bakat-bakat seni kita bukan sahaja terdiri daripada orang keturunan Melayu tetapi juga semua keturunan di negara kita ini.

Jadi, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee ini dan dengan itu saya mengakhiri dengan ucapan berbilang terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Bukit Gantang.

5.45ptg.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan (Bukit Gantang): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas peluang ini untuk saya turut serta membahaskan, untuk menambah satu butiran baru untuk menubuhkan satu Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee yang telah pun dibentangkan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Sesungguhnya saya turut serta menyokong seperti rakan-rakan saya Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain tentang pentingnya tabung ini ditubuhkan dan mendapat sambutan daripada Kerajaan serta rakyat pada keseluruhannya, lebih-lebih lagi

apabila kita kenangkan tentang peranan Allahyarham P. Ramlee semasa hayat beliau yang mana pada ketika itu beliau merupakan seorang makhluk yang telah dapat bukan sahaja mempertingkatkan seni negara dalam negara sendiri tetapi bakat beliau telah dapat diterima, diminati oleh banyak negara di rantau ASEAN ini dan mungkin di lain-lain tempat di mana dengan secara tidak langsung telah pun mengenal dan memajukan nama baik negara kita pada ketika itu, yang mana perindustrian perfileman Malaya amat terkenal sekali malah lebih hebat daripada perindustrian perfileman daripada negara Indonesia, Filipina dan sebagainya. Ini satu perkara yang benar-benar istimewa dan setujulah kita patut sangat memberi setinggi-tinggi penghormatan kepada Allahyarham P. Ramlee dengan kemampuan beliau mengibarkan bendera Malaya pada ketika itu di seluruh negara-negara yang berjiran dengan negara kita. Dan lebih-lebih istimewa lagi ialah oleh kerana pada ketika itu beliau hanya bekerja mengusahakan bahan-bahan seni, beliau boleh dikatakan dengan secara tersendiri sahaja tanpa bantuan, tanpa sokongan oleh mana-mana pihak, lebih-lebih lagi daripada pihak Kerajaan. Tetapi pada masa sekarang yang mana Kerajaan dengan begitu sungguh-sungguh melalui Kementerian Penerangan dan lain-lain Kementerian memberi berbagai-bagai galakan, berbagai-bagai pertolongan dan sumbangan untuk menaikkan prestasi seni, budaya negara kita.

Zaman Allahyarham P. Ramlee ketika itu negara pun belum merdeka dan tidak ada mana-mana pihak, mana-mana badan yang benar-benar memberi sumbangan, bantuan kepada Allahyarham P. Ramlee. Di dalam keadaan sebegitu teruk pun beliau dapat membawa begitu banyak kejayaan, begitu tinggi pencapaian bagi beliau mempertengahan seni budaya Metayu bukan sahaja di negara

kita bahkan di negara-negara yang berjiran yang mana pada ketika itu Malayalah merupakan negara yang paling maju, paling berjaya daripada segi perindustrian perfileman. Maka amat baik dan amat patutlah pihak Kerajaan dan kita semua selain daripada menghormati, mengenang jasa-jasa Allahyarham P. Ramlee terus berusaha untuk menubuhkan dan menyokong Kumpulanwang Amanah ini dan seterusnya berikhtiar bersungguh-sungguh untuk melihatkan agar tabung ini bukan sahaja setakat ditubuhkan sahaja malah kalau boleh diberi bantuan, diberi sokongan dari semasa ke semasa hingga tabung ini akan dapat benar-benar menjadi tabung yang boleh memperingati perjuangan Allahyarham P. Ramlee buat selama-lamanya bagi kepentingan kebudayaan negara dan kebudayaan nasional.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi penubuhan Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee ini kita perlu fikirkan tentang cara-cara kita hendak tubuhkan dan seterusnya menentukan ianya berjaya. Dan daripada segi itu amat penting sekali pihak Kerajaan menentukan jawatankuasa pentadbir kepada tabung ini benar-benar orang bukan sahaja beramanah tetapi juga yang tahu, minat dan sanggup menguruskan tabung ini agar ianya mencapai matlamat yang dikehendaki dan matlamat yang mana tabung ini diwujudkan. Maka selain daripada pegawai-pegawai Kerajaan daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang tentunya akan mengepal Jawatankuasa Pentadbir pada tabung ini perlu juga ditarik, dibawa masuk orang-orang yang tertentu dalam bidang seni, dari pihak swasta, dah pihak perdagangan yang mana boleh menyumbangkan pendapat, fikiran dan khidmat bagi memastikan agar tabung ini dapat ditadbirkan dengan sebaik mungkin agar penghormatan yang kita ingin berikan kepada seorang

manusia yang benar-benar telah berjaya dalam bidang seni ini tidak menjadi perkara yang boleh kita merasai sedih apabila ia tidak dapat mencapai matlamat seperti yang dihajati oleh kita semua. Dan daripada itu juga pihak Kerajaan selain daripada memperuntukkan wang yang sebanyak \$400,000 itu, perlu juga ditimbangkan dari masa ke semasa untuk menokohtambahkan peruntukan agar dapat diperlihatkan supaya tabung ini dapat berjalan dengan baik dan kukuh daripada segi kewangannya.

Sebagai menggalakkan dan sebagai kita ingin memperkukuhkan lagi tabung ini, perlu juga pihak Kerajaan ataupun mungkin pihak jawatankuasa tabung yang berkenaan ini supaya berusaha untuk mendapatkan pengecualian cukai daripada sumbangan-sumbangan ataupun derma-derma yang bakal dikutip oleh pihak tabung ini daripada orang ramai kerana ini penting untuk kita menggalakkan orang-orang tertentu, syarikat-syarikat tertentu untuk menyumbangkan derma-derma mereka bagi memperkukuhkan tabung yang dimaksudkan itu. Tanpa pengecualian cukai, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi meleset ini mungkin payah sedikit pihak jawatankuasa tabung ini untuk menarik penderma-penderma dan untuk memperkukuhkan lagi kewangan tabung yang berkenaan. Maka pihak Kerajaan pun patut sangatlah memberi segala kerjasama, segala sokongan dan bantuan agar pengecualian cukai pada derma untuk tabung ini dapat diluluskan dan diberikan dengan kadar secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, apabila tabung ini ditubuhkan kelak dan telah pun kuat maka penting juga jawatankuasa ini merancangkan berbagai-bagai program dan aktiviti-aktiviti bagi mempertingkatkan bidang seni dalam negara dan luar. Dengan

mewujudkan kalau boleh beberapa biasiswa-biasiswa untuk kita menghantarkan bakat-bakat yang sedia ada dalam negara kita ini untuk mempertingkatkan ilmu-ilmu mereka di tempat-tempat yang tertentu seperti di Amerika Syarikat di Eropah, di Jepun dan sebagainya dengan Tabung Peringatan ataupun Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee ini dengan boleh kita, dengan satu kekuatan kewangan yang banyak boleh kita mencungkil, mengasuh dan mendidik bakat-bakat anak watan untuk mendapat pendedahan pelajaran dan ilmu dalam berbagai-bagai bidang seni yang mana pada ketika ini terdapat agak kekurangan biasiswa-biasiswa bagi kita menghantar anak-anak kita untuk menguasai atau mempelajari bidang-bidang yang tertentu dalam bidang seni. Oleh kerana seni ini pun satu bidang yang mana boleh kita memperkenalkan negara kita ini dalam usaha Kerajaan untuk menggalakkan pelancongan dan sebagainya, ketika ini untuk selain daripada menarik pelancong, juga kita hendak menambahkan pendapatan daripada wang asing. Dan kalau dapat kita contohnya menonjolkan bakat-bakat yang tertentu dalam bidang-bidang yang tertentu, tentu sekali negara kita akan dapat diperkenalkan dan mungkin kita akaadapat menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong datang melawat ke negara kita.

Kita semua sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, bahawasanya negara kita mempunyai rakyat jelata yang benar-benar berbakat, yang natural, yang dijadikan semula jadi, tetapi malangnya tak dapat dibentuk, tak dapat dididik dan dilatih dengan secara teratur dan tersusun menyeluruh, maka bakat yang tidak ada itu jika tak dapat diasuh dengan baik dan tak dapat dibawa ke peringkat yang tertentu di kalangan ASEAN, Asia ataupun di dunia. Dengan adanya satu tabung yang kukuh, dengan adanya

penyusunan, dengan adanya perancangan yang teliti oleh orang-orang yang tertentu, yang minat, yang tahu tentang seluk-seluk bidang seni ini, saya yakin kita dapat mewujudkan banyak lagi peluang-peluang kepada anak watan kita untuk menceburi dalam bidang-bidang tertentu ini dan juga mencapai prestasi yang tinggi di kalangan dunia seni antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, tabung ini juga kalau sudah kuat esok boleh juga menjelajah dan menembusi market-market antarabangsa untuk kita menjualkan bahan-bahan seni kita untuk juga dapat dikenali negara kita oleh dunia luar dan juga mendapat dagangan daripada negara-negara yang boleh membeli bahan-bahan seni kita sekiranya dapat kita wujudkan bahan-bahan seperti lagu-lagu, hasil-hasilan yang lain yang boleh mendapat pameran ataupun market-market antarabangsa. Kita pun tahu bahawasanya Bahasa Melayu contohnya, alunannya, bunyinya itu contohnya, boleh diterima oleh orang-orang di Eropah oleh kerana cara orang-orang Melayu menyanyi, bercakap itu lebihkurang bahasa French ataupun Italian sebagai contoh yang mana market ataupun pasaran kalau betul dipromotekan boleh kita dapati di negara-negara Eropah, tetapi setakat ini kita belum nampak lagi usaha-usaha yang benar-benar bersungguh-sungguh menyeluruh dan mendalam bagi pihak kita menceburi ataupun memasuki pasaran-pasaran antarabangsa yang mana ini satu kelemahan yang boleh diperbaiki sekiranya sebuah tabung diwujudkan dan kewangannya kukuh dan ada pula orang-orang yang tertentu yang boleh mentadbirkan dan merancangkan berbagai-bagai strategi untuk kita capture, dengan izin, market di antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, itu beberapa perkara yang dapat saya sampaikan dalam saya membahaskan serta menyokong pengwujudan sebuah

Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee dan saya juga tak lupa menyokong sahabat-sahabat saya tadi yang telah pun mengutarakan supaya suatu penghormatan, posthumously, dengan izin, untuk diberikan kepada AHahyarham P. Ramlee agar benar-benar dibuatkan oleh pihak Kerajaan di atas sumbangan-sumbangan beliau kepada negara, kepada seni dan kepada kebudayaan negara kita. Walaupun agak terlewat sedikit tetapi biar lewat asalkan selamat, seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan tadi maka mungkin benda itu telah ketinggalan pada masa-masa yang lampau, mungkin sekarang ini kita boleh pula memikirkan agar suatu penghormatan ataupun gelaran diberikan kepada Allahyarham P. Ramlee sebagai mengenang dan menghormati jasa beliau kepada negara, kepada seni dan kepada kebudayaan negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya sekali lagi menyokong sepenuhnya penambahan butiran baru dalam Akta Acara Kewangan, 1957 dipinda dan diwujudkan Tabung Kumpulanwang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuala Kerai.

5.55ptg.

Tuan Mohamed bin Haji Isa (Kuala Kerai): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian sama di dalam perbahasan Rang Undang-undang berhubung dengan Tabung Amanah Peringatan P. Ramlee yang dibentangkan di dalam Dewan ini sekejap tadi.

Bersama-sama dengan rakan-rakan saya Ahli-ahli yang bercakap sebelum daripada saya ini, saya juga suka

mengambil bahagian yang sama untuk menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah telah kena pada masa dan ketikanya Kerajaan memberikan perhatian dan penilaian kepada seorang seniman agung yang telah berjasa kepada negara di dalam bidang seni dan kebudayaan di negara kita sebagaimana yang telah dilakukan oleh Allahyarham P. Ramlee terhadap perkembangan seni lakon dan kebudayaan di negara kita pada satu ketika dahulu. Kesan daripada pengorbanan Allahyarham itu sehingga hari ini, walaupun telah beberapa tahun Allahyarham telah meninggalkan kita, tetap kesannya masih lagi melekat dan diingati oleh setiap rakyat yang cintakan kepada kebudayaan dan seni dan lakonan di negara kita pada masa ini.

Maka dengan sebab itu, Kerajaan pada hari ini membentangkan satu Usul bagi meminda Akta Acara Kewangan, 1957 untuk menambahkan butiran baru "Tabung Kumpulan Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee" dengan wang sebanyak \$400,000 dan pada anggaran saya wang sebanyak \$400,000 itu masih lagi kecil kalau hendak dibandingkan dengan pengorbanan yang ditunjuk dan diberikan oleh Allahyarham P. Ramlee kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menambahkan Tabung Kewangan yang sedia ada, maka adalah wajar saya menyeru kepada setiap rakyat di negara kita yang cintakan kepada seni dan kebudayaan, khususnya kebudayaan Melayu dan Kebudayaan Kebangsaan, apakah tidak boleh sekiranya setiap orang rakyat di negara kita memberikan sumbangan sebanyak satu ringgit seorang kepada Tabung Amanah Peringatan P. Ramlee ini. Kalau setiap rakyat, tanpa mengira kaum dan keturunan di negara kita mengorbankan sumbangan sebanyak

satu ringgit seorang maka bererti Tabung ini akan meningkat berbelas-belas juta.

Apabila Tabung ini mempunyai kewangan yang banyak, sebagaimana yang diutarakan oleh beberapa orang rakan-rakan saya sebelum daripada ini, kita akan dapat mewujudkan dan memberi pertolongan kepada pelajaran anak-anak miskin dengan mewujudkan bantuan dan sumbangan bagi meninggikan mutu lakonan dan seni serta kebudayaan negara kita.

Selain daripada itu, para artis di negara kita adalah juga wajar diminta supaya memberi sumbangan dengan menganjurkan pertunjukan-pertunjukan amal untuk menambahkan Tabung Kumpulan-wang Amanah Peringatan P. Ramlee ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dari segi politik kita memperingati tokoh-tokoh negara kita yang memperjuangkan negara kita sama ada untuk menuntut kemerdekaan ataupun untuk menentang penjajahan semasa dahulu, maka adalah wajar bagi setiap rakyat di negara kita juga memperingati dan menyokong segala bentuk dan sumbangan kepada seorang hamba Allah yang memperjuangkan seni dan lakonan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat bagaimanakah sumbangan yang telah diberikan oleh Allahyarham kepadaperkembangan-perkembangan kebudayaan, lakonan dan sebagainya dan sambutan-sambutan yang begitu baik sehingga ke hari ini kita tidak dapat menafikan dari segi lakonan filem dan lain-lain lagi, pelakon-pelakon di negara kita yang boleh mengatasi bagaimana yang ada kebolehan dan kelayakan serta sifat-sifat yang wujud daripada Allahyarham P. Ramlee. Walaupun telah banyak pelakon-pelakon dan pencipta-pencipta yang lahir di negara kita tetapi sumbangan dan juga

kelebihan yang ada kepada Allahyarham itu sebagai seorang seniman agung negara tidak dapat lagi kita atasi pada hari ini.

Maka, memanglah wajar Tabung ini yang diwujudkan oleh Kerajaan, walaupun sebagaimana yang rakan-rakan saya katakan tadi sepatutnya Tabung ini telah lama diwujudkan, tetapi di atas kesedaran dan keinsatan pemimpin-pemimpin dan Kerajaan serta rakyat di Malaysia ini dan tanpa mengira kedudukan mereka, mudah-mudahan Tabung ini akan mendapat sambutan yang baik di kalangan semua rakyat di negara kita dan menunjukkan bahawasanya Kerajaan kita mengingati segala jasa-jasa rakyat baik di dalam bentuk apa sekalipun yang ditunjukkan oleh setiap rakyat di negara kita ini, sama ada di dalam bentuk seni, politik, agama dan sebagainya.

Maka adalah wajar juga di samping kita mengingati seniman agung ini, sama-sama pula kita mengingati pejuang-pejuang yang menentang penjajah semasa dahulu. Kenapakah kita tidak dapat mewujudkan Tabung Pahlawan Dato' Bahaman, kenapakah kita tidak dapat mewujudkan Tabung Amanah Mat Kilau ataupun lain-lain pejuang yang menentang penjajah semasa dahulu? Mereka ini juga adalah sebagai pejuang-pejuang yang mewarisi negara kita, yang mana semangat mereka tidak luntur yang diamalkan dan yang ditinggalkan kepada anak cucu kita pada masa ini. Dengan cara ini barulah kita dapat, Tuan Yang di-Pertua, memberikan fahaman yang jelas kepada generasi kita yang akan datang bahawasanya di negara kita ini bukan satu atau bukan dua pejuang-pejuang atau pemimpin-pemimpin di dalam bidang-bidang yang tertentu. Bukan sahaja dalam bidang seni lakon, bukan sahaja dalam bidang politik, bahkan juga dari segi bidang perjuangan menentang penjajahan dan sebagainya.

Oleh sebab itu, apabila sahaja kita lahirkan dan menerangkan kepada generasi kita, maka akan hilanglah, sebagai satu generasi yang akan mengingati bagaimanakah jasa-jasa yang ditunjukkan oleh datuk-nenek mereka dan kita bimbang dan kita takut di dalam suasana hari ini, generasi-generasi kita akan lupa akan hasil perjuangan datuk-nenek mereka, maka di waktu itulah akan berlaku sesuatu yang boleh merosakkan tahaman dari segi lakonan atau tarian dan juga dari segi kebudayaan negara kita ini yang akan menjadi tercemar dan terusik disebabkan fahaman dan penjelasan yang generasi baru tidak terima.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh di dalam perbincangan ini berhubung dengan sambutan para penyanyi dan artis kita yang mana pada masa ini kita dapati ramai penghibur-penghibur daripada luar negara kita yang datang mencari rezki di dalam negara kita dengan mendapat sambutan yang baik tetapi amat kurang sekali para artis kita dapat ditunjukkan di dalam persembahan-persembahan dengan mendapat sambutan yang baik. Maka ini juga perlu dikaji dan Kerajaan mengambil perhatian, saya bimbang dan saya takut kalau-kalau negara kita ini akan menjadi melempah kedatangan para artis daripada negara-negara lain. Ini juga akan menjejaskan pendapatan dan pencarian para artis tempatan kita. Jadi mengapakah Kerajaan tidak membuat kawalan kemasukan para artis, penyanyi dan sebagainya, walaupun mungkin bayarannya berkurangan kalau hendak dibandingkan dengan bayaran-bayaran yang patut dibayar kepada artis-artis tempatan, tetapi demi untuk menjaga kepentingan para artis tempatan perlulah juga Kerajaan membuat kawalan di dalam soal kemasukan para artis dan pelakon daripada luar negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sedikit sebanyak yang dapat saya

lahirkan, mengambil bahagian sama di dalam perbahasan ini. Dengan itu saya menyokong sama penubuhan Tabung Kumpulan Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee yang dibentangkan di sini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Larut.

6.13 ptg.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan (Larut): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong penubuhan Tabung Kumpulan Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee bersama-sama rakan-rakan lain, kerana kita dapati bahawa P. Ramlee sebagai tanda legenda yang mana tidak boleh dilupakan oleh semua rakyat Malaysia, semoga jasa-jasa yang baik itu akan menolong kita mencari harmoni di dalam negara yang berlainan kaum dan agama.

Sokongan yang diberi oleh Kerajaan umpamanya, saya percaya boleh menolong untuk mengembangkan lagi kebudayaan bangsa yang berteraskan kebudayaan Melayu bagi kepentingan semua rakyat. Kalaulah P. Ramlee umpamanya pandai menyanyi supaya orang bercinta, dia juga pandai menyanyi supaya kita jangan bergaduh ataupun supaya kita hidup berharmoni di antara kita semua dan perpaduan yang mana kita berikrar kepada rakyat untuk hidup berpadu.

Tuan-tuan dan puan-puan. Tuan Yang di-Pertua, minta maaf (*Ketawa*). . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ya, saya sedar Yang Berhormat banyak berkempen! (*Ketawa*)

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kalaulah kita bawa di Dewan

ini mungkin Kementerian berkenaan bersetuju iaitu buat masa ini Muzium P. Ramlee adakah terletak di sebuah rumah corner di Jalan Dedap yang begitu kecil dan keretanya bukan Rolls Royce. Jadi saya percaya elok benar kalau kita buat satu Muzium P. Ramlee di Lake Garden umpamanya, kerana di situlah ramai pelancong-pelancong luar negeri berkeliaran. Kalaulah di Jalan Dedap umpamanya tidak siapa yang dapat singgah walaupun mereka dalam perjalanan pergi ke Zoo Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah Muzium P. Ramlee ini dapat didirikan di tempat seperti itu nescaya kita dapat menunjukkan kepada pelancong-pelancong yang datang dari luar negeri mengenal dan menikmati lagu-lagu dan seni bangsa kita. Kalaulah kita pergi ke London umpamanya semua orang menuju hendak melihat "Madame Tussaud", biarlah pelancong-pelancong yang datang ke Malaysia ini semuanya akan pergi ke Muzium P. Ramlee yang mungkin dibina seperti saya usulkan tadi di Lake Garden. Jadi soal bantuan seperti ini ataupun Kumpulanwang Amanah ini saya sangatlah hargai dan saya juga menyarankan supaya orang-orang kaya atau philanthropists, dengan izin, juga mengambil bahagian untuk membantu Tabung ini. Dengan bantuan-bantuan dari mereka itu kita dapatlah mengekalkan legenda P. Ramlee itu. Saya juga bersetuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bahawa gelaran yang diberi itu bukan setakat "Tan Sri" ataupun "Dato", saya rasa kalau kita beri "Tun" pun mungkin tidak ada orang yang boleh mendapat "Tun" dengan cara P. Ramlee dapati.

Kalaulah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar umpamanya bermegah dengan Karyaneka yang dijalan di Jalan Bukit Bintang, Saya percaya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam usahanya meninggikan kebudayaan dan kesenian bangsa dan negara

bolehlah memberi sumbangan supaya muzium yang lebih sesuai dan yang boleh menarik pelancong didirikan di tempat yang sesuai sepertimana yang saya sebut tadi.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Tabung Kumpulan Wang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran); Yang Berhormat dari Tanah Merah.

6.17ptg.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut menyokong dan membahaskan cadangan untuk menubuhkan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberitahu Dewan ini bahawa P. Ramlee masih hidup. Beliau sekarang berada di kawasan saya sendiri di Tanah Merah, bertugas sebagai seorang pegawai dibawah Jabatan KESEDAR selaku Penyelia Tanah Rancangan. Tetapi P. Ramlee ini tidak boleh menyanyi, tidak pandai berlakon, apatah lagi berkomed. P. Ramlee ini adalah seorang pegawai Kerajaan yang nama "P. Ramlee" telah diabadikan oleh seorang bapa yang mencintai P. Ramlee. Kalau seorang kampung, seorang desa yang boleh menghargai jasa-jasa yang telah dibuat oleh Allahyarham P. Ramlee memang wajar dan patutlah kita dan Kerajaan menubuhkan Tabung ini dan saya bersama-sama dengan rakan-rakan tadi turut menyokong agar Allahyarham P. Ramlee diberi gelaran setinggi yang mungkin, kerana tujuan-tujuan yang akan kita buat selepas daripada itu. Misalnya setelah seorang kampung dapat menghargai jasa dan bakti P. Ramlee melalui bidang seninya dan sekarang Kerajaan melalui penubuhan

Tabung Kumpulan Wang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee pula menghargai dengan penganugerahan darjah kebesaran dan sebagainya, insya Allah, barang kali ini dapat mempertingkatkan keyakinan rakyat di atas keagungan P. Ramlee itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, memang jasa-jasa Allahyarham P. Ramlee begitu besar dan begitu agung sekali dan setelah penubuhan Tabung ini dapatlah kiranya pihak Kementerian ataupun Jabatan-jabatan lain turut memainkan peranan untuk kita memuncakkan keagungan Allahyarham P. Ramlee itu.

Misalnya, saya suka mencadangkan lagu-lagu yang tidak begitu acap dimainkan oleh RTM, lagu-lagu Allahyarham P. Ramlee perlu kita acapkan kerana memang lagu-lagu ini jika kita teliti ianya membawa banyak unsur-unsur keharmonian dan juga unsur-unsur yang membawa kebaikan kepada keharmonian sosial terutama di kalangan muda-mudi. Saya suka juga mencadangkan pihak RTM sendiri supaya mengkhususkan satu sudut atau ruang masa khas untuk memutarakan dengan acap lagu-lagu Allahyarham P. Ramlee.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Televisyen Malaysia yang juga di bawah Kementerian Penerangan, saya suka mencadangkan untuk mempertingkatkan lagi keagungan Allahyarham P. Ramlee supaya filem-filem P. Ramlee yang mempunyai unsur-unsur yang baik, unsur-unsur pengajaran, unsur-unsur jangka panjang dan sebagainya dapat ditayangkan. Sebagai contoh, saya suka menarik sebagai satu pandangan jauh Allahyarham P. Ramlee ialah mengenai cerita "Musang Berjanggut" di mana cerita "Musang Berjanggut" membawa satu pesanan (message) kepada masyarakat, terutamanya di kalangan pemimpin-pemimpin supaya tidak hipokerit dengan tujuan-tujuan tertentu sehingga di kalangan

pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar masa itu mereka mempunyai sifat yang hipokerit dan akhirnya tertangkap kerana tujuan yang tertentu dan ini satu perkara yang kalau kita lihat merupakan bentuk jenaka, tetapi sindirannya begitu mendalam yang harus kita ambil untuk pengajaran kepada kesemua lapisan.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah perkara ini dapat bersama-sama kita perembangkan, mudah-mudahan melalui penubuhan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee ini ianya akan memberi satu sumbangan yang besar dan berguna kepada bidang seni dan sampailah masanya kita menghargai tokoh-tokoh seni seperti ini untuk kepentingan seni kepada perkembangan bangsa dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong dan turut menyokong cadangan untuk menubuhkan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sila Yang Berhormat.

6.22 ptg.

Tuan Ghazali bin Ahmad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut menyokong sepertimana dengan rakan-rakan saya juga dalam Tabung Kumpulan Wang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee.

Sebut sahaja P. Ramlee kepada dunia kawasan-kawasan nusantara ini, di Malaysia dan juga Indonesia dan sekiranya nama ini sudah agung. Keagungan ini memang diketahui setelah Allahyarham P. Ramlee melalui berbagai-bagai liku hidup dari bawah dengan penderitaan dan banyak tangisan sehingga menjadi satu kenyataan hari ini Kerajaan dan rakyat telah pun menyatakan penghargaan yang besar kepada tokoh agung ini. Walaupun beliau terlebih lama

meninggalkan kita, walaupun sudah lama tidak dikenang, mungkin separuhnya sudah dilupai, tetapi sekarang sudah terubat kepada para seniman dan para artis kita. Inilah satu penghargaan Kerajaan dan pemimpin negara kita bukan sahaja daripada pihak Kerajaan dan juga Pembangkang turut bersama menghargai khidmat yang telah dibuat oleh seniman agung kita ataupun seniman negara kita ini. Penghargaan ini jugalah dapat memberi satu contoh kepada para seniman dan artis-artis kita supaya mereka lebih berusaha sedapat mungkin, kalau boleh akan muncul lagi beberapa orang lagi P. Ramlee pada masa-masa hadapan.

Kita juga banyak mendengar kisah-kisah penderitaan yang dialami yang dirasai oleh para artis dan para seniman-seniman kita di negara kita, ada juga yang terlantar yang tidak diketahui keadaan nasibnya di rumah-rumah sakit dan sebagainya. Kadang-kadang kita sentiasa dihibur oleh mereka dengan berbagai hiburan yang mencuitkan hati kita dan mencuitkan hati anak-anak kita, tetapi khidmat mereka sepertilah lilin membakar dan di mana penghargaan orang ramai kepada mereka amat sedikit. Oleh yang demikian, kalau pada hari ini di Dewan yang mulia ini pemimpin-pemimpin telah berucap dari semua sudut membincangkan dengan peruntukan ini menyokong peruntukan ini, sudah bukti bahawa seluruh kita menghargai khidmat yang dibuat oleh para seniman dan seniwati serta para artis kita.

Tuan Yang di-Pertua, P. Ramlee merupakan tokoh utama di dalam menyampaikan mesej menerusi komidinya dan juga dalam lagu-lagunya dan juga senikata-senikata dalam lagu-lagu yang dipersembahkan dan ini juga telah pun banyak dapat dinyanyikan oleh bukan sahaja dari lidah orang-orang keturunan Melayu, malahan dahpada semua kaum dalam negara kita telah dapat menyanyikan

lagu-lagu yang didendangkan oleh Allahyarham itu. Kita rasa dengan lagu-lagu yang popular daripada tahun 40an, 50an dan 60an P. Ramlee telah menunjukkan sesuatu yang baik menjaga keperibadian bangsa dan menjaga perpaduan kaum serta memajukan dalam pergolakan mengembangkan Bahasa Kebangsaan kita. Ini satu keadaan yang sungguh kita amat menarik hati kerana peranan beliau selama itu yang kadangkala dianggap sepi setengah pihak.

Saya menyokong pandangan dahpada saudara saya beberapa orang tadi tentang hanya satu pingat penghargaan sahaja yang kita berikan, iaitu Bintang Ahli Mangku Negara (A.M.N.). Apakah salahnya kalau untuk akhir-akhir ini Kerajaan menimbang semula supaya satu penghormatan yang lebih tinggi lagi penghargaan yang diberikan kepada beliau dan supaya kita dapat abadikan nama beliau dengan satu gelaran yang begitu istimewa sebagai seorang artis, seorang seniman negara dan biduan negara yang patut kita banggakan di zaman ini.

Sepertimana kita tahu walaupun Allahyarham sudah pergi beberapa tahun dan sehingga masa kini belum ada lagi penggantinya yang boleh berlakun, yang boleh bernyanyi, yang boleh berjenaka, yang boleh jadi pengarah, yang boleh jadi banyak perkara dalam bidang seni suara, seni tari dan berbagai-bagai lagi yang belum kita terdapat. Jadi saya rasa dengan adanya perbincangan ini sedikit-sebanyak menjadi satu ubat yang besar kepada para artis kita dan para seniman kita supaya mereka memahami bahawa segala apa yang mereka buat selama ini mendapat perhatian dan penghargaan, lebih-lebih lagi kepada Allahyarham P. Ramlee yang kita sama-sama sebutkan ini. Inilah yang kita rasa amat bertuah sekali Dewan kita yang mulia pada petang ini membahaskan satu usul berhubung dengan Tabung

Kumpulan Wang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee, ini satu penghargaan yang amat baik yang kita amat banggakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dengan peruntukan ini bukanlah peruntukan yang begitu besar sekali dengan Tabung Kumpulan Wang Amanah Pustaka Peringatan P. Ramlee. Kalau dengan keadaan kewangan yang ada pada hari ini, maka ini satu peruntukan yang tidak begitu besar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau boleh ringkaskan, Menteri boleh jawab.

Tuan Ghazali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, satu patuh atas kehendak Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, saya selesaikan ucapan saya, sekali lagi saya turut menyokong usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya minta Timbalan Menteri menjawab.

6.29ptg.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan usul yang dibentangkan ini. Nampaknya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dan nampaknya juga Ahli Yang Berhormat dari Ipoh (Parti Pembangkang) itu pun menyokong penubuhan Tabung ini, syabas, dan saya harap semangat ini akan dapat dikekalkan pada masa kelak apabila pihak Kerajaan membentangkan usul-usul atau Rang Undang-undang tain.

Nampaknya semua Ahli-ahli Yang Berhormat pun sangat sentimental apabila memperingati Allahyarham P. Ramlee. Sememangnya Kerajaan sedar akan sumbangan P. Ramlee

kepada kebudayaan negara ini. Ini sebab Kerajaan berasa bahawa satu kumpulan wang amanah perlu ditubuhkan bagi memperingati jasa P. Ramlee.

Tuan Yang di-Pertua, kepada pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas berkenaan dengan objektif tabung ini, sukalah saya menyatakan di sini bahawa dengan adanya tabung ini bermacam-macam aktiviti seperti kesenian yang berhubung dengan filem, muzik, seni lagu dan sebagainya dapat dilakukan dan dimajukan. Kerja-kerja penyelidikan juga dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong, Pustaka P. Ramlee dibuka secara.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa masa sudah cukup. Bolehkah dilanjutkan selepas 6.30?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Sudahilah dengan satu dua perkataan untuk selesaikan ini.

Tuan Loke Yuen Yow: Hanya pendek sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Terima kasih.

Tuan Loke Yuen Yow: Pustaka P. Ramlee dibuka secara rasmi pada 22hbMac,1986.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua mengikut Standing Orders. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sudahilah.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menyentuh cadangan-cadangan yang diberikan oleh semua Yang Berhormat, dengan ini saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya ada kuasa untuk selesaikan masalah, dalam masa saya ada.

Tuan P. Patto: Tetapi Standing Order mengatakan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Walaupun kita.

Tuan P. Patto: Mana kuasa, sila beritahu. Di mana?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ini praktis.

Tuan P. Patto: Mana ada praktis macam ini? Ini praktis yang pertama kali, tak pernah berlaku. Ini hendak bunuh usul Thaipusamlah, apa lagi.

PENANGUHAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3), saya mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

AKTA KAWALAN SEWA 1966 DAN LAPORAN JAWATANKUASA SEMAKAN KAWALAN SEWA

6.02 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Baitdar): Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kajian Kawalan Sewa yang dilantik oleh Kerajaan untuk mengkaji masalah-masalah kawalan

sewa dalam Semenanjung Malaysia telah pun mengemukakan laporannya kepada Kabtnet. Sehingga ke hari ini selepas jangka masa 9 tahun berlalu, tidak pernah terdengar apa-apa berita atau perkembangan tentang laporan itu walaupun pelbagai aduan telah tersiar dalam akhbar-akhbar yang merayu kepada Kerajaan supaya memansuhkan Akta Kawalan Sewa itu.

Pada awal tahun 1985, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan berkata dalam jawapannya kepada satu soalan yang dikemukakan oleh saya bahawa laporan itu sedang dikaji oleh Kerajaan. Sejak itu tidak ada yang memperkatakan tentang Akta Kawalan Sewa ini.

Masa telah tiba bagi Kerajaan memansuhkan Akta Kawalan Sewa Tahun 1966 oleh kerana ianya sudah ketinggalan masa dan tidak lagi sesuai dengan keperluan masa kini. Kewujudan Akta Kawalan Sewa yang berterusan ini telah menjadi satu halangan kepada pembangunan. Suasana sekarang yang ada tidak sesuai dengan kewujudan Akta yang masih kekal. Pelbagai kesusahan telah membebaskan tuanpunya-tuanpunya bangunan. Bangunan-bangunan mereka semakin buruk. Lebih kurang 60% dari rumah-rumah yang ada dalam Semenanjung Malaysia terletak di bawah peruntukan Akta ini.

Memandangkan betapa seriusnya masalah ini, maka saya menyeru Kementerian berkenaan supaya bertindak ke atas perkara ini dengan tujuan untuk mendapatkan keputusan awal Kabinet tentang laporan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa Kajian Kawalan Sewa pada kira-kira 9 tahun yang lalu. Satu keputusan yang awal amat diperlukan untuk membantu menyelesaikan masalah-masalah yang terlibat dalam Akta ini di samping memastikan sama ada Akta ini patut dimansuhkan atau digantikan dengan undang-undang yang lebih sesuai

seperti Tribunal Peraturan Sewa, atau dengan izin, dalam bahasa Inggeris, Rent Regulatory Tribunal. Sekian.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara mengenai Akta Kawalan Sewa 1966, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sememangnya sedang berusaha untuk menyegerakan kerja-kerja semakan ke atas Akta Kawalan Sewa 1966 untuk memastikan dan seterusnya membuat keputusan sama ada Akta tersebut hendaklah dimansuh atau dipinda sahaja. Bagaimanapun, oleh kerana sebarang tindakan yang diambil akan melibatkan segolongan besar rakyat yang terdiri daripada tuanpunya bangunan, dan juga penyewa, dengan izin, tenant dan sub-tenant, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu meneliti secara terperinci akan implikasinya dari segala aspek. Apa-apa keputusan yang akan dibuat perlu mengambil kira kepentingan semua pihak yang terlibat serta selaras pula dengan Dasar Pembangunan Negara secara keseluruhannya.

Saya bersetuju bahawa bangunan-bangunan yang dikawal di bawah Akta ini adalah tidak sesuai dan banyak kerosakan-kerosakan yang telah berlaku. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga mempunyai pandangan bahawa Akta ini tidak begitu sesuai di masa ini, tetapi perlu kajian terperinci. Berdasarkan hakikat dalam usaha mengkaji semula ke atas Akta Kawalan Sewa 1966 ini, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memastikan bahawa apa-apa keputusan yang diambil tidak dibuat secara tergesa-gesa hingga boleh menimbulkan implikasi yang tidak baik ke atas semua pihak yang terlibat.

KOPERASI MENGAMBIL DEPOSIT—BAYARAN KEDUA

6.37ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka):

Tuan Yang di-Pertua, sejak bayaran pertama di antara 10%-20% oleh Bank Negara kepada pendeposit-pendeposit koperasi sebelum Tahun Baru Cina, belum terdapat apa-apa maklumat atau butir-butir mengenai bayaran selanjutnya. Jelas penerima-penerima serta birokrat-birokrat Bank Negara yang berselesa di dalam bilik hawa dingin tidaklah menumpukan perhatian yang segera terhadap skandal ini yang telah meragut 7 nyawa. Sebarang kelambatan atau kelewatan membuat bayaran hanya akan menambahkan kesengsaraan dan penderitaan yang begitu teruk oleh pendeposit-pendeposit yang menjadi lebih runcing lagi dalam keadaan ekonomi yang begitu lembab sekarang.

Sebagai hak pendeposit-pendeposit menuntut bahawa bayaran minima sekurang-kurangnya 25% selewat-lewatnya dibayar pada bulan April, 1987 di mana wang itu adalah wang mereka sendiri. Orang-orang lain yang tidak berkaitan tidak berkuasa untuk menahan balik bayaran wang itu. Jangkamasa untuk bayaran-bayaran baki mestilah ditetapkan sehingga 100%. Bayaran penuh mestilah dibayar, Tuntutan pendeposit-pendeposit untuk bayaran balik penuh adalah munasabah memandangkan Kerajaan mempunyai tanggungjawab di sisi undang-undang kewangan dan moral terhadap pendeposit-pendeposit. Pendeposit-pendeposit boleh dan berpatutan untuk menuntut wang faedah dan pihak Kerajaan patutlah berterima kasih atau bersyukur terhadap pendeposit-pendeposit kerana hanya meminta bayaran 100% itu, ianya hanya menuntut wang pokok sahaja dan bukan keseluruhan wang pokok serta wang faedah.

Kerajaan janganlah cuba mengambil kesempatan ini supaya enggan

membayar balik 100%. Kerajaan mempunyai tanggungjawab undang-undang dan moral untuk membayar balik kerana kegagalan Ketua Pendaftar Koperasi, Haji Abdul Aziz bin Haji Abdu Wahab, menjalankan tugasnya serta jaminan-jaminan umum oleh Kerajaan mengenai kestabilan koperasi. Setakat ini pendeposit-pendeposit masih berasa terkeliru atau bingung mengapa Ketua Pendaftar Koperasi belum lagi dibuang kerja akibat keagalannya menggunakan kuasa untuk mencegah penipuan besar mengawal serta monitor operasi koperasi-koperasi itu. Sekurang-kurangnya Kerajaan patut menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja untuk menentukan sama ada perkara ini betul. Adakah keengganan Kerajaan berbuat demikian kerana bimbang, dengan izin, semua "skeleton in the closet" akan timbul, terutama yang melibatkan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional serta pegawai-pegawai Jabatan Pembangunan Koperasi yang seperti dikatakan oleh Yang Arif Dato' Harun Hashim bahawa mestilah terdapat pegawai-pegawai JPK atau Jabatan Pembangunan Koperasi yang menerima rasuah untuk skandal ini berlaku.

Saya mencabar Kerajaan menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan Diraja. Dan adakah jaminan-jaminan yang diberi oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional tidak diiktiraf? Jaminan seperti Timbalan Perdana Menteri, pemimpin-pemimpin MCA, seperti Yang Berhormat dari Labis dan Yang Berhormat dari Ulu Langat. Adakah ini mengatakan bahawa kata-kata Timbalan Perdana Menteri tidak boleh dipercayai dan tidak mulia? Kerajaan mempunyai tanggungjawab kewangan kerana wang faedah deposit-deposit yang lebih daripada \$10,000 juga dikenakan bayaran cukai iaitu sama taraf dengan cukai yang dikenakan kepada institusi-institusi kewangan.

Kerajaan juga telah menunjukkan sikap diskriminasi terhadap koperasi-koperasi tersebut. Mengapakah Kerajaan boleh menyelamatkan UAB sebanyak \$135.5 juta dan Perwira Habib Bank Sebanyak \$200 juta, akibat penipuan dalam serta pecah amanah oleh pegawai-pegawai atau pengarah-pengarah bank-bank itu, dan layanan yang sama tidak boleh diberi kepada 24 buah koperasi ini iaitu hanya \$33 juta sebuah koperasi. Adakah ini kerana kepentingan ahli-ahli UMNO terlibat seperti penyelamatan \$105 juta untuk Bank Rakyat dan \$2.5 billion untuk Bank Bumiputra? Nyata terdapat dua sistem undang-undang negara ini, satu untuk golongan yang tertentu yang dijagai dengan baik dan satu lagi untuk yang lain yang cacat dan tidak adil.

Suatu kes yang ditunjukkan dengan nyata keadaan ini adalah koperasi Kosmopolitan. Mengapakah sehingga kini Yang Berhormat dari Lembah Pantai belum lagi ditahan akibat kegiatan-kegiatan di Kosmopolitan, di mana beliau menurut Laporan putih melakukan kegiatan yang membayangkan penipuan dan percanggahan kepentingan. Ini adalah serius dari dakwaan terhadap pengarah-pengarah KOMUDA seperti Kee Yong Wee dan Yang Berhormat dari Kuala Lipis kerana mereka hanya dilaporkan melakukan percanggahan kepentingan. Manakala Yang Berhormat dari Lembah Pantai didakwa dalam laporan putih bahawa bukan sahaja melakukan kegiatan percanggahan kepentingan tetapi juga melakukan penipuan yang besar (*Tepuk*). Adalah sangat menyedihkan bahawa MCA tidak mempunyai ketabahan, keberanian untuk menuntut bahawa layanan yang sama diberi kepada Yang Berhormat dari Lembah Pantai itu. Bagaimanakah MCA akan menjaga kepentingan kaum Cina jika mereka tidak bermaya langsung untuk menjaga pemimpin-pemimpin mereka sendiri, tidak bermaya langsung untuk memastikan

bahawa pemimpin-pemimpin UMNO juga diberikan layanan yang sama. Bank Negara dan penerima-penerima bukan sahaja telah gagal untuk mengumumkan bahawa kewajipan mereka adalah untuk menjadi kepentingan pendeposit-pendeposit, tetapi juga kelakuan tidak berbeza dengan pihak Kerajaan.

Gabenor Bank Negara, Datuk Jaafar bin Hussein telah melahirkan kata-kata yang mulia dua bulan lalu terhadap pengarah-pengarah yang korup dan berjanji mengumumkan senarai peminjam-peminjam yang utama serta menyarankan para pendeposit, dengan izin, pressure mereka supaya membayar balik wang pinjaman mereka. Tetapi setakat ini sungguhpun kebenaran telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan senarai ini belum lagi diumumkan. Adakah kerana senarai ini mengandungi nama-nama pemimpin UMNO terutamanya peminjam-peminjam dari koperasi-koperasi Kosmopolitan? Adakah kerana di antara peminjam-peminjam mereka mengandungi dua pemimpin utama UMNO dari Melaka yang mendapat pinjaman sebanyak \$4 juta dari Kosmopolitan? Bank Negara sebagai satu institusi kewangan tidak patut bermain politik, tetapi mesti jaga kepentingan pendeposit-pendeposit. Penerima-penerima juga sejak dilantik belum lagi mengeluarkan apa-apa cadangan untuk menyelamatkan koperasi atau mempercepatkan bayaran balik. Yang mereka hanya tumpukan ialah memperolehi satu perintah dari Mahkamah supaya bayaran upah mereka diberi keutamaan. Saya ingin mengingati penerima bahawa ini bukanlah peluang untuk mendapat keuntungan dengan menindas pendeposit-pendeposit.

Saya ingin bertanya apakah Bank Negara akan menilaikan pelaksanaan tugas mereka? Bagaimanakah scale bayaran ini akan ditentukan? Adalah amat ganjil jika pendeposit-pendeposit terpaksa membayar upah penerima-

penerima yang mungkin membuat keputusan yang tidak memberi faedah kepada pendeposit-pendeposit. Saya menyarankan bahawa satu bayaran nominal dikenakan. Setakat ini pihak para pendeposit telah menderita cukup. Adakah mereka mesti membuat bayaran lanjut kepada penerima-penerima ini? Jelaslah setakat ini penerima-penerima dan Bank Negara hanya menjaga kepentingan politik Barisan Nasional, dan bukan para pendeposit. Ini bukan sahaja satu. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandaran): Satu minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: kegiatan yang tidak profesional. Tetapi juga boleh dikatakan, dengan izin, breach of fiduciary duty. Di sini saya ingin tegaskan bahawa alasan yang sering diberi oleh pihak Kerajaan mengapa tidak mahu menyelamatkan koperasi adalah kerana pendeposit-pendeposit tamak dengan wang faedah yang tinggi tetapi alasan ini tidak rasional langsung, tidak benar. Ini seolah-olah memandang rendah kecerdikan dan mentaliti pendeposit-pendeposit. Kebanyakan pendeposit menyimpan wang di sana adalah kerana jaminan telah diberi oleh Kerajaan. Bukanlah kerana wang faedah yang tinggi yang hanya tinggi satu, dua peratus daripada bank-bank. Saya beri satu misalan, kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengiklankan bahawa dia boleh beri wang faedah sebanyak 30%, saya percaya di seluruh Malaysia tidak akan dapat seorang pun yang akan menyimpan wang dengannya. Pendeposit-pendeposit menyimpan wang kerana jaminan yang telah diberi oleh Kerajaan. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat. . . .

Tuan Lim Guan Eng: dan Kerajaan mesti menunaikan tanggungjawab mereka. Terima kasih.

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kerajaan mengucap berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Sebenarnya Kerajaan memahami bahawa isu yang serius yang wujud di dalam negara kita ini adalah isu koperasi dan pandangan-pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka itu nampaknya setengahnya benar dan setengahnya tidak benar. Walau bagaimanapun, bukanlah tugas saya di sini membahaskan dengan pihak parti Pembangkang. Bagi pihak Kerajaan, pada masa ini hanyalah saya boleh menyatakan bahawa pihak Kerajaan memahami bahawa isu koperasi ini dengan seriusnya dan juga. . . .

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Loke Yuen Yaw: Tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa hal?

Tuan Loke Yuen Yaw: Tidak ada masa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, dia minta jalan.

Tuan Loke Yuen Yaw: Tidak beri jalan kerana tidak ada masa lagi, hendak pulang cepat. Dan juga Kerajaan akan memberikan perhatian yang sewajarnya. Terima kasih. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul bahawa Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.48 petang.